



98-2867

# **Rosli Dhobi Di Tali Gantung**

Rudi Affendi Haji Khalik

Gaya Media Sdn Bhd (296538-P)

Cetakan Pertama 1997  
© Rudi Affendi Haji Khalik

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenar mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Gaya Media Sendirian Berhad .

ISBN 983-9373-12-9

Muka Taip Teks: Goudy  
Saiz Teks: 10/ 11.5

**Diterbitkan Oleh**

Gaya Media Sdn Bhd (296538-P)  
Sub Lot 2 & 3, Lot 2593 & 2594,  
Tingkat 2, Wisma Sandhu, Jalan Green,  
93400 Kuching, Sarawak.  
Tel: 082-240243/ 235241/ 235251  
Faks: 082-230511

**Dicetak Oleh**

Sarawak Press Sdn Bhd  
Lot 231, Jalan Nipah, Off Jalan Abell Utara  
93100 Kuching, Sarawak.  
Tel: 082-241018

APB **931879**

M  
959. 522092

RUD

Si  
Hi

## KANDUNGAN

BAB 1	Sarawak Sepintas Lalu	I
BAB 2	Masyarakat Melayu Dan Penyerahan Sarawak	25
BAB 3	PPM Dan Bantahan Penyerahan Sarawak	31
BAB 4	Awang Rambli dan Nasionalisme	41
BAB 5	Terbenamnya Badik Di Dada Imperialisme	49
BAB 6	Duncan George Stewart	53
BAB 7	Peristiwa Selepas Serangan	59
BAB 8	Siapakah Rosli Dhobi?	63
BAB 9	Mengadili Pejuang	73
BAB 10	Pesanan Terakhir Rosli Dhobi Kepada Rakyat Sarawak	79
BAB 11	Rosli Dhobi Kembali Ke Sibul	85
BAB 12	Nasib Mat Rimau – Rakan Penjara Rosli Dhobi	89
BAB 13	Pandangan Kritik Tentang Rosli Dhobi	101
BAB 14	Anugerah Kewartawanan Shell: Cetusan Semangat Rosli Dhobi	119
BAB 15	Wawancara Eksklusif Dengan Rosli Dhobi	125

## Prakata

**M**inat menulis mengenai perjuangan Rosli Dhobi tercetus apabila mendapati tidak banyak anak watan negeri ini yang mengenali beliau. Malah catatan perjuangannya kurang diketahui oleh masyarakat umum.

Hal ini disebabkan oleh catatan perjuangan Rosli Dhobi yang dikisahkan secara mendarat dan seimbab lalu dalam banyak buku sejarah. Justeru kehadiran buku ini sekurang-kurangnya dapat menjadi alternatif kepada bahan bacaan ramai, yang ingin mengenali perjuangan Rosli Dhobi dan menyorot situasi di Sibu, menjelang gejala era antipenyerahan Sarawak kepada koloni British.

Tidak mudah untuk menyiapkan buku ini. Malah banyak hambatan dan penapisan terpaksa dilakukan demi memastikan kejujurannya.

Mungkin buku ini tidak lengkap, dan banyak kekurangan, tetapi ia diharap dapat menjadi langkah awal, seterusnya pemangkin kepada usaha pengkajian yang lebih terperinci.

Tentunya ia tidak akan hadir dengan kerjasama yang tidak terhingga daripada individu budiman berikut; Abang Haji Abang Abu Bakar @ Mat Rimau dan keluarga, Wan Zen Wan Abdullah, Moshapha @ Kombos Takip, Yusuf Merais, Fatimah Dhobi, Haji Redzuan Hashim dan Awang Mois Awang Merali.

Begitu juga dengan keluarga Awang Rambli di Kuching dan anak Bujang Suntong di Sibü.

Tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada mereka yang turut membantu menyumbang maklumat kepada penulisan ini. Antaranya termasuklah Sasterawan Negara Datuk Abdullah Hussain, Datuk Haji Mohd Taha Ariffin, Talhata Haji Hazemi selain bantuan peribadi oleh Haji Aziz Malim, Jeniri Amir, Rosli Jaya, Rohana Wahed, Mohd Radzi Bujang dan Ahmad Junaidi Latif. Begitu juga dengan kerjasama Arkib Negeri Sarawak dan Utusan Sarawak — yang menjadi wadah pertama kepada kelahiran artikel-artikel dalam buku ini.

Waima tidak dapat memenuhi keperluan dan kepuasan semua pihak, namun diharap buku ini dapat menjadi pendorong, terutama generasi muda untuk menyelami semangat patriotisme Rosli Dhobi dan rakan-rakannya. Sekian.

Rudi Affendi Haji Khalik  
Kampung No. Enam, Kuching.  
Ogos 1997



# Bab 1

## Sarawak Sepintas Lalu

### Sarawak Di Bawah Kesultanan Brunei

**S**ARAWAK asalnya ialah sebahagian daripada kawasan naungan Kesultanan Brunei. Kesultanan Brunei ditubuhkan pada penghujung abad ke-15 dan telah mencapai kemuncak kegemilangannya pada awal abad ke-16.

Apabila pedagang-pedagang Barat mula berkunjung ke Timur, Brunei menerima tempasnya. Ekonominya merosot kerana diserang oleh orang Portugis dan Sepanyol yang ingin mendapatkan monopoli perdagangan di kawasan ini.

Justeru, untuk menangani kemerosotan dan kejatuhan ekonomi ini, Kesultanan Brunei berusaha menaikkan kadar cukai di kalangan rakyat. Di samping itu, kadar ufti turut ditingkatkan bagi wilayah-wilayah naungannya. Akibatnya, perasaan tidak puas hati timbul dan penentangan terhadap Kesultanan Brunei tercetus.

Penentangan dimulakan oleh masyarakat Melayu yang tinggal di Bahagian Pertama dan Kedua di Sarawak. Mereka melancarkan beberapa siri pemberontakan. Pemberontakan terhadap Kesultanan Brunei bertambah hebat dengan adanya bantuan orang Dayak yang tinggal di kawasan pedalaman.



Faktor lain yang turut melemahkan penguasaan Kesultanan Brunei ialah pertentangan dan permusuhan antara kaum. Sarawak mempunyai pelbagai kaum yang mengamalkan adat yang berbeza. Ini menyebabkan timbulnya permusuhan antara satu sama lain. Kaum ini termasuklah Melanau, Bajau, Ilanun, Sulu, Iban, Dayak dan Melayu. Sultan Brunei tidak mampu mengawal kesemua mereka.

Bagi mengatasi masalah permusuhan ini dari bertambah buruk, Sultan Omar Ali Saifuddin melantik Pengeran Indera Mahkota untuk mentadbir Sarawak pada awal abad ke-19. Pelantikan ini merupakan cubaan Brunei untuk menguatkan semula penguasaannya ke atas Sarawak. Pengeran Indera Mahkota bertaraf wakil Sultan Brunei di Sarawak.

Bagaimanapun, kehadiran Pengeran Mahkota memarakkan lagi pertentangan penduduk tempatan. Para pembesar Melayu Sarawak dan masyarakat Bidayuh (Dayak Darat) menentang pentadbirannya. Ini kerana di bawah pemerintahannya, penduduk tempatan dikenakan cukai yang tinggi manakala hasil mereka diambil tanpa bayaran berpatutan. Masyarakat Bidayuh pula dipaksa bekerja di lombong-lombong antimoni kepunyaannya.

Pada 1936, satu pemberontakan menentang Pangeran Mahkota meletus. Pemberontakan ini dipimpin oleh golongan bangsawan Melayu tempatan seperti Datu Patinggi Ali dan Pengeran Usop (orang buangan Brunei). Mereka bersatu dengan golongan Dayak. Kegiatan penentangan disokong oleh kerajaan Sambas. Pemberontakan ini bertujuan membebaskan Sarawak daripada pemerintahan orang Brunei.

Situasi ini membimbangkan Sultan Brunei. Baginda bertindak menghantar bapa saudaranya, Pengeran Muda Hashim atau gelarananya Bendahara Sri Maharaja Permaisuri untuk menguruskan pentadbiran di negeri ini. Apapun Sultan Brunei sebenarnya silap. Utusannya itu tidak tepat kerana Pengeran Muda Hashim bukanlah calon yang berkelayakan sebagai pemimpin. Malah peribadi yang lemah menyebabkan beliau gagal menjalankan tugasnya menghapuskan pemberontakan. Kegagalan itu menyebabkan Pengeran Muda Hashim bercadang meminta bantuan dari luar.



*Kuching  
pada tahun  
1840.*

### Pemerintahan James Brooke

James Brooke ialah anak pegawai yang bertugas dengan Syarikat Hindia Timur Inggeris. Beliau dilahirkan pada 29 April 1803 di Sercone, India. Apabila dewasa, James Brooke memasuki perkhidmatan angkatan tentera Syarikat Hindia Timur Inggeris pada 1819-1830.

Selepas bersara, Brooke terlibat dalam perdagangan selain menjadi seorang ahli pelayaran. Pada 1830-an beliau membuat beberapa siri pelayaran ke Asia Tenggara dan China. Pada 1839, Brooke tiba di Sarawak dengan kapalnya *Royalist*.

Kedatangannya menjadi utusan Gabenor Bonham dan ahli-ahli Dewan Perniagaan di Singapura untuk menghargai jasa baik Pengeran Muda Hashim menyelamatkan kapal Inggeris yang karam tidak jauh dari pantai laut Kuching pada 1838.

Setibanya di Sarawak, James Brooke telah menemui Pengeran Muda Hashim dan berjaya mengasaskan hubungan yang baik dengan beliau. Pada penghujung September 1839, James Brooke belayar ke Singapura.

Serahun kemudian, beliau kembali ke Sarawak dan tiba di Kuching pada 29 Oktober 1840. Ketika itu, peperangan semakin hebat

berlaku. Penentangan pihak Datu Patinggi Ali telah memasuki tahun keempat.

Kekacauan ini menyebabkan Brooke berhasrat untuk meninggalkan negeri itu sekali lagi. Melihat keadaan yang semakin gawat, Pangeran Muda Hashim merayu James Brooke agar membantunya mengawal kekacauan. Dalam keadaan terdesak itu, Pangeran Muda Hashim berjanji akan menyerahkan Siniawan dan Sarawak (Kuching) serta menggelarkan James Brooke Rajah Sarawak jika James Brooke berjaya mematahkan pemberontakan itu.

James Brooke terpicik dengan tawaran itu lalu meminta bantuan askar Inggeris di Singapura. Akhirnya, dengan kelengkapan senjata moden, beliau berjaya memulih keamanan selepas pertempuran pada 20 Disember 1940.

Orang Datu Patinggi Ali mengaku kalah dan meminta perdamaian. Pangeran Muda Hashim berada dalam dilema. Beliau terpaksa meminta kebenaran Sultan Brunei terlebih dahulu sebelum menyerahkan mana-mana wilayah Sarawak kepada kuasa asing. Manakala James Brooke terus menuntut janji.

Pada masa yang sama, James Brooke telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk menyegerakan pelantikannya. Beliau memba-wa kapal Royalist ke Sungai Sarawak berhampiran kawasan istana itu. Beliau juga mendesak Pengeran Muda Hashim mengusir Pangeran Indera Mahkota keluar dari Sarawak. Beliau kemudiannya mengancam akan menyerang istana Pangeran Muda Hashim seraya mengusir beliau keluar dari Sarawak jika tuntutananya tidak dipenuhi.

Pengeran Muda Hashim tidak ada pilihan lain. Sebaliknya beliau terpaksa tunduk kepada kemahuan James Brooke. Beliau segera memecat Pengeran Mahkota sebagai wakil Sultan Brunei yang memerintah Sarawak.

Pada 24 September 1941, James Brooke diisytiharkan sebagai Rajah Sarawak Pertama bertaraf Gabenor di hadapan khalayak di bandar Kuching.

Pada masa yang sama, satu surat perjanjian penyerahan telah ditandatangani di antara James Brooke dan Pengeran Muda Hashim.

Kandungan surat perjanjian itu ialah:

- Pangeran Muda Hashim menyerahkan Sarawak serta jajahan takluknya dan hasil cukai Sarawak kepada James Brooke;
- James Brooke akan bertanggungjawab terhadap pungutan cukai dan bertanggungjawab mentadbir Sarawak;
- James Brooke bersetuju membayar \$1,000 kepada Sultan Brunei dan Pangeran Muda Hashim. Sebanyak \$300 kepada Datu Patinggi, \$150 kepada Datu Bandar dan \$100 kepada Datu Temenggung;
- James Brooke berjanji akan menghormati dan memelihara undang-undang Sarawak;
- Jika ada pakatan sulit untuk menyerang Sarawak, Sultan Brunei dan Pangeran Muda Hashim akan membantu James Brooke.

James Brooke yang bertaraf Gabenor kemudian bertandang ke Brunei untuk mendapat pengesahan mengenai kuasanya di Sarawak. Setelah berunding, akhirnya James Brooke bersetuju membayar \$2,500 setiap tahun kepada Sultan Brunei.

### **Penentangan Terhadap James Brooke**

Pelantikan James Brooke menimbulkan reaksi yang pelbagai. Tentangan timbul daripada pemimpin masyarakat peribumi Sarawak. Mereka enggan menerima orang asing terlibat dalam hal ehwal tempatan apatah lagi sebagai ketua. Justeru mereka bangkit menentang James Brooke.

Malangnya kebangkitan mereka menambahkan lagi kuasa dan peluasan wilayah oleh James Brooke.

### **Tentangan Dayak Tempatan**

Masyarakat Dayak dianggap lanun oleh orang Eropah. Mereka ini diketuai oleh keturunan Arab. Pihak Inggeris menyatakan bahawa keturunan Arab ini sebagai ketua lanun kerana mereka ialah pengedar

hamba abdi. Hakikatnya, Pengeran Usop, seorang pembesar Sarawak telah bergabung dengan Sharif Usman dan kaum Ilanun dari Teluk Marudu.

Pada 1843-1844, James Brooke meminta bantuan Angkatan Tentera Laut British di Singapura untuk menentang lanun. Brooke bersama-sama Henry Keppel yang membawa kapal perang H.M.S. Dido menyerang dan memusnahkan kubu-kubu Dayak di Sungai Saribas, Padeh, Layar, Rimbas dan Paku.

Pada Ogos 1845, Laksamana Thomas Cochrrane memusnahkan penempatan lanun yang diketuai oleh Sharif Usman di Teluk Marudu. Setelah berlaku pertempuran hebat, angkatan itu berjaya menewaskan angkatan lanun.

Orang Iban di Sungai Saribas dan Sungai Skrang masih lagi melakukan kegiatan pelanunan. James Brooke dengan kapal perangnya H.M.S. Royalist, H.M.S Albertos dan Nemesis berjaya mengepung lanun Iban Saribas. Akhirnya kumpulan lanun ini berjaya ditewaskan dalam satu pertempuran yang dikenali sebagai Perang Beting Maro.

Beberapa minggu selepas tewas dalam pertempuran, ketua-ketua Iban dari Sungai Saribas telah menerima perdamaian daripada James



*Pangeran Muda Hashim*



*Sir James Brooke*

Brooke. Mereka menandatangani satu perjanjian dan berjanji tidak akan melakukan serangan lagi terhadap pihak British.

### Tentangan Pembesar

Brooke turut menerima tentangan pembesar Melayu. Mereka menentang pemerintahan Brooke kerana khuatir kehilangan kedudukan istimewa dan kuasa memungut cukai.

### Tentangan Sherip Masahor dan Datu Patinggi Abdul Gafur

Sherip Masahor ialah Pembesar Daerah Rejang yang menetap di Sarikei sejak 1849. Sementara Abdul Gafur memegang jawatan Datu Patinggi di Kuching.

Pada 1854, Datu Patinggi Abdul Gafur telah dilucutkan jawatannya oleh James Brooke kerana mengenakan cukai yang tinggi kepada rakyatnya. Bagi membalas dendam terhadap tindakan Brooke, beliau telah berpakat dengan Sherip Masahor untuk menghapuskan orang Inggeris di Sarawak.

Pada Jun 1859, ketika Brooke berada di England, pengikut Sherip Masahor dan Abdul Gafur membunuh dua pegawai Brooke iaitu Charles Fox yang menjadi ketua menjaga kota yang baru didirikan di Sarikei dan Henry Steele. Mereka tinggal di Kanowit, Bahagian Ketiga, Sarawak.

Pada waktu itu, Sarawak ditadbir oleh Charles Brooke (anak saudara James Brooke). Beliau telah bertindak balas dengan membawa sepasukan angkatan perang ke Sungai Rejang lalu mendarat di Kanowit. Charles Brooke telah menjatuhkan hukuman bunuh kepada 10 orang yang dipercayai terlibat dalam pembunuhan itu. Sebanyak 15 penjaga kota juga dihukum bunuh kerana mereka bertindak meninggalkan kota semasa kejadian pembunuhan itu berlaku.

Selepas kejadian itu, Sherip Masahor merancang menentang British. Beliau berkomplot dengan Datu Patinggi Abdul Gafur yang dipecat daripada jawatannya oleh James Brooke. Menurut rancangan, Gafur akan menyerang Pontianak dan membunuh semua orang Be-

landa, sementara Sherip Masahor akan menyerang Kuching – serentak. Malangnya rancangan mereka gagal kerana Charles Brooke terlebih dahulu mengetahui rancangan itu.

Kegagalan Charles Brooke membunuh Sherip Masahor menyebabkan usaha-usaha terus dilakukan untuk memburu Sherip Masahor. Charles Brooke menyerang dan membakar Igan, kampung asal Sherip Masahor. Pasukan itu seterusnya menyerang Mukah, tetapi disebabkan pertahanan yang kuat, Mukah tidak dapat ditawan oleh Inggeris.

Pada 20 April 1861, James Brooke berjaya merayu kepada Sultan Brunei supaya meletakkan Mukah di bawah kuasa Brooke. Serentak dengan itu, Sultan Brunei mengarahkan Sherip Masahor keluar dari Mukah. Dalam satu rundingan, akhirnya Sherip Masahor bersetuju menjadi orang buangan di Singapura. Sementara Abdul Gafur yang gagal usahanya di Pontianak telah ditawan oleh Belanda lalu dipenjarakan di Batavia (Jakarta).

### **Tentangan Rentap — Pemimpin Dayak**

Pemerintahan British di Sarawak telah ditentang oleh seorang pemimpin Iban bernama Rentap yang tinggal di Ulu Skrang. Rentap tidak puas hati akan usaha menghapuskan amalan mengayau iaitu memburu kepala di kalangan masyarakat peribumi Sarawak.

Pada Disember 1853, Rentap menyerang kubu Inggeris di Nanga Skrang. Seorang pegawai Inggeris, Alan Lee telah dibunuh. Berikutan itu, pada 1854, dua angkatan perang telah diarahkan untuk membunuh Rentap. Rentap dan pengikut-pengikutnya bagaimanapun berjaya melarikan diri dan menubuhkan kubu baru di Bukit Sadok.

Pada Jun 1857, satu angkatan yang mengandungi 3,500 orang Iban dan 500 Melayu dipimpin oleh Charles Brooke mara ke Bukit Sadok untuk membunuh Rentap. Tetapi usaha itu gagal. Begitu juga usaha pada 1858, turut menemui kegagalan.

Rentap hanya dapat ditewaskan pada 1861, ketika ekspedisi ketiga Charles Brooke ke Bukit Sadok. Tempat kediaman Rentap dan pengikut-pengikutnya dibakar pada 28 Oktober 1861. Rentap melarikan diri ke Sungai Entabai, cawangan Sungai Kanowit. Beliau meninggal

dunia beberapa tahun selepas kejadian itu.

### Pemberontakan Pelombong Cina Bau

Pada peringkat awal kemasukan imigran Cina ke Sarawak, Brooke sangat mengalu-alukan kedatangan mereka. Masyarakat Cina dirasakan dapat memajukan negeri Sarawak. Menjelang 1850, semakin banyak orang Cina bekerja sebagai pelombong emas dan perak di Bau.

Masyarakat Cina ini mempunyai hubungan yang erat dengan masyarakat Cina di Sambas (wilayah pemerintahan Belanda). Mereka mencontohi sikap orang Cina di Sambas yang enggan mengikut arahan Belanda. Oleh itu, masyarakat Cina di Bau telah memusuhi James Brooke. Hal ini menimbulkan masalah yang besar terhadap pemerintahan James Brooke.

Pada 18 Februari 1857, sebanyak 600 orang Cina keturunan Hakka dari Bau telah memberontak dan menawan Kuching. Pemberontakan itu berpunca daripada campur tangan Brooke dalam perdagangan candu dan usaha mengawal kegiatan kongsi gelap Cina.

Pengenaan cukai terhadap kemasukan candu ditentang oleh masyarakat Cina. Bagi mengelakkan cukai, orang Cina menjalankan aktiviti penyeludupan. Pada Januari 1857, kongsi gelap Cina di Bau telah dikenakan denda \$10 atas kesalahan penyeludupan candu. Tindakan ini menimbulkan kemarahan orang Cina, lalu mereka memberontak.

James Brooke bagaimanapun berjaya menguasai semula Kuching dengan bantuan masyarakat Melayu Sarawak dan masyarakat Iban pada 1857. Selepas pemberontakan itu, orang Cina mematuhi segala peraturan British. Kemasukan mereka ke Sarawak telah disekat dan dikawal rapi.

### Tentangan Sultan Brunei

Sultan Brunei yang telah menyerahkan Sarawak kepada James Brooke sebenarnya bersikap anti-Barat. Oleh itu, tidak hairanlah baginda turut sama menentang James Brooke.



Sultan Brunei telah melengkapkan kubu-kubunya di Brunei dan menyerang sebarang kapal British yang memasuki perairan Brunei. Apabila James Brooke mengetahui berita ini, satu angkatan perang telah dihantar ke Brunei.

Angkatan perang British dengan kapal *Phlegethon* tiba ke Brunei. Angkatannya yang telah bersiap sedia melancarkan serangan. Pada 8 Julai 1846, angkatan British yang diketuai James Brooke dan Sir Thomas Cochrane menyerang bandar Brunei, tetapi gagal menawan Sultannya.

Brunei tewas dalam pertempuran itu. Sultan melarikan diri ke sebuah kampung yang bernama Damuan dan berkubu di situ. Sepasukan tentera British diarah menjejaki Sultan Brunei, tetapi gagal.

Kegagalan itu menyebabkan James Brooke mengancam akan membakar dan memusnahkan bandar Brunei jika Sultan masih mengancam kedudukan British di Sarawak. Akhirnya penentangan Sultan Brunei berakhir apabila Sultan berjanji tidak akan menentang British.

### **James Brooke dan Peluasan Kuasa di Sarawak**

Sewaktu James Brooke menjadi wakil Sultan Brunei memerintah Sarawak, beliau hanya bertaraf Gabenor. Pada 24 September 1841, penguasaannya terhad di Bahagian Pertama sahaja iaitu kawasan di antara Tanjung Datu dan Sungai Samarahan.

Bidang kuasa yang kecil ini menimbulkan perasaan tidak puas hati kepada James Brooke. Kuasa yang sedikit ini menyukarkannya menghapuskan pelanunan. Pada 14 Julai 1842, James Brooke ke Brunei untuk mendapatkan pengesahan mengenai kuasanya di Sarawak.

Hasil rundingan dengan Sultan Omar Saifuddin II, satu perjanjian telah ditandatangani pada 1 Ogos 1842. Dalam perjanjian itu, Sultan Omar bersetuju menyerahkan Sarawak dan semua hasil cukai kepada James Brooke. Sebagai balasan, Sultan Brunei akan menerima ufti tahunan sebanyak \$2,500.

James Brooke sentiasa berusaha meluaskan lagi pengaruhnya ke atas Sarawak. Pada Ogos 1853, Sultan Abdul Momin, pengganti Sul-

tan Omar Saifuddin II yang mangkat pada 1852, membuat surat perjanjian dengan James Brooke dan menyerahkan kawasan di sekitar Sungai Sadong, Batang Lupar, Saribas dan Kalaka (Bahagian Kedua).

Perjanjian ini ditandatangani pada 22 Ogos 1853. Brooke bersetuju membayar baginda \$1,500 setahun.

James Brooke, bagaimanapun masih belum berpuas hati dengan kuasa yang diperoleh itu. Sebaliknya pada Ogos 1861, Sultan Brunei, Sultan Abdul Momin didesak supaya memberikan kuasa yang lebih besar. Akhirnya Sultan Brunei bersetuju menyerahkan kawasan pinggir pantai di antara Sungai Rejang dengan Tanjung Kidurong (Bahagian Ketiga Sarawak). Brooke berjanji akan membayar sebanyak \$4,500 setahun kepada Sultan Brunei.

### **Pentadbiran James Brooke**

Ketika memerintah Sarawak, James Brooke berusaha menyusun semula jentera pentadbirannya. Pentadbiran Sarawak di bawah Brooke turut memperuntuk undang-undang tentang pemeliharaan keamanan. Hukuman bagi kesalahan seperti membunuh dan mencuri berasaskan undang-undang tradisional Brunei.

Pada 1855, James Brooke menubuhkan sebuah Majlis Tertinggi yang bertindak sebagai penasihatnya. Majlis ini mengandungi ahli yang terdiri daripada James Brooke sendiri, kedua-dua anak saudaranya iaitu Johnson dan Charles Brooke serta empat Datu Melayu. Majlis ini bersidang sebulan sekali.

Untuk menegakkan ekonominya pula, semua penduduk sama ada Melayu, Cina mahupun Dayak bebas menjalankan apa sahaja bentuk ekonomi terutamanya perdagangan. Apa jua yang hendak didagangkan adalah bebas kecuali antimoni dan candu.

Selain itu, James Brooke turut menggalakkan orang Cina menetap di Sarawak sebagai pelombong dan pedagang. Tujuannya untuk meningkatkan ekonomi Sarawak.

Brooke menggubal undang-undang menjaga kepentingan orang Dayak. Undang-undang itu menyatakan bahawa seseorang tidak akan

dibenarkan mencampuri urusan, mengganggu dan mengambil barang-barang orang Dayak tanpa kebenaran.

Brooke berusaha menghapuskan beberapa adat masyarakat peribumi yang dirasakan kejam seperti adat mengayau atau memenggal kepala mangsanya. Amalan perhambaan yang dijalankan oleh pembesar Sarawak dan Brunei juga cuba dihapuskan.

Sehingga 1868, terdapat sembilan kota atau kubu di sini. Pembinaan kota atas arahan James Brooke adalah untuk mempertahankan dan menentang serangan golongan peribumi Sarawak.

Antara kota-kota ini termasuklah Fort James di Kuala Batang Skrang (1850), Kanowit (1851), Lingga (1852), Sarikei (1856), Fort Lili (1858), Sibu (1863), Fort Charles di Betong (1865), di Lubuk Antu (1868) dan Fort Keppel di Bintulu.

### **Pemerintahan Charles Brooke**

Pada 3 Ogos 1868, Charles dilantik sebagai Rajah Sarawak kedua menggantikan bapa saudaranya, Sir James Brooke. James Brooke meninggal dunia di Devonshire, England pada 11 Jun 1868, ketika berusia 65 tahun. Charles Brooke telah mengangkat sumpah sebagai Rajah Sarawak pada 11 Oktober 1868.

Sebelum membantu tugas bapa saudaranya di Sarawak, Charles Brooke memulakan kariernya dengan Angkatan Laut British. Pada 21 Julai 1852, beliau datang ke Sarawak dan mula berkhidmat dalam pentadbiran Sarawak pada Januari 1853. Tugas pertamanya ialah sebagai pentadbir kawasan Lundu yang terletak di barat bandar Kuching.

Nama sebenar Charles Brooke ialah Charles Johnson tetapi telah diubah menjadi Charles Brooke mengambil nama sempena keluarga Brooke (sebelah ibunya). James Brooke menggelarnya Tuan Muda.

### **Pentadbiran Charles Brooke**

Pada zaman pentadbiran Charles Brooke, Sarawak ditadbir dengan keras dan tegas, tetapi pemurah. Lantaran itu Charles Brooke digelar "pemerintah kuku besi yang berperikemanusiaan". Beliau seorang

yang cekap, berfikiran matang dan berpengetahuan luas dalam hal ehwal politik Sarawak.

Pada Ogos 1972 dalam satu istiadat yang sederhana, Charles Brooke telah merasmikan bandar ibu negeri Sarawak dengan nama Kuching. Nama ini mengambil sempena nama sebuah sungai kecil yang tidak jauh dari bandar itu.

Pada 1867, Charles Brooke telah menubuhkan Majlis Mesyuarat bagi seluruh negeri Sarawak yang dikenali sebagai Council Negeri. Penubuhan itu memberi peluang kepada ketua suku kaum mengambil bahagian yang aktif dalam pentadbiran Sarawak.

Ahli Council Negeri terdiri daripada:

- Ahli Majlis Tertinggi
- Ketua suku-suku kaum dari beberapa daerah
- Pegawai-pegawai Eropah dan tempatan (kebanyakan Melayu)
- Residen-residen Eropah

Majlis Council Negeri bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali setahun bagi meluluskan sebarang keputusan politik atau perkembangan politik penting. Persidangan pertama dilangsungkan di Bintulu. Persidangan kedua di Sibul pada 1868 manakala persidangan berikutnya, di bandar Kuching.

Charles Brooke membahagikan Sarawak kepada tiga Bahagian (division). Pentadbirannya diketuai oleh Rajah dan dibantu oleh Council Negeri. Setiap Bahagian diketuai oleh seorang Residen. Residen dibantu oleh timbalan-timbalan Residen dan pegawai rendah yang lain. Residen terdiri daripada orang Eropah. Orang Melayu jarang dilantik sebagai Residen. Malah jika ada pun, hanyalah jawatan sementara.

Di peringkat Bahagian, setiap Residen mempunyai Majlisnya sendiri. Bahagian dibahagikan kepada beberapa daerah. Setiap daerah ditadbir oleh Pegawai Daerah sama ada berbangsa Eropah, Melayu ataupun keturunan kacukan. Tetapi kuasa dipegang oleh Rajah. Undang-undang yang diamalkan tidak bertulis sebaliknya secara lisan sahaja. Menjelang 1912, Sarawak dibahagikan kepada lima Bahagian.

Di peringkat kampung, ketua-ketua suku bertanggungjawab me-

ngekalkan keamanan dan sistem pungutan cukai.

Bagi mengawal kegiatan masyarakat Cina pula, Charles Brooke telah menjalankan sistem pentadbiran yang lebih tersusun. Setiap kumpulan orang Cina diletakkan di bawah kawalan ketua mereka yang dikenali sebagai *Kang Chu* atau *Kepala*. *Kang Chu* dilantik oleh Residen.

Sarawak mengamalkan sistem perundangan tempatan berdasarkan kepada sesuatu suku kaum tersebut. Undang-undang Inggeris hanya akan dijalankan jika timbul sebarang keraguan terhadap undang-undang tradisional.

Setiap kes sivil yang dilakukan oleh kaum Melayu, Cina dan Dayak akan diberi kebenaran oleh Charles Brooke untuk diselesaikan oleh ketua-ketua masyarakat mereka. Jika kes itu berat seperti melibatkan kes jenayah dan melibatkan suku yang lain, ia akan diadili oleh Residen, timbalan Residen atau Rajah Sarawak sendiri.

Dalam sistem perhambaan, Rajah Sarawak mengadakan undang-undang penghapusan hamba secara berperingkat-peringkat. Satu undang-undang pengharaman import eksport hamba telah diwujudkan. Jika didapati seseorang itu menindas hambanya, tuan punya hamba akan didakwa oleh mahkamah. Sebarang penjualan atau pemindahan hamba mesti didaftarkan. Seseorang hamba dibenarkan membuat kerja upahan bagi membebaskan dirinya.

Bagi membebaskan semua hamba, pada 1883, Charles Brooke telah memperkenalkan rang undang-undang membebaskan semua hamba dalam tempoh lima tahun. Akhirnya rang undang-undang ini ditarik balik kerana pengamalan perhambaan tidak menimbulkan masalah dalam pentadbiran.

Perkembangan bidang sosial berada di taraf sederhana. Charles Brooke membenarkan pembukaan sekolah-sekolah, tetapi tidak menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi. Mubaligh Kristian ramai yang terlibat dalam penubuhan sekolah-sekolah ini. Pada 1903, Sekolah Tinggi Kerajaan telah ditubuhkan.

Perkhidmatan kesihatan telah diadakan. Tetapi perkembangannya tidak menggalakkan. Hanya terdapat seorang pegawai perubatan ber-

bangsa Eropah yang berkhidmat sehingga akhir abad ke-19. Pada 1913, sebuah hospital telah didirikan di Sibiu.

Sistem perhubungan juga dibaiki dan jalan raya telah dibuka. Tetapi hanya diutamakan di bandar Kuching. Pada 1900, bandar Kuching telah mempunyai perkhidmatan telefon. Perkhidmatan telefon dan telegraf kemudiannya berkembang ke tempat-tempat penting.

Kemajuan ekonomi di Sarawak adalah sederhana. Ini merupakan kesan pemerintahan James Brooke yang tidak membenarkan kemasukan pelabur Eropah. Namun demikian, terdapat sedikit peningkatan dalam ekonomi Sarawak. Tetapi dasar Charles Brooke masih mengikuti dasar lama James Brooke menyebabkan tidak berlakunya perkembangan pesat pihak swasta.

Dasar ini dilakukan untuk melindungi kepentingan masyarakat tempatan dan mengawal keselamatan negeri daripada huru-hara akibat penghijrahan masuk pendatang asing. Di samping itu, dasar ini diamalkan juga supaya Syarikat Borneo yang merupakan syarikat tunggal dapat menjalankan perdagangan dengan selesa tanpa saingan syarikat lain.

Melalui sistem Kang Chu, Charles Brooke dapat menggalakkan kemasukan pendatang-pendatang Cina secara teratur ke Sarawak bagi mengusahakan tanaman lada hitam. Charles Brooke mengambil kira kepentingan masyarakat tempatan dengan memberi peruntukan tanah bagi tanaman lada hitam kepada saudagar Cina tempatan.

Insentif terhadap penanaman lada hitam telah menyebabkan pertambahan komoditi itu dalam eksport. Menjelang 1885, jumlah eksport lada hitam ialah sebanyak 392 tan. Tumpuan utama bagi penanaman jenis ini ialah di Bahagian Pertama dan Ketiga.

Tanaman lain ialah gambir. Menjelang 1885, jumlah gambir yang dieksport ialah 1,370 tan. Getah pula ditanam pada 1905. Pada peringkat itu, getah hanya diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil. Sebahagian kecil sahaja ladang getah dibuka untuk tujuan ini. Penanaman getah diusahakan oleh orang Cina dan Iban. Bagi mengatasi masalah kekurangan buruh yang bekerja di ladang getah, buruh-buruh Jawa diimport.

Sagu pula merupakan tanaman eksport yang utama. Sepanjang abad ke-19, sagu diusahakan oleh orang Melanau di kawasan Mukah. Tetapi perniagaan ini diuruskan oleh orang Cina. Kawasan utama sagu meliputi Bahagian Kedua dan Ketiga. Pertambahan dari segi pengeluaran menyebabkan jumlah eksport sagu meningkat dari 8,700 tan pada 1887 kepada 20,400 tan pada 1907.

Schingga pertengahan 1880-an, antimoni merupakan hasil galian yang utama. Antimoni dilombong di kawasan Bau oleh orang Cina dan Melayu. Raksa merupakan galian yang dieksport bagi menggantikan antimoni yang telah merosot pengeluarannya. Tetapi selepas 1886, pengeluaran raksa turut merosot. Emas juga turut menjadi galian penting di antara 1898-1912.

Arang batu pula merupakan galian penting di Sarawak mulai 1889 sehingga 1898. Jumlah pengeluarannya telah meningkat daripada 500 tan pada 1874 kepada 31,390 tan pada 1898.

### **Charles Brooke dan Peluasan Kawasan Sarawak**

Pada 1883, orang Kayan yang mendiami kawasan Sungai Baram telah bangkit menentang kerajaan Brunei. Orang Kayan telah menghalau pegawai-pegawai kerajaan Brunei dan enggan membayar cukai kepada kerajaan Brunei.

Sultan Brunei pula gagal mengawal orang Kayan. Oleh yang demikian, Rajah Charles Brooke pergi ke Brunei berunding dengan Sultan Brunei. Dalam rundingan itu, Sultan Brunei bersetuju menyerahkan daerah Sungai Baram kepada Sarawak pada 1882. Sultan Brunei akan dibayar pampasan sebanyak \$4,200 setiap tahun.

Sejak penyerahan pada 1882, kawasan dari sepanjang pantai Tanjung Kidurong hingga ke Sungai Baram termasuk Simlanjau, Suai, Niah dan Sibuti jatuh di bawah kekuasaan Sarawak. Charles Brooke mendirikan sebuah kota di Marudi untuk mengawal keamanan.

Setelah penyerahan Sungai Baram kepada Sarawak, satu pergaduhan di Sungai Trusan berlaku. Penduduk di Sungai Trusan telah membunuh 20 orang Sarawak yang datang ke Sungai Trusan. Justeru pada 1885, Sultan Brunei, Sultan Abdul Momin telah menyerahkan

daerah Sungai Trusan kepada Sarawak. Sultan Brunei dibayar \$4,500 setahun.

Sejak 1884, penduduk Limbang di sempadan Brunei telah melakukan pemberontakan terhadap Kesultanan Brunei. Pemberontakan itu disebabkan oleh kezaliman pembesar Brunei yang memerintah daerah itu. Pada Mac 1890, ketua-ketua penduduk di Limbang telah mengibarkan bendera Kerajaan Sarawak di Limbang untuk meminta perlindungan Kerajaan Sarawak. Pada 17 Mac 1890, Charles Brooke mengambil daerah Limbang untuk membantu penduduk yang tertindas atas kebenaran Sultan Hashim Brunei.

Kawasan pemerintahan Charles Brooke semakin bertambah luas apabila Syarikat Borneo Utara British menyerahkan daerah Sungai Lawas pada 1905.

### **Charles Brooke dan Kekacauan Tempatan**

Masyarakat tempatan ketika ini masih lagi menentang pemerintahan keluarga Brooke. Pada 13 Mei 1870, sebanyak 3,000 orang Iban dari Kanowit di bawah pimpinan ketua mereka, Lintong telah menyerang kota Inggeris di Sibn. Serangan itu dipatahkan oleh pihak Inggeris di Sarawak.

Pada tahun yang sama, orang Iban Ulu Batang Ai telah mendiami Sungai Katibas dan melakukan kekacauan. Charles Brooke menghantar dua ekspedisi pada 1870, tetapi mereka masih lagi melakukan kegiatan yang sama. Setelah beberapa kali diserang oleh pihak Inggeris, pada Disember 1875, orang Iban Ulu Batang Ai dipaksa meninggalkan Sungai Katibas. Mereka diberi kebenaran tinggal di Batang Lupar.

Pada Mac 1886, Charles Brooke menghantar satu angkatan perang mengandungi 12,000 orang Iban untuk menyerang orang Iban yang mendiami kawasan bernama Kadang. Orang Iban di Kadang selalu menimbulkan masalah kepada pemerintahannya. Orang Iban Kadang akhirnya tertewas dan ketua mereka, Ngumbang menyerah diri kepada British.

Walaupun Ngumbang tewas, namun saki-baki kumpulan itu masih enggan mengikut arahan British supaya mendiami Batang Lupar. Mereka diketuai oleh Bantin dan beramai-ramai mendiami Ulu Sungai



Delok, cawangan Ulu Batang Lupar. Residen H.F. Deskon mengarahkan Ngumbang menyerang pengikut-pengikutnya. Akhirnya masalah tersebut dapat diatasi.

Mulai 1895, Bantin menunjukkan sikap memusuhi Kerajaan Brooke. Hal ini berlaku apabila Bantin didenda oleh Residen D.S.J. Bailey kerana membawa masuk tajau dan perkakas tembaga tanpa cukai.

Bagi melahirkan rasa tidak puas hati, Bantin telah melancarkan beberapa serangan ke atas perkampungan Dayak yang lain. Di Sukong, kumpulan Bantin telah membunuh 10 orang Iban. Berikutan itu, Charles Brooke telah menghantar sepasukan tentera menyerang Bantin di Ulu Batang Lupar. Pihak Inggeris membinasakan rumah orang Iban dan membunuh 18 pengikut Bantin. Meski begitu, Bantin berjaya melarikan diri ke sempadan Kalimantan.

Pada Mac 1898, Charles Brooke pergi ke Simanggang bagi mendapatkan kerjasama ketua-ketua Iban agar mereka tidak menyerang British. Charles Brooke mendesak mereka supaya memelihara keamanan dalam negeri. Dua bulan selepas itu, kerajaan Sarawak dapat menamatkan permusuhan orang Iban di hulu dan hilir Batang Lupar.

Pemerintahan Charles Brooke masih lagi mengalami masalah penentangan orang Iban. Bantin yang telah melarikan diri ke Kalimantan kembali semula. Pada Mac 1902, Bantin menyerang orang Iban di Sermat. Pada waktu yang sama, Charles Brooke menghantar sepasukan tentera untuk menyerang Bantin. Tetapi serangan itu gagal kerana angkatan Inggeris diserang taun.

Pada 26 September 1902, serangan dilakukan oleh Bantin ke atas orang Iban di hilir Sungai Lemanak Luar, Batang Lupar. Serangan ini mengakibatkan 72 penduduk terkorban. Pada Oktober dan November 1902, Residen Bailey membuat serang balas, tetapi gagal.

Bantin hanya dapat ditewaskan dalam Pertempuran Bong Kap pada 1904. Akhir Mac 1909, Bantin telah berjanji tidak akan melakukan kekacauan lagi. Bantin bersetuju membayar denda yang dikenakan ke atasnya.

Charles Brooke juga menghadapi tentangan orang Iban di kawas-

an Sungai Balleh. Mereka melakukan adat memenggal kepala dan menyatakan tentangan terhadap British.

Pada 1915, ketua kumpulan iaitu Merum melancarkan pemberontakan. Mereka dapat ditewaskan oleh British. Jawatan Merun sebagai penghulu dilucutkan.

Charles Brooke telah berkhidmat dalam Kerajaan Sarawak selama 65 tahun, termasuk 48 tahun sebagai Rajah Sarawak. Pada 17 Mei 1917, Charles Brooke meninggal dunia dalam usia 88 tahun.

### **Pemerintahan Vyner Brooke**

Vyner Brooke dilahirkan di England pada 26 September 1874. Beliau mula berkhidmat di Sarawak sewaktu berusia 23 tahun. Jawatan yang mula dipegangnya ialah sebagai Residen Daerah Batang Lupar pada 1889-1899. Beliau ialah ahli Majlis Mesyuarat Negeri Sarawak.

Pada 1900, Vyner Brooke dilantik sebagai Rajah Muda Sarawak. Vyner Brooke menggantikan ayahnya, Charles Brooke dalam satu adat istiadat yang diadakan di bandar Kuching pada 22 Julai 1918.

### **Pentadbiran Vyner Brooke**

Pada 1924, Vyner Brooke telah memperkenalkan Kanun Jenayah Sarawak yang berasaskan Kanun Jenayah India. Pengenalan kepada Kanun Jenayah bertujuan untuk mengekalkan keamanan di Sarawak.

Jawatan Ketua Setiausaha juga diperkenal pada 1923. Pesuruhjaya Kehakiman dilantik pada 1928. Selanjutnya pada 1930, jawatan itu dinaikkan ke taraf Ketua Hakim.

Masalah penyelarasan kaum Cina diatasi dengan melantik seorang Setiausaha bagi Hal Ehwat Cina pada 1929. Tugasnya ialah menguruskan hal-hal berkaitan orang Cina melalui kata-kata atau kapitan Cina.

Vyner Brooke mewujudkan kembali pangkat dan jawatan Datu Patinggi di Sarawak.

Pada 29 April 1937, Abang Haji Abdillah telah diangkat sebagai Datu Patinggi. Pada 24 Disember 1934, Rajah Sarawak mengisytiharkan Perlembagaan Sarawak. Ini ekoran perkembangan aliran kerajaan bercorak demokrasi di Eropah pada waktu itu. Di samping itu pengaruh Mac Bryan (setiausaha sulit Vyner) menyebabkan Vyner Brooke bersetuju mewujudkan satu perlembagaan negeri Sarawak.

Dengan pengisytiharan itu, maka secara automatik terlucutlah kuasa mutlak yang dipegang oleh Rajah. Serentak itu, pemerintahan Sarawak tertakluk di bawah nasihat dan persetujuan Majlis Mesyuarat Tertinggi Sarawak yang dibentuk. Sebanyak 15 ahli tertinggi dilantik.

Mereka terdiri daripada orang besar, ketua-ketua kaum dan Rajah Sarawak. Di bawahnya ialah Majlis Negeri yang terdiri daripada 25 anggota. Sebanyak 14 orang terdiri daripada pegawai perkhidmatan awam dan 11 orang lagi anggota tidak rasmi yang dilantik oleh Rajah.

Kerajaan British merestui perlembagaan ini dan melantik seorang penasihat bagi negeri Sarawak. Pada 17 November 1941, satu Mesyuarat Negeri mengikut perlembagaan baru telah diadakan. Persidangan itu dipengerusikan oleh Kapten C.D Le Gros Clark. Tetapi perkembangan itu tidak sempat dilaksanakan kerana meletusnya Perang Pasifik dan pendudukan Jepun di Sarawak.

Dalam perundangan, segala undang-undang dan perbelanjaan negeri mesti diluluskan dahulu oleh Majlis Negeri. Namun Rajah Sarawak mempunyai kuasa untuk membatalkan rang undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Negeri. Perlembagaan 1941 tidak mempunyai peruntukan mengenai pilihan raya negeri.

Ketika pentadbirannya, permintaan getah semakin meningkat di pasaran antarabangsa. Ini menyebabkan getah muncul sebagai eksport terpenting di Sarawak. Jumlah eksport telah bertambah dari 6,700 tan pada 1924 kepada 10,450 tan pada 1931. Menjelang 1941, jumlah keluasan tanaman getah semakin bertambah iaitu sebanyak 97,021 hektar.

Perusahaan petroleum juga penting bagi ekonomi Sarawak. Pada 1909, sebuah syarikat The Sarawak Oil Company telah ditubuhkan untuk memajukan industri petroleum di Sarawak. Pengeluaran petro-

leum bermula pada 1914. Kawasan pengeluaran utama ialah di Miri. Jumlah pengeluaran petroleum meningkat dari 260 tan pada 1911 kepada 700,000 tan pada 1927.

Kayu balak diusahakan secara kecil-kecilan sehingga Perang Dunia Kedua. Perusahaan ini belum berkembang di pasaran antarabangsa. Hampir kesemua hasilnya dijual di pasaran tempatan sahaja.

Sarawak merupakan kawasan bergunung-ganang dengan aliran sungai yang panjang dan lebar terutama di kawasan pedalaman. Oleh itu, sebelum Perang Dunia Kedua kapal-kapal laut dan perahu sungai merupakan cara pengangkutan yang utama. Perkembangan sistem jalan raya di Sarawak dihalang oleh kawasan paya yang terdapat di daratan dan bukit-bukau di kawasan pedalaman.

Sistem jalan kereta api dibina bagi menghubungkan Kuching dengan Bau pada 1917. Tetapi kereta api bukanlah sistem pengangkutan yang penting di Sarawak. Perkhidmatan ini telah ditutup pada 1932 akibat kemelesetan ekonomi dunia.

Perkembangan ekonomi menyebabkan wujudnya masyarakat majmuk. Penghijrahan masuk buruh Cina dan Indonesia secara beramai-ramai telah menyebabkan hal ini berlaku.

Masing-masing kaum Cina, Melayu dan Dayak mengekalkan iden-



*Demonstrasi Kaum Ibu membantah penyerahan Sarawak kepada koloni British pada 1947.*

titi dan kebudayaan masing-masing. Mereka mengamalkan cara hidup yang berbeza dan tinggal di tempat yang berasingan. Tumpuan orang Cina ialah di kawasan bandar dan kawasan pertanian, orang Melayu di sepanjang pantai dan hilir sungai manakala orang Dayak pula mendiami kawasan pedalaman.

Beberapa bandar baru telah wujud seperti Miri dan Sibul. Kewujudan ini akibat daripada aktiviti ekonomi seperti perusahaan perlombongan, pertanian dan kayu balak.

Pertambahan penduduk Sarawak begitu pesat. Penghijrahan masuk buruh Cina dan Indonesia menyebabkan jumlah penduduknya bertambah daripada 416,000 orang pada 1908 kepada 490,585 orang pada 1939.

Pembangunan ekonomi Sarawak tertumpu di Bahagian Pertama dan Kedua. Di samping itu, perdagangan hanya dimonopoli oleh masyarakat Cina. Orang Melayu dan kaum Bumiputera lain ketinggalan dalam bidang ekonomi. Ini telah menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan pembangunan ekonomi di antara kawasan dan kaum di Sarawak.

Rajah Vyner Brooke telah mengambil beberapa langkah yang sesuai dalam mengatasi masalah penentangan masyarakat tempatan terhadap pemerintahan British dan masalah pertentangan antara kaum. Vyner Brooke telah mengadakan satu perjumpaan dengan Dayak Ulu Batang Ai dan Dayak Engkari. Ketua-ketua suku kaum ini bersetuju memelihara keamanan di kalangan mereka dalam istiadat bertukar-tukar tajau dan menyembelih beberapa ekor khinzir. Perjumpaan ini telah diadakan pada 4 Ogos 1920 dan dinamakan "Berbunuh Babi".

Pada Mac 1924, Rajah Vyner Booke bagi kali kedua telah berjaya megandakan satu lagi perjumpaan di tempat yang sama. Perjumpaan kali ini ialah untuk mendamaikan orang Iban dari Ulu Batang Lupar dengan orang Iban yang tinggal di Hilir Batang Rejang yang selalu bermusuhan.

Satu lagi perjumpaan yang besar telah diadakan di Kapit pada 15 November 1924. Perjumpaan itu dihadiri oleh kira-kira 4,000 orang Iban, Kayan dan Kenyah. Dalam istiadat itu, pemimpin-pemimpin suku kaum yang bermusuhan bersetuju mengekalkan keamanan di ka-

langan mereka. Kesannya dalam tempoh dua tahun Sarawak berada dalam keadaan aman.

Kemelesetan ekonomi pada awal 1930-an telah mengakibatkan kejatuhan dalam beberapa komoditi utama Sarawak. Sebilangan orang Dayak yang terlibat dalam penanaman getah dan pengeluaran barangan hutan berasa tidak puas hati. Kekacauan telah dibangkitkan oleh orang Iban di Ulu Sungai Kanowit, Entabai dan Ulu Sungai Julau.

Mereka di bawah pimpinan Penghulu Asun enggan membayar cukai dan cuba melancarkan pemberontakan.

Satu ekspedisi dihantar pada 1932 untuk menangkap Asun, malangnya gagal kerana Asun telah melarikan diri ke hutan. Akhirnya pada bulan Disember 1932, Asun menyerahkan diri kepada Kerajaan Sarawak. Asun ditahan dan dibuang ke daerah Lundu di Bahagian Pertama Sarawak.

Seterusnya pada 1933, kesemua pengikut Asun telah menyerahkan diri dan kerajaan telah mengarah mereka untuk tinggal di Igan, iaitu di pinggir laut Bahagian Ketiga Sarawak.

Pada 1934, kekacauan meletus apabila beberapa pemuda Iban melakukan perbuatan mengayau. Tiga lelaki Cina dibunuh di Belawai. Seterusnya pada Ogos 1934, mereka menyerang sekumpulan orang Melayu dan Kayan di Palagus.

Kerajaan bertindak mendirikan beberapa pondok bagi menjaga keselamatan di kawasan itu. Askar-askar dari Bahagian Kedua Sarawak telah ditempatkan di situ. Orang Iban tersebut dapat dihapuskan. Menjelang 1940, amalan mengayau di kalangan suku kaum Sarawak tidak lagi dijalankan.

### **Penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British**

Jepun menduduki Sarawak mulai 1941 sehingga 1945. Vyner Brooke pulang semula ke Sarawak selepas melarikan diri ke Australia, sewaktu pendudukan Jepun.

Sebelum Perang Dunia Kedua, Vyner Brooke enggan menye-

mereka daripada menunaikan tanggungjawab kepada bangsa dan negara.

Akibatnya, keadaan perkhidmatan kerajaan ketika itu menjadi lumpuh sementara. Malah ia menyebabkan sistem pendidikan masyarakat Melayu menjadi lemah dan tidak teratur. Buktinya, *Utusan Sarawak* pada 16 Januari 1946 melaporkan, "disebabkan perkara yang 18 bulan terdahulu — 90 peratus guru Melayu telah berhenti beramai-ramai — maka tiada orang berkelayakan yang dapat mengisi tempat mereka."

Ahli 338 yang sebelum ini senang makan gaji dengan kerajaan terpaksa mencari alternatif lain untuk hidup. Kehidupan menjadi susah memandangkan masing-masing kini tidak mempunyai pendapatan tetap. Untuk mencari sesuap nasi, kebanyakan mereka menjalankan aktiviti seperti berhumas, bertani, berladang dan berniaga.

Apapun, aktiviti siasah tetap mereka jalankan meskipun dalam keadaan hidup yang terhimpit — apatah lagi pada zaman selepas perang itu cukai melampau, manakala kos sara hidup melangit.

Penduduk di Kuching misalnya dilaporkan mengalami kekurangan gula dan beras. Justeru mereka mengadakan catuan di kedai yang terletak di pasar dan kampung.

Menurut bancian pada 1947, jumlah penduduk Sarawak ketika itu ialah 546,385 orang dengan majoriti Bumiputeranya seramai 395,417 orang. Dalam kategori Bumiputera ini pula, masyarakat Melayu Melanau ialah sebanyak 133,029 orang. Justeru, kerajaan menerima tampanan hebat dan masalah besar untuk mengendalikan penduduk seramai ini lewat berhentinya mereka ini.

Sementelahan, kehidupan penduduk ketika itu juga berubah. Masyarakat Melayu pula terbahagi kepada dua puak iaitu mereka yang menyokong penyerahan (procession) dan membangkang penyerahan (anticeession).

Kebanyakan mereka yang membangkang penyerahan bersatu di bawah payung PKMS dan Pergerakan Pemuda Melayu Sibn (PPM) — yang bersatu menentang penyerahan seperti yang digambarkan oleh teguran dan suara rasa melalui surat oleh Johari Anang (Setiausaha



*Pergerakan  
Pemuda  
Melayu  
1948.  
Awang  
Rambli  
duduk  
di tengah.*

PKMS) dan Awang Rambli (Setiausaha Agung merangkap Penasihat PPM).

Malah untuk merancang serta menghangatkan semangat penduduk tempatan, pertubuhan-pertubuhan ini sering menghantar wakil mereka ke segenap pelosok negeri ini. Misalnya, Rosli Dhobi (Penolong Setiausaha PPM) pernah bertandang ke Kuching bersama-sama Haji Matnoh (Lundu), Mohd Busri (Kabong) dan Mohd Suhaili (Sematan) dalam kerangka menjalinkan perpaduan masyarakat Melayu ketika itu.

Sementara itu, di Sibul, kebanyakan penduduknya sarat dengan semangat untuk menentang penyerahan Sarawak kepada kerajaan koloni, meski tidak kurang yang menyokong penyerahan tersebut. Suara bangkangan akan penyerahan ini bukan sahaja daripada kalangan penduduk Melayu, malah daripada bangsa Iban dan Dayak yang lain.

Dalam konteks Melayu Sibul pula ketika itu, telah wujud Persatuan Melayu Muda atau Young Malay Association (YMA).

Persatuan yang beribu pejabat di Kuching ini dipimpin oleh Abang Abdul Razak Abang Hamid. Mereka ialah segelintir daripada beberapa pihak golongan kanan yang berpendapat bahawa cara bekerjasama dengan Inggeris akan menjamin kemerdekaan bagi Sarawak.



Demonstrasi  
anticeSSION di  
Kuching  
pada 1946.



Bagaimanapun, perbezaan pendapat dan fahaman ini tidak ditanggapi dengan fikiran terbuka. Ia telah menimbulkan suasana suram dari segi perpaduan. Ia bukan sahaja meregangkan ikatan persaudaraan antara keluarga, malah turut menyebabkan mereka yang sesama Islam tidak bertegur sapa.

Hakikat ini diakui oleh Abang Ahmad Abang Abu Bakar. Ujarnya, ketika itu, keadaan masyarakat Melayu terbahagi kepada dua golongan. Golongan pertama ialah mereka yang *anticeSSION* atau membangkang penyerahan manakala golongan yang lebih kecil bilangannya, menyokong penyerahan atau prokolonial.

Sebahagian besar masyarakat Bumiputera terutama Melayu ialah mereka yang menentang penyerahan. Justeru keadaan ini telah mewujudkan ketegangan seperti pemboikotan dan kebencian. Keadaan ini lebih terasa bagi mereka yang prokoloni. Apabila mereka mengadakan kenduri kahwin, pihak yang membangkang penyerahan tidak akan hadir. Malah apabila berlaku kematian, hanya empat hingga lima orang (yang prokoloni) hadir mengiringi jenazah ke kubur.

Lebih memeritkan, apabila hari Jumaat, golongan antipenyerahan ini langsung tidak menjejakkan kaki mereka ke masjid untuk bersembahyang Jumaat. Ini menyebabkan masjid menjadi lengang — dengan kehadiran 10 hingga 20 makmum sahaja. Hal ini demikian kerana pegawai masjid termasuk imamnya disifatkan sebagai prokoloni dan

dianggap kolot.

Sebaliknya sembahyang Jumaat dan sunat hari raya oleh golongan anti penyerahan dilangsungkan dalam suasana penuh sesak di rumah Tuanku Haji Abu Bakar (al-marhum) di Kampung Hilir.

Hal yang sama berlaku di Kuching. Menurut *Utusan Sarawak*, masjid negeri ketika itu tidak dikunjungi oleh golongan antipenyerahan memandangkan Imam Nawawi dan kakitangan masjid yang lain ialah kakitangan kerajaan. (Mereka yang bekerja dengan kerajaan dianggap menyokong akan kehadiran koloni, sekali gus merelakan negeri ini dijajah British)

Pemboikotan ini berjalan terus-menerus sepanjang tahun sehingga ada pihak yang mengalirkan air mata. Mereka sedih melihat masyarakat Melayu berpecah-belah ketika itu.

Malah keadaan ini juga membuktikan bahawa ada pihak yang sanggup bercerai bangsa dan agama dengan saudaranya sendiri demi melihat negaranya merdeka waima dalam acuan yang mereka rasmalkan; secara agresif mahupun bekerjasama dengan pihak koloni.

Bagaimanapun, bangkangan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu, khususnya ketika itu terhadap kepada menampal poster, berhimpun dan menulis surat bangkangan semata-mata. Ia tidak lebih daripada itu.

Buktinya, *Utusan Sarawak* melaporkan bahawa pada petang Rabu, 16 Mac 1949, pegawai British, John A Thivy melawat kampung-kampung Melayu. Di situ beliau disambut oleh poster antipenyerahan yang diletakkan di pelbagai tempat, terutamanya di kampung-kampung Melayu.

Manakala suara rasa mereka pula hanya terakam pada surat-surat bangkangan — yang ternyata tidak dipedulikan oleh koloni.

"...Kita amat duka cita kalau British bertujuan hendak menghapuskan Bahasa Melayu, bahasa anak negeri dengan menolak guru-guru yang berpengalaman dan mempunyai kelulusan yang diakui. Pelajaran Bahasa Inggeris memang dihajati, tetapi menginggeriskan Bumiputera supaya menjadi anak jajahan 100 peratus wajib dihentikan..."

Inilah salah satu daripada ribuan surat bangkangan penduduk tempatan kepada pegawai-pegawai British ketika itu. Surat di atas, yang dikutip oleh *Utusan Sarawak* telah ditulis oleh seorang penduduk tempatan kepada John A Thivy dan Pesuruhjaya Agung British, Malcolm MacDonald.

Situasi bangkangan ini berterusan sehinggalah ketibaan Duncan George Stewart yang menggantikan Sir Charles Noble Arden Clarke sebagai Gabenor Sarawak pada 1949 diwarwarkan. Malah pembesarpembesar Melayu merancang untuk memulau upacara sambutan dan pelantikan Gabenor itu selain mengharapkan Kerajaan British sedar akan ketidaksetujuan mereka tentang penyerahan negeri ini — meskipun sudah tiga tahun ia berlaku.

Apabila Duncan Stewart tiba di Kuching pada 14 November 1949, PKMS langsung tidak menghantar wakilnya untuk hadir, apatah lagi berucap. PPM pula agak radikal sifatnya.

Penduduk Melayu menyambut Gabenor Kedua Sarawak itu dengan ribuan poster bantahan yang dipancang dan dipacak di dalam kampung dan pinggir sungai. Surat-surat bangkangan juga diedarkan. Bangkangan seumpama ini tidak dipedulikan, bahkan Kerajaan British semakin ego dan sombong. Mereka tidak melayan kerenah rakyat.

"...Rakyat Sarawak cinta akan keamanan dan pergerakan antipenyerahan adalah berdasarkan undang-undang dan pernyataan kerajaan..." ujar jurucakap kerajaan ketika itu sambil menyifatkan gerakan antipenyerahan di negeri ini tidak mendatangkan bahaya kepada kerajaan.

### Bab 3

## PPM Dan Bantahan Penyerahan Sarawak

**M**ENURUT Abang Ahmad Haji Abang Abu Bakar, Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) ditubuhkan di Bahagian Ketiga (Sibu) selepas masyarakat Melayu di kawasan itu mendapat berita bahawa Rajah Vyner Brooke sedang berunding dengan British di London untuk menyerahkan Sarawak sebagai sebuah koloni pada 1946.

Berita yang disambut dengan tunjuk perasaan antipenyerahan secara besar-besaran di Kuching ini mengkhabarkan bahawa Sarawak ketika itu sudah bankrap. Malah kononnya, Sarawak tidak mampu membayar hutang yang begitu banyak kepada British semasa perang.

Marah akan perbuatan itu, masyarakat Melayu terutamanya di Sibu dan Kuching berusaha membantah penyerahan itu. Di Sibu sendiri, Abang Ahmad dan Encik Suut Tuki telah menghadiri satu mesyuarat, yang kemudiannya sebulat suara bersetuju menubuhkan sebuah persatuan politik, yang kemudiannya dinamakan Pergerakan Pemuda Melayu, Bahagian Ketiga, Sibu atau nama singkatannya PPM.

Selepas mesyuarat itu, perlembagaan PPM pun disiapkan kepada kerajaan untuk didaftarkan. Tidak sampai sebulan, persatuan itu dilu-

lus pendaftarannya. Justeru, banyaklah orang Melayu Sibui, lelaki dan perempuan mendaftarkan diri menjadi ahlinya.

Dengan sambutan yang menggalakkan ini, Abang Ahmad Abang Ali (al-marhum), dengan ikhlas hati telah membenarkan sebelah atas rumah kedainya di belakang Kampung Datu digunakan sebagai pusat kegiatan PPM. PPM telah mencatat sejarah sebagai pertubuhan Melayu pertama melibatkan diri dalam lapangan siasah kebangsaan yang menentang penyerahan Sarawak kepada British.

"Pada masa itu, saya dipilih memegang jawatan sebagai Penolong Setiausaha Dua dan Encik Suut Tuki telah dilantik sebagai Setiausaha Agung pertama PPM. Presidennya pula ialah Mohamad Sirat bin Yaman (sekarang haji). Selain itu, saya juga dipertanggungjawab sebagai Setiausaha Penerangan PPM yang akan bertandang ke segenap ceruk rantau Bahagian Ketiga ini".

Menurut Awang Rambli (*Utusan Sarawak*: 3 Oktober 1949), warna merah putih yang digunakan oleh PPM pada papan tanda danencana mereka ialah warna kebangsaan yang dipusakai turun-temurun.

ia bertujuan menyatukan rakyat dalam lingkungan Bahagian Ketiga dan keahliannya terdiri daripada masyarakat Melayu dan Melanau Islam. Bagaimanapun, ia juga berjaya menarik keahlian dan sokongan daripada Bumiputera lain seperti Dayak, Kayan dan Likau.

Rakyat Bumiputera di Bahagian Ketiga menyifatkan PPM sebagai pusat kebangsaan dan benteng tempat bertapak menentang penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British. Ini bermakna rakyat yang menentang penyerahan ini bergantung penuh kepada PPM dan ahlinya yang aktif.

PPM sanggup membela tuntutan rakyat bagi mencapai kembali kemerdekaan Sarawak dan berdiri semula kemerdekaan Brooke. Nyata dan terang sekali bahawa pembelaan ini dijalankan dengan mengikut tatacara undang-undang, iaitu melalui petisyen, demonstrasi dan memasang poster.

Atas inisiatif semua pihak, pada masa yang singkat sahaja, seluruh Bahagian Ketiga telah ditubuhkan cawangan PPM. Malah meman-



*Demonstrasi rakyat Sarawak menentang penyerahan Sarawak kepada koloni oleh keluarga Brooke.*

dangkan bilangan kaum ibu yang semakin meningkat, mereka telah diberi kuasa untuk membentuk jawatankuasa sendiri.

Sesungguhnya, pergerakan ini telah mendapat sambutan hangat daripada kaum ibu. Mereka telah mengadakan satu perjumpaan di rumah Ibu Sifah (Sharifah Sifah Tuanku Haji Osman) di Kampung Nyabor. Ibu Sifah sendiri kemudiannya telah dilantik sebagai Presiden jawatankuasa itu sementara Cik Dayang Fauziah Hashim menjawat tugas sebagai Setiausaha.

Menurut Awang Rambli lagi, sayap ibu PPM kerap kali mengadakan perjumpaan dan demonstrasi. Sharifah Shifah (ketua) dan Dayang Fauziah (Setiausaha) tidak jemu-jemu mengorbankan masa dan tenaga kerana menganjur kaum wanita di Bahagian Ketiga, seperti juga yang dilakukan oleh Cikgu Lily dan Cikgu Ajibah Abol di Bahagian Pertama.

Sementara itu, di samping masyarakat Melayu, PPM turut membukakan keahliannya kepada masyarakat Dayak, Kayan dan Bumi-putera lain. Hak mereka dalam persatuan itu juga tidak dikesampingkan. Oleh yang demikian tidak hairanlah kegiatan yang dianjurkan oleh PPM sentiasa mendapat sambutan hangat oleh seluruh masyarakat Bumiputera, terutamanya lebih 50,000 ahlinya ketika itu.

Tarikh 1 Julai 1946 telah diisytiharkan sebagai "hari haram" di

seluruh Sarawak. Rakyat Bumiputeranya mengutuk sekeras-kerasnya tindakan Vyner Brooke menyerah Sarawak. Tindakan ini kemudiannya disusuli dengan satu persidangan raksasa yang diadakan pada 10 Julai 1946 di Panggung Rex, Sibul. Ia dihadiri oleh kira-kira 250 wakil Bumiputera dari seluruh cawangan PPM.

Difahamkan inilah perjumpaan besar-besaran pertama ketika itu yang membantah penyerahan ini — yang sebenarnya paling ditakuti kerajaan Koloni British. Semua kampung ketika itu dikerah untuk membuat poster. Antara poster ini termasuklah yang bertulis "Kami membantah dengan sekeras-kerasnya atas tindakan Brooke menyerah Sarawak kepada Kolonial Inggeris, "Sarawak adalah hak kami", "Liberkan Koloni", "Sarawak ialah negeri merdeka yang diakui oleh Amerika Syarikat pada 1881" dan "Pergi jahanam penjajah".

Tidak keterlaluan dikatakan bahawa ketika itu, keadaannya penuh emosi. Di sekeliling Panggung Rex diletakkan beribu-ribu poster yang membangkang penyerahan. Lebih daripada itu, di perhimpunan inilah satu persetujuan dicapai dengan bersumpah bahawa ahli PPM akan bersatu padu dan jitu untuk sama-sama membantah penyerahan Sarawak kepada Inggeris. Hal ini dimuatkan dalam satu memorandum yang dihantar kepada Kerajaan Inggeris di London dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu [PBB].

Ketika persidangan ini, perwakilan telah diberi peluang untuk meluahkan perasaan mereka. Ketika itulah ucapan berapi-api dan penuh semangat yang menerangkan bangkangan serta mengutuk kezaliman

*Sekumpulan  
guru-guru  
Melayu  
meletak  
jawatan  
kerana tidak  
bersetuju  
dengan  
larangan  
Circular NO.9  
yang  
melarang  
mereka aktif  
dalam  
anticoncession.*



Kerajaan Brooke diluahkan.

"Saya sendiri telah diberi peluang setengah jam untuk berucap. Ucapan saya antara lainnya menyelar kerajaan Inggeris yang terus-terusan menyorok di belakang Vyner Brooke sekali gus memaksanya menjahanamkan hak mutlak Bumiputera Sarawak. Saya menyeru agar Bumiputera Sarawak bersatu dalam satu barisan menentang penyerahan ini sehingga ke akhir hayat mereka .

Akhirnya ujar beliau, perhimpunan selama lebih kurang lima jam itu ditamatkan dengan usaha untuk menghantar surat-surat bantahan kepada Kerajaan Inggeris, King George di London dan PBB. Antara isi kandungannya termasuklah meminta Anthony Brooke ditabalkan sebagai Rajah Sarawak yang baru.

Sesungguhnya hal inilah yang menjadi keutamaan memandangkan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British kerana beliau tidak mempunyai anak lelaki. Walhal, mengikut wasiatnya, jawatan itu harus diserahkan kepada Anthony Brooke (anak kepada Bertram Brooke). Tetapi Anthony yang pernah ditabalkan menjadi Rajah pada 1939 dinafikan daripada jawatan itu.

Justeru Anthony menulis surat kepada Bumiputera Sarawak untuk memberitahu tentang niat busuk Vyner Brooke itu. Beliau seterusnya mendesak rakyat Bumiputera di negeri ini menentang keras penyerahan itu.

Sekiranya ini berlaku, Sarawak secara tidak langsung akan dijajah. Justeru hak mutlak masyarakat Bumiputera Sarawak akan hancur kerana dijadikan hak semua kaum.

Menurut Perlembagaan Sarawak, bangsa-bangsa yang bukan Bumiputera Sarawak dianggap sebagai orang asing yang datang menumpang dan mencari makan di negeri ini.

"Dengan demikian, jika saya, Anthony Brooke kembali menjadi Rajah Sarawak serta melupakan agama yang dianuti oleh bonda saya (Hajah Dayang Hairuniah – isteri Bertram Brooke ini telah memeluk Islam dan tinggal bersama-sama anaknya, Anthony di India), saya akan memberi surat serta mengisytiharkan kepada dunia bahawa Sarawak ialah hak milik mutlak Bumiputeranya sendiri.



Dan saya akan menyerahkan kedaulatan negerinya serta kemerdekaan penuh bagi negaranya. Saya sendiri akan terus menjadi rakyat biasa Sarawak dan menetap di sini bersama keluarga saya buat selamanya...”

Inilah asas perjuangan yang digenggam oleh keluarga Bertram Brooke yang hadir bersama-sama Bumiputera Sarawak untuk menentang penyerahan Sarawak kepada koloni British. Ia dibuat berlandaskan perlembagaan negeri Sarawak dan perjanjian James Brooke — Sultan Brunei semasa Sarawak diserahkan pada 1881. Seterusnya, inilah agenda yang menyokong perjuangan semua pihak yang menentang penyerahan ketika itu.

Malangnya, surat rahsia ini telah terbongkar dan diketahui secara langsung oleh Pejabat Tanah Jajahan British di London. Oleh yang demikian, Kerajaan Inggeris telah mengharamkan Anthony Brooke daripada menjejaki Sarawak pada 1947, tatkala Anthony Brooke masih menetap di Singapura. Mendapat perkhabaran itu, Anthony kemudiannya membuat pejabat dalam buangan di Singapura yang dinamakan *Rumah Sarawak*.

Sementara pada masa yang sama, Kerajaan Koloni British di Sarawak telah mengeluarkan arahan yang dikenali sebagai Circular No. 9 — yang mengharamkan semua pegawai kerajaan daripada menyertai atau memasuki sebarang pertubuhan politik atau berpolitik secara langsung. Sesiapa yang melanggar perintah itu akan dihukum buang kerja.

Berkaitan pengeluaran surat ini, satu persidangan besar telah diadakan di Kuching yang dinamakan Persidangan Kongres Tergempar. Ia disertai oleh pegawai kerajaan terutamanya guru sekolah yang mewakili semua organisasi politik di Sarawak. Ia bertujuan untuk memperhebat penentangan terhadap British dan Circular No 9 itu. Sibu diwakili oleh semua ketua pertubuhan politiknya termasuk Abang Ahmad, Suut Tuki dan Wan Tibu — wakil PPM.

Keputusan persidangan itu ialah penghantaran memorandum yang mengutuk tindakan kerajaan kepada Pejabat Kerajaan Koloni sendiri di Sarawak, Pejabat Tanah Jajahan di London dan PBB. Memorandum itu pada awalnya ditandatangani oleh 353 kakitangan kerajaan.

Kesinambungannya, ketetapan telah diambil dan 338 kakitangan kerajaan yang menyertai persidangan itu sebulat suara berhenti kerja. Ia berlaku pada awal 1948.

Pada 1 Julai 1947, PPM telah menganjurkan satu perarakan antipenyerahan secara besar-besaran. Kali ini lebih hebat hingga mendorong kerajaan British menangkap Awang Rambli dan pembantunya, Abang Han — perancang utama perarakan itu. Mereka diseret ke rumah pasung kerana dituduh melanggar undang-undang (perarakan haram). Hampir-hampir berlakunya pertumpahan darah pada hari itu. Tetapi rakyat tidak berputus asa. Malah mereka bersabar dan bertenang lalu memilih wakil untuk mendengar keterangan polis. Kedua-dua mereka ditahan di penjara Sibu sementara menunggu hari perbicaraan.

Beberapa hari kemudian, perbicaraan dijalankan dan mereka berdua didapati bersalah kerana melanggar undang-undang memasuki kawasan yang dilarang tanpa kebenaran. Setelah dibicara, Awang Rambli dijatuhkan hukuman penjara tiga bulan menakala Abang Han, sebulan. Mereka berdua kemudiannya membuat rayuan di Mahkamah Tinggi di Kuching dan seminggu kemudian, ulang bicara diadakan. Ironinya, ketika ulang bicara itu, mereka berdua didapati tidak bersalah dan segala hukuman sebelumnya dihapuskan.

Sementara itu, berlaku satu lagi peristiwa yang turut menghimpunkan warga Sibu terutamanya ahli PPM ketika itu. Ia berlaku pada Ogos 1947, apabila British bertindak menurunkan bendera kebangsaan negeri Sarawak. Ini disambut dengan perarakan raksasa masyarakat Melayu sebelum berhimpun di hadapan Pejabat Residen Sibu. Tepat jam enam petang, bendera Sarawak diturunkan dan bendera Union Jack dinaikkan. Bagi British, ini menandakan berakhirnya pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak. Tetapi tidak bagi penduduk Sarawak ketika itu.

Meski dengan berat hati dan hiba, bendera Sarawak itu diusung dengan penuh tertib sebelum diarak dan dinaikkan semula di rumah PPM. Setelah itu, kegiatan antipenyerahan semakin marak. Selain poster, PPM mengadakan kempen untuk memarakkan penentangannya penyerahan Sarawak kepada koloni.

Awang Ahmad yang menjawat Timbalan Setiausaha dan Ketua Pentadbiran Hal Ehwal Cawangan Luar Bandar mengakui keadaan ini dan menjelaskan bahawa biaya untuk aktiviti PPM ketika itu datang daripada aktiviti berupa pertunjukan pentas. Ini untuk mengisi kantung PPM dan juga sekolah rakyat yang ditubuhkan ketika itu. Misalnya pada 14 hingga 16 Oktober 1949, PPM telah mengadakan pertunjukan sandiwara — yang juga bersempena menyambut ulang tahun ke-10 PKMS.

Menurut akhbar *Utusan Sarawak* (11 April 1949), pada jam 5.30 petang, Selasa, 5 April 1949 Pesuruhjaya Agung, Malcolm MacDonald dan Pegawai Pentadbiran Kerajaan, Dawson telah tiba ke Sibu. Beliau telah disambut oleh kakitangan kerajaan dan sepasukan Konstabulari Sarawak. Apapun, sambutan daripada rakyat Sibu sendiri amat kurang.

Rakyat sebaliknya menyambut beliau dengan beratus-ratus poster antipenyERAHAN manakala PPM menghantar surat bangkangan yang ditandatangani oleh Presiden, Encik Mohd Sirat Haji Yaman dan Setiausaha Agungnya, Awang Rambli Matserudin.

Sementara itu akhbar *Utusan Sarawak* pada keluaran 9 Meinya pula menyatakan satu mesyuarat agung PPM telah diadakan pada 1 Mei dengan dipengerusikan oleh Presidennya, Mohd Sirat Haji Yaman. Antara yang berucap pada majlis itu termasuklah Penasihat dan Setiausaha Agung PPM Awang Rambli, wakil pemuda khas Wan Abu Bakar, Setiausaha kaum ibu Dayang Fauziah, wakil pemudi Dayang Sari, anggota tertinggi PPM Bujang Suntong, kanak-kanak wakil sekolah rakyat, Wan Junaidi wakil Pulau Keladi, Mohd Mohtar dan wakil Matu, Mohd Munir. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu *Sarawak Tanah Airku* dan diakhiri dengan lagu *Pemuda Harapan Bangsa*.

Pada 1 Julai 1949, sekali lagi diadakan "hari haram" sempena mengingati penyerahan Sarawak kepada koloni. Di Sibu, Igan, Sarikei dan Binatang telah diadakan perarakan dan demonstrasi. Sekali lagi PPM memainkan peranan mereka mendirikan beribu-ribu poster yang menghiasi halaman rumah selain dijulang dalam perarakan ini.

Semua cawangan PPM terlibat dalam usaha ini, termasuk mengadakan perjumpaan ramai serta menunjuk perasaan dengan mem-



*Vyner Brooke - bertanggungjawab menyerah Sarawak kepada koloni British.*



*Bertram Brooke - Ayah Anthony Brooke.*

bawa poster dan sependuk. Antara perkataan yang tertulis di sependuk-sependuk ini termasuklah "Kami minta negeri di-balek merdeka ber-Rajah Brooke yang dipileh oleh diri kami" dan "Kami berkehendakkan Brooke Rule, oleh sebab *Colonial Rule* terlampau berat kepada kami".

Perarakan di Sibu menempuh jalan raya yang ditenggelami air sedalam kira-kira tiga kaki. Namun ini tidak mematahkan semangat. Lebih daripada itu, ia turut disertai oleh golongan perempuan dan kanak-kanak. Sekali lagi surat protes dikirinkan kepada Perdana Menteri British dan pegawai yang berkuasa.

Sesungguhnya, perjuangan PPM mendapat sokongan rakyat ketika itu kerana perjuangannya yang tegas. Sehingga Jun 1949, PPM mempunyai 32 cawangan aktif di seluruh Bahagian Ketiga dan berhubung rapat dengan PKMS serta pertubuhan antipenyerahan di seluruh Sarawak.

Malah menurut seorang sarjana Barat, R.H.W. Reece, ia lebih radikal berbanding Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS).

"Ini kerana kebanyakan mereka masih utuh dengan fahaman dan budaya tradisi serta tidak terikat dengan pengaruh konvensional se-

perti kebanyakan ahli PKMS. Malah kebanyakan pejuang Melayu seperti Sherip Masahor, Sherip Sahap dan Abang Aing berasal dari keturunan mereka; Melayu Rejang."

PPM sebenarnya agak menonjol dalam aspek menimbulkan semangat antipenyerahan di kalangan masyarakat Sibu ketika itu, terutamanya apabila tampuk berkenaan dipegang oleh Awang Rambli Matsrudin. Keturunan Brunei yang bekerja sebagai mandur di Brooketon Colliery menjadi *master mind* atau perancang utama di sebalik kerancangan aktiviti PPM yang berbaur nasionalisme itu.

Untuk memarakkan semangat nasionalisme di kalangan ahli PPM pula, mereka telah digalakkan untuk melanggan akhbar *Utusan Sarawak*. Hakikat ini diakui sendiri oleh Awang Rambli, "Yang mana saya jumpai dan ketahui bahawa semua cawangan PPM ada menerima dan membaca *Utusan Sarawak* yang didapati dari langganan terus dan kiriman rakan-rakan di Kuching, kecuali di tempat yang tidak ada pejabat pos.

Kegunaan akhbar ini tercatat pada pantun ciptaannya yang dikirimkan kepada akhbar tersebut lewat sekeping suratnya,

*Utusan Sarawak berfaedah besar,  
dalamnya ada perkara-perkara suka dan gusar  
Dapat diperhatikan gerak halus dan kasar  
Dari gunung, hutan, kampung dan pasar.*

## Bab 4

### Awang Rambli dan Nasionalisme

**B**ELIAU dilahirkan di Muara (Brooketown), Brunei pada 1912 dalam keluarga yang sederhana. Ibu dan bapanya ialah keturunan Melayu Brunei yang bergelar Awang dan kuat pegangan agamanya.

Ketika usianya merangkak remaja, Awang Rambli Matserudin berhijrah dan menetap beberapa tahun di Kuching. Beliau kemudiannya memasuki sekolah Inggeris hingga tamat Standard 3.

Pengaruh keagamaan daripada bapanya ini turut menular dalam dirinya, yang seterusnya membentuk dirinya sebagai seorang yang berjiwa nasionalisme. Menurut Awang Mois Awang Haji Merali, seorang kenalannya, Awang Rambli ialah seorang yang memiliki percakapan yang sedikit dalam.

Beliau pernah berkata, "Apa yang digaduhkan pasal mati. Memang kita akan mati. Bila-bila pun kita tidak tahu. Kita tetap mati."

Peribadinya juga digambarkan oleh Awang Mois sebagai seorang pemikir, berilmu dan bijak berdebat. Ini dibuktikan apabila beliau sering menelaah buku-buku agama seperti fekah dan tasawuf meskipun ketika berada di penjara.

Setelah menamatkan zaman persekolahannya, Awang Rambli mengambil keputusan menyertai Jabatan Kastam pada Julai 1929. Namun beliau mengambil keputusan berhenti dan menyertai kumpulan 338 pada 1946 apabila Kerajaan British mengambil keputusan menyebarkan notis Circular No. 9.

Mulai tempoh pemberhentiannya itu, Awang Rambli menyertai Youth Malay Association (YMA) di Sibul tetapi berhenti kemudiannya untuk aktif dalam Pergerakan Pemuda Melayu (PPM).

Kerika menyertai PPM, Awang Rambli mengambil kesempatan memarakkan semangat rakyat. Menerusi jawatannya sebagai Penasihat dan Setiausaha Agung PPM, karismaniknya dijulang dengan membakarkan agenda antipenyERAHAN di kalangan penduduk di seluruh negeri ini, terutama di kawasan pesisiran.

Hakikat ini dibuktikan apabila beliau sering dijemput berucap dan memberi ceramah di kampung pesisiran seperti di Matu, Bintangor dan sebagainya selain Sibul. Sambutan terhadap setiap ceramahnya ketika itu sungguh menggalakkan hingga mendapat liputan daripada akhbar tempatan ketika itu, seperti *Utusan Sarawak*.

Malah, kehadiran akhbar yang menjadi wadah rakyat ini diperguna sebaiknya oleh Awang Rambli. Beliau sering menghantar artikelnya, sama ada mewakili dirinya sendiri atau sebagai Penasihat dan Setiausaha Agung PPM.

Sebagai seorang nasioanalis, Awang Rambli menganggap pemerintahan Kerajaan British atas Sarawak sebagai salah, haram dan tanpa persetujuan rakyat Sarawak. Kesalahan di atas hendaklah diperbaiki atau dibetulkan oleh Kerajaan British dengan segera.

"Dasar Kerajaan British yang sebenar ialah memperbaiki, bukannya merosaki. Dan sekiranya ada kesilapan pada pentadbirannya, ia dilakukan oleh pegawai-pegawainya yang berhati panas dan ... Tetapi keadilan itu sedia ada dan ia harus dituntut agar keburukan itu tidak merosakkan kita secara berpanjangan. Setiap sakit mesti ada ubatnya," laungnya menerusi akhbar *Utusan Sarawak*.

Sesungguhnya bagi Awang Rambli, Rajah Sir Charles Vyner Brooke sudah tahu akan kesilapannya dan berasa malu serta menyesal



Allahyarham  
Awang Rambli,  
pejuang kemerdekaan.

dengan perbuatannya kepada rakyat di Sarawak.

Justeru beliau mempersoalkan... sudah tiga tahun negeri ini dijadikan tanah jajahan, tetapi beliau tidak pernah melawat kita, seperti janjinya dahulu iaitu melawat Sarawak, setahun sekali atau dua. Mana dia sekarang?

Sebagai ketua yang bertanggungjawab, Awang Rambli juga berani. Beliau mendedahkan kepada akhbar (*Utusan Sarawak* bertarikh 4 April 1949) bahawa dua ahli Pemuda PPM yang mencari kerja di Miri telah disiasat oleh Kerajaan British. Menurutnya, kerajaan takut akan pengaruh PPM menjalar ke sana.

Bukan itu saja, beliau telah menganjurkan perarakan demi perarakan, membuat poster selain menghantar surat bangkangan.

Buktinya, menurut Abang Ahmad Abang Haji Abu Bakar, pada 1 Julai 1947, PPM di bawah Awang Rambli telah menganjurkan satu perarakan antipenyERAHAN secara besar-besaran. Tetapi kali ini lebih hebat daripada yang sudah-sudah.

Ini mendorong kerajaan British menangkap Awang Rambli dan pembantunya, Abang Han — perancang utama perarakan itu. Mereka



diseret ke rumah pasung kerana dituduh melanggar undang-undang (unlawful procession).

"Hampir-hampir berlakunya pertumpahan darah pada hari itu. Tetapi rakyat tidak berputus asa. Malah mereka bersabar dan bertenang lalu memilih wakil untuk mendengar keterangan polis. Kedua-dua mereka ditahan di penjara Sibu sementara menunggu hari perbicaraan.

"Beberapa hari kemudian, perbicaraan dijalankan dan mereka berdua didapati bersalah kerana melanggar undang-undang memasuki kawasan yang dilarang tanpa kebenaran.

"Setelah dibicara, Awang Rambli dijatuhkan hukuman penjara tiga bulan manakala Abang Han, sebulan. Mereka berdua kemudiannya membuat rayuan di Mahkamah Tinggi di Kuching dan seminggu kemudian, ulang bicara diadakan. Ironinya, ketika ulang bicara itu, mereka didapati tidak bersalah dan segala hukuman sebelumnya dihapuskan."

Kemenangan ini membuktikan betapa Awang Rambli muncul sebagai seorang pemimpin yang gigih berjuang. Beliau melakukan apa saja untuk merdeka meskipun menyedari dirinya akan menjadi mangsa mahupun korban. Justeru, beliau semakin dihormati dan dijadikan tempat mengadu oleh penduduk setempat — bukan sekadar Melayu malah bangsa lain di negeri ini.

Pada 1 April 1949, beliau telah diminta oleh Nancy Ngalambai, isteri kepada Bennet Jarraw yang telah didakwa atas tuduhan pecah amanah. Mereka telah berbincang untuk mengadakan *Defence Councils* bagi membela *Native Officer*, Bennet Jarraw pada hari perbicaraan. Akhirnya Bennet berjaya dalam kes itu.

Sebenarnya, bagi Awang Rambli, dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan British yang menjajah Sarawak bukanlah untuk menyenangkan, malah menyusahkan. Ini kerana, rakyat Sarawak tidak serasi dengan undang-undang koloni. Malah baginya, dasar ini mewujudkan cukai-cukai yang membebankan rakyat.

Pihak yang berkuasa di Sibu sudah bercadang akan memindahkan Kampung Pulo untuk dijadikan tempat... dan rakyat yang berjumlah lebih kurang 500 orang itu tentulah akan mendapat kesusahan kerana

jauh dari pasar dan air sungai. Mereka mesti berbelanja lebih untuk mendirikan rumah-rumah baru mereka, dan tempat pusaka turun-temurun tentu akan terlepas dan terhapus.

"Pendek kata, dasar Kerajaan British apabila diperhatikan dengan dalamnya, bukanlah menyenangkan rakyat, bahkan sebetulnya hanya menyenangkan Kerajaan dan pegawai-pegawai bangsanya, yang mana menerima gaji...! dan lain-lain. Tetapi kehidupan rakyat tidak diperhatikan, tiada diperbaiki, jalan-jalan di kampung masih banyak yang licak dan berlubang. Dari itu kita mesti insaf dan sedar akan siapa rakyat dan siapa penjajah.

"Bersatulah kita. Berikatlah kita supaya dapat tercapai maksud kita. Oleh sebab kita berpecah-belah, si penjajah akan dapat masuk celah.

Ketika memberi kenyataan pada ulang tahun ketiga Hari Penyerahan Sarawak, pada 1 Julai 1949, Awang Rambli menegaskan,

"Pergerakan Pemuda Melayu *3rd Division* tidak suka berpecah sesama sendiri. Kita mesti berbaik-baik sesama bangsa atau senegeri. Tiap-tiap badan Bumiputera memang ada menaruh rasa cinta akan tanah air dan kaum bangsanya. Kita ingat kata pepatah, ketak air tidak akan putus. Oleh itu kami mesti memperbaiki masyarakat bangsa kami yang telah dan sedang rosak itu."

Malah Awang Rambli mendapat tempat di mana sahaja beliau pergi. Misalnya pada Julai 1949, beliau telah melawat Oya, Dalat dan Medong. Di mana-mana sahaja beliau berada, beliau diminta bersyarah. Syarahan bersemangatnya itu diminati ramai.

Bagi Awang Rambli, tindakan Kerajaan British menghantar Sir Arden Clarke ke Gold Coast ialah kerana dia tidak dipersetujui oleh rakyat. Usahanya menambah gaji pegawai, membayar bonus, tunggakan dan elaun disifatkan sebagai memancing hati rakyat supaya berpuas hati dengan pentadbiran Kerajaan Koloni British.

"Diri beliau itu selalu berkata pendapatan hasil mahsul di dalam Sarawak tidak mencukupi perbelanjaan. Kalau begitu, kenapa beliau setuju meluluskan cadangan mengeluarkan belanja yang banyak?"

"Perbuatan Sir Charles Arden Clarke mengeluarkan Circular No 9/ 1946 itu juga sangat keji. Ia seolah-olah meleburkan masyarakat dan kehidupan rakyat. Ini kerana rakyat yang berperasaan cinta akan kemerdekaan negara dan bangsa, rela melucutkan jawatan oleh sebab hukuman tutup mulut. Adakah rakyat berasa dukacita akan perpindahan beliau?"

"Sekarang pada fikiran PPM, walaupun seribu gabenor masuk ke Sarawak, jikalau kemerdekaan rakyat belum dikembali oleh Kerajaan British, maka tetap sekali rakyat meneruskan tuntutan mereka dan enggan bekerjasama dengan kerajaan," ujarnya lagi menerusi kenyataan kedua PPM pada 22 Ogos 1949.

Kritikan Awang Rambli dan PPM ternyata berpegang kukuh kepada kebenaran. Perbuatan melanjutkan larangan Tuan Anthony Brooke masuk ke Sarawak baginya membuktikan kedustaan Kerajaan British yang sebelumnya mengatakan sebilangan besar rakyat Sarawak sudah berpuas hati kepada pemerintah (kerajaan) baru.

"PPM mengerti bahawa ada pun sebab Kerajaan British tidak membenarkan Anthony Brooke masuk ke Sarawak itu ialah ditakuti kebenaran rakyat minta dikembalikan kemerdekaan negaranya yang nampak terang dan nyata kepada mata beliau.

*Sanak-saudara  
bergambar  
di pusara  
Allahyarham  
Awang  
Rambli,  
di Sibu.*



Di sini PPM mengulaskan cadangan Tuan Malcolm MacDonald yang mengatakan sebilangan besar rakyat Sarawak sudah berpuas hati kepada koloni. Adakah kita fikir rakyat suka akan da-sar-dasar kerajaan yang memerah darah rakyat? Kita sama-sama sudah merasai sekarang azab sengsara kerana ambilan cukai-cukai yang berat ke atas barang-barang yang masuk dan keluar negeri. Barang-barang makanan dan pakaian terkena cukai berat. Oleh itu, harganya melambung tinggi. Rakyat menangis di dalam hati dan berharap lekas kembalinya Pemerintahan Brooke," lanjut Awang Rambli lagi menerusi catatannya di *Utusan Sarawak*.

Sememangnya semangat membara Awang Rambli dan anak-anak buahnya sukar ditampar, apatah lagi dengan penerusan sikap ego yang digambarkan oleh Kerajaan British. Perasaan mereka ini digambarkan oleh Awang Rambli pada 14 Oktober 1949, menerusi surat jawapan kepada Johari Anang yang sebelumnya bertanya tentang persiapan PPM menyambut Duncan George Stewart.

Kedatangan Tuan Duncan George Stewart ke Sarawak sebagai seorang Gabenor untuk menggantikan Sir Charles Arden Clarke tetap akan menerima suara-suara bangkangan daripada rakyat *antecession* di seluruh Bahagian Ketiga. Bangkangan ini harus lebih hebat daripada yang sudah-sudah.

Cara-cara sambutan *antecession* itu sudah kami atur dan catur, iaitu cuma menunggu keputusan sahnya sahaja. Satu persidangan Setiausaha Cawangan PPM di seluruh Bahagian Ketiga turut memutuskan perkara tersebut akan diadakan dengan seberapa segera.

"Pada fikiran saya, sebelum Tuan Duncan George Stewart itu datang ke sini, sepatutnya beliau lebih dahulu mengetahui keadaan rakyat. Tuan Stewart jangan sanggup memerintah orang yang tidak menyanggupi negeri dan bangsanya terkena jajah.

Tugas Awang Rambli sebenarnya bukanlah ringan. Beliau sebagai ketua, bukan sahaja terpaksa menangani kerenah persatuannya, tetapi mengatur rencana dan rancangan agar semangat antipenyerahan sentiasa membara. Menerusi siarannya pada Isnin 14 November 1949, *Utusan Sarawak* menyiarkan artikel Awang Rambli yang bertajuk *Tanggungjawab Penganjur*.

## **Tanggungjawab Penganjur Oleh Awang Rambli**

Oleh kerana saya telah beberapa tahun menganjur rakyat di dalam Bahagian Ketiga, maka tahulah saya kepayahan dan kesusahannya menjadi seorang penganjur. Kejayaan penganjur terletak di dalam genggamannya sendiri. Bererti jikalau seorang penganjur itu kurang faham dan kurang jaga, maka hancurlah anjurannya dan porak-perandalah pengikut-pengikut yang bergantung kepadanya. Pendeknya, bebanan yang dipikul oleh seorang penganjur itu amat berat.

Dalam medan perjuangan, maka penganjur itu berjalan lebih dahulu di barisan hadapan. Dialah lebih dahulu yang menerima pahit atau manis. Penganjur mesti bertanggungjawab dalam segala-galanya. Akan tetapi, hendaknya seorang penganjur itu jangan pandai bermain sebarang lantak, kerana jika dia berbuat begitu, maka terceburlah anjurannya ke lembah kebinasaan.

Ya, jikalau dipandang dengan kasar, memang pekerjaan menjadi penganjur ada senang. Akan tetapi jikalau difikir dalam-dalam maka pekerjaan itu amat berat. Dan lagi, tabiat seorang penganjur itu mahu-lah selalu bersabar, iaitu tidak mesti peduli kepada goyangan gelombang di kiri dan kanan. Bererti mesti berjalan terus menempuh rintangan dan halangan hingga tercapai cita-cita bangsa.

Dan lagi seorang yang menjadi penganjur itu jangan menganjur kerana minat mencari pujian kepada diri sendiri. Anjuran begini tetap tidak berjaya dalam segala langkah. Oleh yang demikian, maka saya menasihatkan rakan-rakan saya yang menganjur itu jangan memikirkan diri sendiri menjadi orang besar. Yang sebenarnya, keadaan seorang penganjur itu ialah hadam bagi orang ramai.

Pendeknya seorang penganjur yang telah menunjuk bakti dan jasanya tetap akan dikenang dan ditangisi orang ramai apabila dia mati atau berhenti daripada jawatan itu. Akan tetapi, penganjur yang palsu, iaitu yang berjuang kerana menunggu nama besar atau pangkat itu pada biasanya tidak disayangi oleh sesiapa jua.

## Bab 5

# Terbenamnya Badik Di Dada Imperialisme

*Tarikh: 3 Disember 1949*

*Latar: Sibul*

**S**UASANA pagi amat riuh. Masing-masing sedang membuat persiapan terakhir untuk menyambut kehadiran Gabenor Sarawak kedua, Sir Duncan Stewart yang dijangka datang pada bila-bila masa sahaja.

Duncan Stewart sedang dalam rangka lawatan melawat semua Bahagian di Sarawak sebelum menghadap Sultan Brunei. Sebelumnya, beliau telah menghabiskan masanya di ibu negeri, Kuching untuk menghadiri beberapa aktiviti sosial termasuk mesyuarat Council Negeri yang mengemukakan 19 rang undang-undang pada 21 November 1949.

Setelah berlepas dari Kuching pada 2 Disember, Duncan Stewart dijangka menjejakkan kaki buat pertama kalinya di kota Sungai Rejang, kira-kira jam sembilan pagi.

Oleh kerana ini merupakan lawatan pertamanya, sambutan secara besar-besaran diadakan. Selain kakitangan kerajaan, murid-murid

*Pandangan kreatif seorang pelukis mengenai pembunuhan Duncan Stewart oleh Rosli Dhobi.*



sekolah, kakitangan swasta dan penduduk tempatan hadir sama. Malah ada yang datang sekadar melihat wajah pengganti Sir Arden Clarke yang berpindah ke Gold Coast. Tidak hairanlah kiranya ada yang sehingga memanjat bangunan dan pokok di sekitar kawasan itu.

Murid dan guru Sekolah Methodist di Jalan Pulo tidak ketinggalan. Mereka berduyun-duyun berjalan menuju ke sebuah jalan di hadapan bangunan Pejabat Daerah (kini diduduki bangunan Lembaga Pelabuhan Rajang).

Mereka berbaris di situ sebelum jam 9.00 pagi dan berada di kelompok barisan ketiga selepas pasukan polis dan orang kenamaan.

Bagaimanapun, tidak seorang menyedari bahawa dalam keriuhan ini, seorang anak muda, menggunakan kemeja hitam dan berseluar putih serta memegang kamera turut menunggu kehadiran Duncan. Malah dengan "hadiah istimewanya", Rosli Dhobi berasa waktu ketibaan Duncan itu terlalu lama.

Kira-kira jam 9.30 pagi Duncan menepati jadualnya. Beliau hadir dari arah jeti menuju ke astaka yang dibina berdekatan Pejabat Daerah. Ketika itu, orang ramai berebut-rebut bukan sahaja untuk melihat wajahnya, malah berjabat salam. Suasana riuh dengan murid-murid sekolah mengibarkan bendera kecil.

Duncan Stewart yang tidak kering senyumannya tiba-tiba melihat ada seorang Melayu hendak mengambil gambarnya. Jurugambar itu, Morshidi Sidek, sedang memfokus ke arah Duncan, menyebabkan beliau berhenti untuk memberi peluang kepada Morshidi – seperti peluang yang lazim diberikan kepada jurugambar lainnya.

Ketika sedang berhenti inilah, Rosli tiba-tiba meluru keluar dari perbarisan murid sekolah itu seraya meradak perut Duncan dengan badik. Percubaan pertamanya gagal apabila beliau tersungkur tetapi sempat menikam pada tusukan keduanya. Dia segera ditangkap oleh dua anggota polis.

Sementara itu, Morshidi melepaskan kameranya dan turut berusaha menikam Duncan. Malangnya, serangan beliau serta-merta dapat ditumpaskan oleh Residen Bahagian Ketiga, Barcroft dan Setiausaha Sulit Gabenor, Dilks yang sempat bergelut dan merampas badik daripadanya.

Rosli dan Morshidi dibawa ke rumah pasung bersama-sama senjata mereka, sedangkan Duncan yang cedera dipapah ke arah teksi, untuk dibawa ke Hospital Sibul.

Menurut Rosli Dhobi semasa memberi keterangan di mahkamah, beliau pergi ke Sekolah Methodist bersama-sama guru dan pelajar lain. Mereka berjalan ke pejabat dan berbaris di hadapan pejabat besar.

"Morshidi berdiri berdekatan saya dan saya memanggilnya datang lalu memberinya kamera itu. Apabila Gabenor itu bertimbal dengan saya maka saya keluarkan badik dari saku dan menerkam Gabenor itu. Morshidi mara dengan saya.

"Apabila saya menikam Gabenor itu pertama kalinya, saya tidak mengenai dia. Saya melihat polis hampir menangkap saya dan saya pun melontarkan badik itu kepada Gabenor. Seterusnya, saya kena tangkap dan tidak tahu adakah pisau itu mengenai Gabenor atau tidak? Sementara itu, Yusuf Haji Merais, rakan Rosli yang mengetahui akan niatnya telah melihat Duncan turun dari kapal yang berlabuh di jeti kayu, kira-kira jam 9.25 pagi.

"Ketika itu, beliau diiringi Residen Sibul, Barcroft, Pegawai Daerah Sibul, Waine dan beberapa pembesar lain termasuk Jerry Martin,



*Superintendent Polis Sibu dan Datu Abang Yan.*

"Gabenor terus memeriksa barisan penghormatan. Barisan orang kenamaan berada di sebelah kanan manakala polis dan murid sekolah di sebelah kiri. Pasukan polis berdiri tegak di hadapan murid sekolah yang juga tempat Rosli Dhobi berada ketika itu.

Yusuf yang meninjau dari tingkap Pejabat Pos menambah cerita bahawa Gabenor terus berjalan perlahan-lahan. Kira-kira jam 9.30 pagi, Rosli meluru keluar dari barisan murid-murid sekolah. Beliau menembusi barisan polis lalu dengan sekuat tenaga beliau menikam perut sebelah kiri Duncan Steward dengan badik.

"Melihat kejadian itu, Bacroft yang mengikut Gabenor di sebelah kiri sempat menendang Rosli yang kemudian rebah di sebelah kanan.

"Morshidi Sidek yang juga berada di luar barisan menyamar sebagai jurugambar dan membawa kamera yang tidak berfungsi lagi melihat Gabenor masih berdiri menahan luka di perutnya, lalu meluru ke depan untuk membuat tikaman kedua.

"Bagaimanapun, ini tidak dapat dilakukannya kerana Morshidi sempat diterkam polis Singh yang berada di situ," ujar Yusuf lagi.

Dalam suasana huru-hara dan cemas itu, mereka berdua ditahan polis sedangkan Duncan serta-merta dibawa ke rumah sakit untuk di-bedah.

Menurut Dr Wallace, luka Duncan selebar satu pertiga inci dan dalam tusukannya tiga inci itu agak parah dan perlu dibawa ke Singapura dengan segera. Justeru, satu penerbangan diaturkan untuk menerbangkan Duncan ke Singapura pada keesokan harinya.

Bagaimanapun, Duncan meninggal dunia pada 10 Disember 1949, genap seminggu selepas tragedi bersejarah itu.

## Bab 6

### Duncan George Stewart

**D**UNCAN George Stewart dilahirkan di Transvaal pada 1904. Beliau mendapat pendidikan di Winchester and Oriel College, Oxford sebelum bertugas dengan Perkhidmatan Pentadbiran Koloni pada 1928, dan ditugaskan di Nigeria.

Selepas 16 tahun di barat Afrika, beliau menjawat Setiausaha Koloni di Bahamas, dan Setiausaha Kewangan di Palestin. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Gabenor dan Pegawai Pemerintah Sarawak pada September 1949 menggantikan Sir Charles Arden Clarke. Beliau tiba di Kuching secara rasminya pada 14 November.

Selama empat malam di Kuching, beliau menghadiri mesyuarat Council Negeri dan menghadiri beberapa aktiviti sosial. Pada 2 Disember, beliau meninggalkan Kuching dalam rangka lawatan melawat semua Bahagian di Sarawak dan menghadap Sultan Brunei.

Beliau sedang berjalan melepasi barisan kawalan keselamatan dan pegawai serta kakitangan kerajaan untuk menghampiri orang ramai dan barisan kanak-kanak sekolah sebelum seorang pemuda Melayu menikamnya dengan badik. Seorang pemuda Melayu yang berada di hadapan untuk mengambil gambar sebelumnya turut cuba menyerang beliau tetapi berjaya ditahan oleh Setiausaha Sulitnya, yang kemudiannya menyerahkan penyerang itu kepada polis.

Gabenor yang cedera parah kemudian dipapah ke arah teksi yang terletak berhampiran sebelum dikejarkan ke hospital untuk dibedah. Apabila perkhabaran ini tiba di Kuching, tindakan segera dilakukan untuk menerbangkan pesawat air Tentera Udara Diraja ke Sibu pada keesokan paginya, diiringi pakar bedah dan jururawat. Pesawat ini meninggalkan Singapura pada jam empat pagi. Apabila tiba di sana, doktor memutuskan untuk menerbangkan Duncan kembali ke Singapura pada hari yang sama.

Laporan pertama dari Hospital Umum Singapura menyatakan bahawa keadaan Stewart agak stabil setelah pembedahan susulan dilakukan. Namun keadaannya kembali kritikal pada jam 11.10 pagi, 10 Disember – tepat seminggu selepas serangan beliau menghembuskan nafas terakhir.

Upacara pengebumian dilakukan dengan penuh adat istiadat ketenteraan di Singapura. Turut memberi penghormatan terakhir kepada mendiang ialah Pesuruhjaya British, Malcolm MacDonald, Pesuruhjaya Tinggi Malaya, Sir Henry Gurney, Pegawai Pentadbir British di Singapura, P.A.B. McKerron dan Pegawai Pentadbir British di Sarawak, C.W. Dawson.

MacDonald juga mewakili baginda Raja dan Ratu pada upacara pengebumian itu yang disiarkan secara langsung oleh Radio Malaya – yang turut didengar oleh kebanyakan penduduk Sarawak.

*"We have listened helpless to the heart-breaking news that this morning Duncan Stewart, Governor and Commander-in-Chief of Sarawak, died of his wounds. Of the blow which struck him down I shall say nothing. On that we must withhold opinion until the processes of justice reveal their sorry tale and pronounce their solemn judgement.*

*"But this I must say, I know the peoples of Sarawak. This crime does not represent them. They are the salt of the earth; they are the most friendly; most peaceable and the most kindly people whom one could wish to meet. They detest this deed. It is a blow, not for them, but against them. It leaves them bewildered and stricken, mourning the loss of a noble Governor and friend.*

*"Duncan Stewart was a man of great and attractive qualities. In seven-*



Duncan Stewart,  
Gabenor kedua  
koloni Bristih di  
Sarawak  
menggantikan  
Sir Charles Arden  
Clarke.

ral lands his work marked him out for early and high promotion in the service of his fellow men. He was modest and simple, energetic and fearless, charming and friendly, able and wise. At the comparatively youthful age of forty-five he was chosen for his new post because His Majesty the King wished to give Sarawak the finest and best that was in his gift in the way of Governors.

"Stewart himself was a man incapable of unkindness or cruelty. He could bear no malice. With all his distinctions and brilliance and success, he retained a young and gay heart.

"When he landed at Seletar from Borneo the other day, carried ashore on a stretcher; Pat McKerron and I talked with him for a few minutes. In the course of the brief conversation he spoke only two sentences about the deadly attack made upon him. With a smile, he said: "You know, in some ways it was really rather funny. I must tell you about it when I got the time."

"Alas, he was not to have time for that, not to fulfil the splendid destiny which awaited him amongst us.

"At Sibn and Singapore he received devoted medical care. Skilful doctors and nurses did everything that was possible to save his life. They found a magnificent ally in his own stout heart. By sheer healthiness of body and

staunchness of spirit, he kept himself alive a day or two longer than in the end the effect of his wounds seemed to make possible.

*"But this morning he lost his gallant fight and passes to where beyond all earthly strivings there is peace. Such a blow falls heavily upon the dead, but even more heavily upon the living.*

*"Mrs. Stewart has been at her husband's bedside, facing the grim chances of life and death with superlative courage. That young and gracious and lovely lady was to have been the ideal partner for a Governor of Sarawak.*

*"With bowed heads we express to her our unspeakable grief and our most respectful and profound sympathies.*

*"May god in his infinite mercy and kindness sustain and comfort her and her children and us all." (\* terjemahan)*

Kematian Stewart turut mendapat ucapan takziah daripada pelbagai pihak seperti yang terkesan menerusi telegram yang dihantar kepada balunya dan juga Pejabat Pentadbiran Kerajaan. Ia termasuklah daripada Baginda Raja dan Ratu, pegawai tinggi British di seluruh dunia, pembesar tempatan dan pemimpin masyarakat, persatuan dan firma perniagaan di Sarawak.



Charles  
Arden Clarke,  
Gabenor  
Pertama  
Sarawak  
yang  
digantikan oleh  
Duncan  
Stewart.



*Saat ketika Rosli Dhobi meradak badik ke perut Duncan Stewart – gambaran pelukis.*

### Majlis Pengebumian

Pekarangan Gereja St. Andrew di Singapura penuh sesak dua jam sebelum upacara pengebumian dijalankan. Kelihatan pengakap dan sekumpulan pancaragam dari Seaforth Highlanders sedang menunggu bersama-sama sepasukan pegawai polis Singapura.

Kira-kira jam empat petang, kereta mayat tiba sambil diiringi pasukan polis di pekarangan Mahkamah Agung, yang terletak kira-kira 400 kaki dari Katedral. Keranda yang dilitupi bendera Union Jack itu kemudiannya diserahkan kepada sepasukan lapan pegawai tentera. Di atas keranda terdapat dua lingkaran bunga dan helmet kebesarannya.

Antara pegawai tertinggi yang turut hadir ialah Pesuruhjaya Am Malcolm MacDonald, Pegawai Pentadbir Kerajaan Sarawak, Christopher Dawson, Pesuruhjaya Tinggi Malaya, Sir Henry Gurney dan Pegawai Pentadbir Kerajaan Singapura, P.A.B. McKerron.

Sepasukan 14 pembawa senjata dari polis Singapura mendahului perarakan sambil diikuti wakil dari Kerajaan British dan wakil rakyat Sarawak yang datang bersama-sama Encik Dawson pada sebelah paginya.

Ia merupakan suasana yang penuh emosi. Konvoi yang diketuai

pasukan pancaragam yang memainkan *Chopin's Funeral March*, berarak perlahan-lahan ke pekarangan Katedral. Orang ramai berasak-asak memenuhi jalan raya dan ruangan pintu utama katedral dipenuhi kalungan bunga.

Di serambi katedral, Venerable Archdeacon Gregory yang menggantikan biskop Singapura di Bangkok menyambut rombongan itu sebelum masuk ke Katedral. Ketika lagu *Pealm* ke-23 berkumandang, keranda diusung masuk ke ruang sayap di gereja itu. Puan Stewart duduk bersama-sama Puan Mckerron dan Encik T. St. J. Dilks, yang menjadi Setiausaha Sulit kepada suaminya.

Pada kemuncak majlis, sekumpulan lapan peniup trumpet dari Pengawal Scot memainkan lagu *Reveille and The Last Post*. Sementara orang ramai berdiri memberi penghormatan terakhir.

Keranda diusung keluar, diiringi rombongan keluarga dan sahabat handai. Keranda kemudian diturunkan di Tanah Perkuburan Bidadari atas permintaan balu mendiang dengan diiringi 17 tembakan meriam daripada Regimen Artileri Singapura.

## Bab 7 Peristiwa Selepas Serangan

**S**ELEPAS serangan itu, Kerajaan koloni British telah bertindak menahan beramai-ramai ahli PPM yang disyaki terlibat dalam usaha melancarkan serangan terhadap George Duncan Stewart.

Diketuai oleh Pesuruhjaya Polis Jerry Martin, polis bertindak menangkap ketua-ketua PPM. Antaranya termasuklah Mohd Sirat Haji Yaman, Awang Rambli, Bujang Suntong, Awang Osman Awang Mohamad, Abang Ahmad Abang Abu Bakar, Morni Junit, Osman



*Rosli Dhobi tetap tabah walaupun berdepan dengan ajal yang bakal ditempuhinya.*



Dolah dan Wan Zen Syed Abdullah.

Sesudah itu, ia disusuli dengan penangkapan beberapa pemuda yang dipercayai dari kumpulan bergelar *Gagak Hitam*. Ia diketuai oleh Morshidi Sidek. Manakala Rosli Dhobi juga didapati menjadi ahlinya. Banyak lagi yang ditahan namun akhirnya mereka dibebaskan tanpa syarat.

Sebaliknya mereka dipanggil sebagai saksi bagi pihak koloni apabila tuduhan dibaca kelak.

Sementara itu, rumah-rumah ahli PPM di Sibul digeledah dan segala dokumen, surat dan apa yang dipercayai berkaitan dengan semangat nasionalisme dirampas.

Menurut Abang Ahmad, segala dokumen termasuk keratan akhbar *Utusan Sarawak*nya habis dirampas polis dalam dua kali serbuan. Pengalaman yang sama turut diceritakan oleh Wan Zen.

Di Kuching, pada 7 Disember, polis telah bertindak menggedah dan menyiasat pejabat Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, Angkatan Semangat Anak Negeri Sarawak dan Barisan Pemuda Sarawak. Semua dokumen dan surat kiriman dibawa ke rumah pasung.

Rumah Haji Abdulrahman dan Haji Suut Tahir serta Encik Edham Bojeng, Johari Anang, Abang Haji Kassim Taha, Dahan

*Kaum Ibu  
PPM  
mengadakan  
demonstrasi  
menentang  
penyerahan  
Sarawak  
di Sibul.*





*Perarakan  
antecession  
di Sibul.*

Ahmad, Abang Sapuani Juaini, Sharkawi Uthman dan Ikhwan Zainie telah diselongkar dan diperiksa.

Semua surat kiriman, surat khabar, majalah dan buku yang terdapat di rumah itu dibawa ke rumah pasung. Ini termasuklah buku agama dan buku sekolah anak-anak.

Sekolah rakyat di rumah Encik Dahan di Kampung Masjid turut diperiksa. Ketika itu, buku-buku sekolah tidak dibenarkan dibawa pulang ke rumah.

Terdahulu, pada 5 dan 6 Disember, rumah Haji Ali Hussen di Kampung Sinjan dan rumah kedainya di Jalan Jawa turut digeledah. Selain itu, beberapa pemimpin persatuan di Kuching turut ditahan dan disoal siasat.

Pada 6 Disember, PPM dan semua cawangannya telah diharamkan oleh Governor ini Council mengikut bab 9, undang-undang Per-sekutuan.

Di Sibul pula, sesiapa yang memiliki senapang, hendaklah menyerahkannya ke rumah pasung atau balai polis.

Di Miri, Pejabat Persatuan Melayu Miri telah diselongkar oleh polis. Segala surat bantahan di dalam fail telah dibawa ke rumah pasung



*Gabenor  
Duncan  
Stewart,  
ketika  
memeriksa  
perbarisan.*

dan diperiksa. Kediaman Wan Sazali, Tuanku Abdulrahman dan Mandur Ajis (Pegawai Persatuan Melayu Miri) diselongkar. Semua papan tanda PPM dibawa ke rumah pasung.

Sesungguhnya, Kerajaan Koloni British amat kkuatir sekiranya semangat nasionalisme yang pada mulanya agak perlahan arusnya sudah hangat di Sibu menjalar ke tempat lain di negeri ini. Justeru mereka mengadakan usaha untuk mematahkan kebangkitan semangat itu. Pengeledahan ini merupakan salah satu cara untuk matlamat serupa itu.

## Bab 8

### Siapakah Rosli Dhobi?

(Catatan detik akhir Rosli Dhobi ini berasaskan beberapa sumber yang terlibat secara langsung. Detik-detik akhir beliau ialah kesimpulan daripada himpunan penceritaan rakan-rakan beliau dan ulasan akhbar Utusan Sarawak.)

ROSLI Dhobi lahir pada 1930 di Kampung Pulo, Sibn. Beliau mempunyai seorang kakak dan seorang adik. Pada masa remaja, beliau seorang yang pendiam. Beliau tidak suka bercakap banyak apatah lagi mengenai perkara yang tidak berfaedah.

Beliau seorang yang bijak dan amat minat membaca. Ketika berusia 16 tahun, Rosli Dhobi belajar sebelah pagi di Sekolah Methodist. Manakala pada sebelah petang beliau menjadi guru di sekolah agama rakyat. Di samping menambah pendapatannya, beliau mahu menabur khidmat bakti kepada anak-anak bangsa — ketika itu banyak guru berhenti.

Menurut rakan-rakan sekampungnya, walaupun Rosli Dhobi seorang pendiam namun beliau mudah bergaul. Beliau disifatkan sebagai seorang yang matang pemikiran sehingga dikagumi rakan-rakan-nya.

Rosli pernah dilantik menjadi Penolong Setiausaha Pergerakan

Pemuda Melayu (PPM) selain sering kali menjadi wakil pertubuhan itu ke Kuching dan kawasan pesisiran.

Menurut Redzuan Hashim, teman baik Rosli, di kalangan rakan-rakannya, mereka saling bergelaran *Kelambu*. Inilah asas yang menunjukkan betapa akrabnya mereka. Rosli juga bersahabat dengan mereka yang lebih tua daripadanya.

Malah seperti remaja lain, Rosli juga mempunyai kekasih hati. Gadis bertuah itu bernama Ani (kini hajah).

Pada 1949, beliau mengajar di Sekolah Rakyat Sibu setelah berhenti daripada perkhidmatan kerajaan, berikutan tindakan kerajaan mengedarkan Circular No. 9. Beliau ketika itu masih menuntut di Sekolah Methodist dalam Standard 6.

Rosli sangat menghormati orang lain terutama yang lebih tua daripadanya. Tingkah lakunya lembut. Tutar katanya selalu merendahkan diri. Itulah yang menyebabkan beliau senang didampingi dan amat disenangi. Sebagai guru, juga nasionalis yang berpendidikan, Rosli memiliki cara sendiri mengutarakan semangatnya.

Antaranya termasuklah merakamkan sajak yang disiarkan di *Utusan Sarawak* — akhbar kegemarannya pada 28 Februari 1949. Mungkin kerana sajak ini berunsur propaganda untuk menyemarakkan semangat nasionalisme yang menyebabkan Rosli hanya menggunakan nama samaran — Lidros.

Apatah lagi, pihak Kerajaan British ketika itu memerhati dan mengawasi mereka yang terlibat dalam sebarang gerakan nasionalisme dan mereka yang mencetuskannya. Berikut ialah sajak yang ditulis oleh Rosli yang menggunakan nama samaran Lidros;

*Panggilan Mu Yang Suchi*  
*Oleh Lidros*

*Wahai Pemuda harapan bangsa*  
*Segeralah bangun membuat-kan jasa*  
*Kebangunan mu menyedar kan Melayu bangsa*  
*Ka-haluan kemajuan Aman Sentosa*  
*Wahai pemuda ber-chita suchi*



Rosli Dhobi,  
perjuangannya  
tetap dikenang.

Kenal-kan Sarawak Negara kita yang Asli  
Meskipun bagai-mana anchaman akan terjadi  
Hendak lah sa-hidup sa-mati  
Mengibar-kan bendera menggambar kan hati  
Menunjok-kan rupa bangsa dan Negri  
Mengenal-kan hak di-tanahayer sendiri.  
Wahai pemuda yang ber-semangat kan gelisah  
Insap-lah pda per-juangan bangsa  
Lambat banget di-takdzir Allah  
Bangsa dan tanahayer tetap Merdeka

Sesungguhnya, sajak ini melambangkan betapa Rosli memiliki semangat yang berapi-api untuk membebaskan negeri dari belenggu British. Malah ungkapan "...meskipun bagaimana anchaman akan terjadi, hendak lah sa-hidup-mati" menjelaskan betapa kesungguhan Rosli hendak mengusir British. Jiwanya menggelegak untuk mencapai keadaan ini walau dengan cara apa sekalipun. Apatah lagi setelah mendengar cemuhan Gabenor Sarawak ketika itu, Alexander Abell terhadap Sarawak dan komuniti Melayunya.

Abang Ahmad Abang Haji Abu Bakar berkata, Rosli yang semanganya kenal rapat dengannya pernah berbisik kepadanya pada suatu malam pada pertengahan 1948, ketika mereka bertemu di rumah

PPM.

Pada pertemuan itu, Rosli yang masih muda, tetapi bijak bercakap, dengan nada yang tegas memberitahu bahawa dia tahu segelintir pemimpin kanan PPM telah mengadakan muafakat sulit hendak memusnahkan orang kulit putih di Sarawak ini.

"Kenapa kamu tidak mahu membawa saya bersama-sama dalam pakatan itu. Adakah kamu menganggap saya pengecut dan tidak berani menentang kulit putih itu?"

Saya menjawab, "Rosli, saya yang ada dalam kumpulan ini tidak sekali-kali hendak melaporkan kepada sesiapa pun tugas masing-masing. Apabila masa telah tiba kelak, kerana hal ini akan tetap dirahsiakan dengan ketat, takut kalau-kalau gagal di pertengahan jalan. Jadi menghampakan perjuangan Bumiputera Sarawak."

Dengan tidak semena-mena Rosli menegaskan, "Sekiranya kamu semua telah bersetakat begitu, baiklah Abang Ahmad, suatu hari nanti saya akan menggemparkan Sarawak dengan satu pukulan hebat kepada Koloni Inggeris yang bermaharajalela di tanah air kita ini.

Tegas sekali pernyataan Rosli. Setelah menjawab Penolong Setiausaha PPM, akhirnya, beliau menyertai juga pakatan Rukun Tiga Belas yang dianggotai oleh pemimpin kanan PPM dan diketuai oleh Setiausaha Agung Pergerakan Pemuda Melayu, Awang Rambli itu.

"Sudah tiga tahun kita bertahan tanpa memperoleh apa-apa. Wajiblah kita mendapat kebebasan seberapa segera. Kita mesti mengambil tindakan kerana keadilan yang dinanti-nanti daripada Kerajaan British tidak akan berlaku," kata Awang Rambli pada satu perjumpaan pakatan itu di sebuah rumah dengan Telephone Road.

Ujarnya lagi, tindakan itu ialah membunuh Gabenor dan pegawai British yang lain. "Kita mesti ingat bahawa kemerdekaan itu tetap dalam tangan kita jika kita bersedia mengorbankan diri kita sendiri. Tidak ada lain yang lebih baik melainkan mengorbankan Gabenor itu.

Rosli sebenarnya ialah orang yang paling sesuai melakukan perbuatan itu kerana dia masih muda. Oleh yang demikian, kerajaan tidak akan menyangka perbuatan itu. Malah Awang Rambli berjanji



*Wan Zen Wan Abdullah mengingat kembali saat beliau membaca air Yassin untuk diminum oleh pejuang.*

akan membantu jika Rosli mendapat hal dan dipenjarakan kelak.

Kemudian, satu surah daripada al-Quran (Yassin) telah dibacakan oleh Wan Zen Wan Abdullah dan Awang Rambli menyatakan bahawa mereka akan bersumpah dengan meminum air.

Sumpah ini bertujuan merahsiakan agenda mesyuarat tersebut dan sesiapa yang melakukannya akan menerima dosa yang paling besar dan terkutuk. Selanjutnya, mesyuarat itu memutuskan bahawa mereka tidak akan melakukan apa-apa terhadap lawatan terakhir Gabenor Sir Charles Arden Clarke.

Sementara itu, menurut catatan Yusuf Haji Merais pada tanggal 2 Disember 1949, ketika dia dan rakannya, Abang Jess Abang Ahmad pergi ke Panggung Rex untuk melihat bangsawan Wan Wan San, dia dihampiri oleh Mostaffa Takip dan Rosli Dhobi. Mereka menjemputnya untuk menyertai mereka melihat buku-buku baru di Toko Abang Rafeae.

Ketika dalam perjalanan, Rosli membawa kedua-dua temannya itu ke rumah Ibu Habsah di kampung Nyabor. Di rumah, beberapa rakan lain sudah sedia menunggu seperti Morshidi Sidek, Rabaec Adis, Wan Ahmad, Zain Abu, Wan Hasyim, Wan Abu Bakar, Jamal Haji Dris, Aziz Khan dan Yusuf Ahmad.



*Haji Mostaffa Takip  
mengimbas kembali saat  
beliau bersama  
Rosli Dhobi di  
Toko Abang Rafae  
sebelah peritsiwa  
pembunuhan  
Duncan Stewart.*



Menurut Haji Yusuf, pada pertemuan itu, mereka lebih rancak berbual tentang topik yang menjurus kepada perjuangan dan semangat nasionalisme. Memang kebanyakan yang hadir pada malam itu tahu apakah yang sebenarnya sedang bermain di minda anak-anak muda yang menggelarkan diri mereka *Gagak Hitam* itu.

Ini kerana keesokan harinya, seorang pemimpin besar British iaitu Gabenor Sarawak yang baru akan mengadakan lawatan kerjanya yang pertama ke Sibul. Suasana yang riang itu bertukar menjadi tegang apabila Rosli Dhobi bangun dan melahirkan hasrat untuk membunuh Gabenor itu di Sibul, keesokan harinya.

Cerita ini bukannya perkara baru. Sebaliknya, ia selalu terdengar daripada mulut kebanyakan anak muda ini apabila mereka duduk di bangku atau berada di kebun. Lazimnya, tiada lain yang diperkatakan selain dari hasrat untuk membebaskan Sarawak daripada cengkaman penjajah.

Lagipun, kesemua mereka bekerja sendiri. Ini menyebabkan mereka bebas berkata-kata. Perkataan tersebut tidak akan terlepas ke telinga British. Kerana itulah, kebanyakan mereka yang hadir di rumah Ibu Habsah pada malam itu tidak percaya apa yang dilafazkan oleh Rosli Dhobi itu.

Selesai sahaja pertemuan tidak rasmi itu, kira-kira jam di antara jam 9 hingga 11 malam, Rosli, Yusuf dan beberapa rakannya berkunjung ke rumah Encik Ainie Sepet untuk melihat orang bergendang. Sebelum jam 12.00 tengah malam mereka beredar dari kedai kopi tersebut ke rumah kediaman Yusuf Haji Merais di Kampung Pulo (di belakang Sekolah Chung Hua). Rosli mohon menggunakan baju kepunyaan Yusuf untuk dipakai pada keesokan harinya. Dari situ Rosli terus balik ke rumahnya.

Yusuf berkata, dia kemudiannya dikejutkan oleh bunyi ketukan di pintu depan pada jam kira-kira empat pagi, pada Sabtu 3 Disember 1946. Beliau terus bangun membuka pintu. Beliau mendapati Rosli berdiri di tangga. Beliau menyerahkan kad pengenalannya untuk dikembalikan kepada penjajah British dan menyampaikan pesannya yang terakhir.

Kira-kira jam enam pagi, Rosli bertandang ke rumah Morshidi untuk berunding mengenai serangan itu. Beliau membawa bersamanya sebuah kamera dan sebilah badik.

Kira-kira pada jam lapan pagi, Rosli muncul lagi dan berjumpa Yusuf di pejabat Pacific Traders di Jalan Pulo. Wajahnya tegang, tidak bercakap banyak. Beliau cuma mahu meminta maaf dan minta supaya perjuangan menuntut kemerdekaan Sarawak diteruskan.

Dari situ, Rosli beredar ke Sekolah Rendah Methodist. Beliau pun memasuki barisan yang disusun untuk menyambut ketibaan Duncan Steward dan rombongan.

Menurut Rosli di mahkamah, seperti yang dipetik oleh Utusan Sarawak, beliau kemudiannya pulang ke rumah untuk mandi dan sarapan.

"Setelah itu, saya ke sekolah Methodist dan bercampur bersama-sama mereka, berjalan ke pejabat dan berbaris di hadapan pejabat besar.

"Morshidi berdiri berdekatan saya dan saya memanggilnya datang dan memberi dia kamera itu. Apabila Gabenor itu bertimbal dengan saya maka saya keluarkan badik dari saku dan menerkam Gabenor itu.

Morshidi mara dengan saya.

"Apabila saya menikam Gabenor itu pertama kalinya, saya tidak mengenai dia. Saya melihat polis hampir menangkap saya dan saya pun melontarkan badik itu kepada Gabenor. Seterusnya, saya kena tangkap dan tidak tahu adakah pisau itu mengenai Gabenor atau tidak.

Rosli telah keluar dari perbarisan dan menikam perut Gabenor Duncan George Stewart. Dia kemudiannya segera ditangkap oleh dua anggota polis. Morshidi pula berpura-pura mengambil gambar Gabenor supaya menahan beliau daripada bergerak. Ini membolehkan Rosli menjalankan tugasnya.

Setelah Rosli menyerang Duncan Stewart, Morshidi mara sambil menghunus badiknya. Tetapi serta-merta serangan beliau dapat ditumpaskan oleh Residen Bahagian Ketiga, Barcroft dan Setiausaha Sulit Gabenor, Dilks.

Kata Yusuf, setelah diberkas, wajah Rosli tidak menunjukkan tanda kesal atau sedih atas perkara yang berlaku. Malah masih kelihatan tegas, bertenaga dan tenang.

Duncan Stewart segera dibawa ke hospital Sibü dan cuba dibedah oleh Dr. Wallace keesokan harinya (4.12.49) ke Singapura untuk rawatan lanjut.

Pada hari ini juga (4.12.49) rumah ahli Rukun 13 mula digeledah dan anggotanya ditangkap dan dibawa ke balai polis. Abang Ahmad Abang Abu Bakar memberitahu awal-awal pagi lagi rumahnya digeledah dan dia terus ditahan.

Sedang penangkapan dilakukan di seluruh Sarawak, berita kematian Duncan Stewart pada 10 Disember 1949 di Singapura tersebar di Sibü dan Sarawak.

Rosli Dhobi yang sebelumnya dibicarakan atas tuduhan cuba membunuh ditukar pertuduhannya kepada membunuh. Pembicaraan dijalankan di Second Circuit Court Sibü. Beliau kemudiannya didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati — hukuman yang pertama seumpamanya dijatuhkan di negeri ini.

Menurut Redzuan, sewaktu perbicaraan, Rosli tidak mahu peguam bela. Sebaliknya beliau sendiri membela diri dan berjaya pada perbicaraan pertamanya, apabila menyoal balik saksi dua soalan;

i. Apabila polis singh itu membawa badik *tumbuh lada*, cap jari singh tersebut yang ada di situ, dan ini menjadikan pihak tidak ada bukti yang menyatakan saya menikam Gabenor itu.

ii. Rosli bertanya kepada Doktor Wallace yang membedah Duncan Stewart, adakah tusukannya melukai Duncan? Beliau kemudiannya memberitahu bahawa tikamannya hanya melukai Gabenor itu tetapi yang menjadi pembunuh sebenarnya ialah doktor itu. Ini kerana dia yang melakukan pembedahan kemudiannya dan Gabenor itu mati selepas dibedah, bukan waktu selepas ditikam.

Ternyata Rosli begitu bijak. Justeru, Barcoff dan Jerry Martin terpaksa menggunakan taktik kotor. Mereka berjumpa dengan ibu Rosli agar memujuknya mengaku salah. Umpannya, mereka menjanjikan Rosli hukuman ringan.

Permintaan ibu Rosli itu ternyata tidak dapat dihalang. Rosli akhirnya mengaku salah dan terpaksa berdepan dengan hukuman gantung sampai mati.

Menurut Awang Mois Awang Haji Merali, warden yang bertugas menjaga Rosli sewaktu di penjara, Rosli ketika mula-mula tiba di penjara, agak tenang. Malah sedikit pun tidak menampakkan kekusaran.

Rosli Dhobi semasa di dalam penjara, rajin membaca Yassin. Beliau tidak banyak cakap. Cuma sebelum matinya, dia sempat berpesan kepada rakan-rakannya selain menulis surat kepada keluarganya.

Ketika Abang Haji Zaidell (bapa Datuk Safri Awang Zaidell) memberi suntikan bius kepadanya, sebelum penggantungan dilakukan, beliau berkata kepada Awang Mois, "Keadaan kita tok, ada hidup ada mati. Keakhirannya ngine pun, kita mati juak. Entah saya, entah kitak... bertemulah!"

Permintaan terakhir sebelum digantung, beliau sempat berpesan kepada pegawai penjara, "Apabila saya hendak digantung kelak, tung-

gu saya habis membaca kalimah. Permintaan ini ditunaikan oleh Westin, seorang berbangsa Inggeris yang didatangkan khas dari Penjara Changi di Singapura.

Rosli kemudiannya menghembuskan nafas terakhirnya bersama-sama Morshidi di bilik gantung dan kemudiannya dikebumikan di dalam satu liang di penjara pusat itu. Pusaranya itu kemudiannya dipindahkan ke Sibu pada 2 Mac 1996, setelah 46 tahun "terpenjara" di penjara itu.

Rosli ialah wira yang sukar dicari ganti. Baginya, hidup tidak akan berguna andainya diri, bangsa dan negara dan terjajah. Justeru beliau sanggup mengorbankan dirinya untuk menjalankan tugas suci itu meski tahu dan sedar bahawa nyawanya sendiri akan menjadi galang gantinya.

Bak kata Redzuan lagi "...yang saya ingat, Rosli tidak dipujuk. Beliau yang belum setahun mengajar di sekolah rakyat ketika melakukan serangan tersebut. Menyertai pergerakan politik bersama banyak pemuda Melayu lain dengan keinginan meluap-luap untuk menuntut kemerdekaan..."

## Bab 9 Mengadili Pejuang

**T**ELAH dimaklumkan ketua-ketua PPM dan beberapa pemuda daripada kumpulan yang menamakan diri mereka Gagak Hitam telah ditangkap. Mereka dituduh bersubahat dalam rancangan membunuh Gabenor George Duncan Stewart dan pegawai-pegawai British.

Bagaimanapun beberapa orang daripada mereka dibebaskan dengan syarat dan akan menjadi saksi bagi pihak koloni apabila sebutan percabaran diadakan kelak.

Menurut Abang Ahmad, mereka ditahan semalam sahaja di rumah pasung (sekarang Jabatan Pendaftaran).

Kemudian mereka ditahan di penjara Sibu. Yang tinggal di rumah pasung hanyalah Amin bin Jenal dan Sirat Yaman.

Mereka yang turut ditangkap tetapi dibebaskan dengan alasan menjadi saksi bagi pihak koloni termasuklah Wan Abu Bakar Tuanku, Mohamad Tambik Adon dan Mostaffa bin Mohamad.

Ketika berada di penjara itu, mereka tidak habis-habis disiasat. Sejak jam 1 pagi hinggalah 3 petang, mereka terpaksa menjawab pelbagai pertanyaan termasuklah hal berkaitan politik. Mereka dituduh

mengadakan satu perberontakan di Sibn melalui pakatan yang dinamakan *Rukun 13* — yang bertujuan untuk menghapuskan orang kulit putih di Sarawak. Seterusnya terlibat sama dalam merancang pembunuhan Duncan George Stewart.

Antara yang ditahan dan dibicarakan termasuklah;

- i. Awang Rambli Matserudin
- ii. Abang Han Abang Ahmad
- iii. Muhamad Bujang Suntong
- iv. Muhamad Morni Junit
- v. Wan Zen Syed Abdullah
- vi. Awang Osman Awang Muhammad
- vii. Osman Dolah
- viii. Chee Osman Mohamad
- ix. Rosli Dhobi
- x. Muhamad Morshidi Sidek
- xi. Abang Ahmad Abang Abu Bakar
- xii. Yusuf Haji Merais
- xiii. Mohd Baie Adis
- xiv. Mohamad Mostaffa Takib
- xv. Wan Ahmad Syed Ibrahim

Abang Ahmad berkata, selama sebulan di penjara Sibn, siang dan malam mereka menerima soalan-soalan kejam daripada pihak polis sebelum dihadapkan ke mahkamah jenayah Sibn selama seminggu.

"Di sini saya melihat Mohd Sirat Yaman, Amin Jenal, Wan Abu Bakar, Yusuf Ahmad, Haji Dris Mohamad, Tambek Adun, Mustapha Haji Mahmud, Abdullah Khan dan Imam Haji Marzuki. Semua mereka ini menjadi saksi bagi pihak British (walaupun pada mulanya ialah ahli PPM). Sebaliknya hanya tiga saksi yang tidak memberi pertuduhan kepada kami iaitu Muhamad Rambli Johari (al-marhum), Wan Habib Tuanku Haji Ali (al-marhum) dan Miss Chong Jim Bok.

"Juri yang mengadili kami ialah Muhammad Yusuf (penguasa Kastam), Haji Raden Sulong, Tibg Jiew Huat dan Muhd Alias Mud.

Imam Haji Marzuki dalam keterangannya kepada mahkamah berkata bahawa "membaca surah Yassin dan meminum airnya ialah satu perbuatan jahat yang bermaksud hendak membuat kacau-bilau. Ini



*Pejuang Sarawak diraikan oleh Perdana Menteri di Kuala Lumpur sempena sambutan hari kemerdekaan pada 1982.*

boleh melakukan apa saja perbuatan jahat."

Mohd Sirat Yaman pula antara lainnya berkata, "Sungguhpun saya sebagai Presiden PPM, tetapi tidak pernah berniat hendak melakukan apa-apa hal yang boleh membawa pembunuhan ataupun pembertarikan. Hal yang terjadi kepada Rosli Dhobi itu ialah perbuatan Awang Rambli.

Mohd Amin Jenal, "Sesungguhnya apa-apa pemuafakatan yang dilakukan oleh kumpulan Rukun 13 itu adalah benar-benar diadakan bertujuan menghapuskan nyawa bangsa kulit putih di Sarawak ini. Awang Rambli serta semua mereka yang terlibat dalamnya ialah sebagai ketua terutama Awang Rambli dan Bujang Suntong.

"Jamal Haji Driss pula telah melaporkan kepada pegawai polis tentang gerakan kami dan menyertakan semua nama kami yang dituduh," kata Awang Ahmad.

Perbicaraan ke atas Rosli dan Morshidi dijalankan terlebih dahulu di Mahkamah Tinggi Sibul mulai pertengahan Januari hingga awal Februari 1950. Mereka kemudiannya didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman mati. Bagaimanapun mereka dibenarkan membuat rayuan di mahkamah yang lebih tinggi di Kuching. Selang tiga hari selepas kegagalan dalam rayuan itu, mereka berdua pun menjalani hukuman.





*Allahyarham Morshidi Sidek*



*Allahyarham Bujang Suntong*

Sementara itu, sebelas yang lain telah dihadapkan ke mahkamah sekitar bulan Februari 1950. Berikut ialah catatan daripada pengalaman Awang Ahmat;

"Kami dibawa masuk dalam sebuah trak yang bertutup rapi serta dipasang gari pada kedua-dua belah tangan kami. Dengan dikawal oleh 24 polis yang lengkap bersenjata, kami dibawa terus ke mahkamah kerana dibicarakan di SibU. Perbicaraan tersebut amat dahsyat dan soal jawab diketuai oleh Awang Rambli yang dengan suara lantang memberi keterangan panjang lebar kepada mahkamah.

"Perkara yang amat menarik perhatian kami ialah Amin Jenal. Ketika ditanya oleh Awang Rambli dan peguam kami, dia menjadi kelam-kabut. Menggeletar seluruh anggota badannya hingga bercakap yang bukan-bukan, tidak tentu arah. Sekejap dia mengatakan ya dan sekejap tidak.

"Setelah tiga minggu perbicaraan, maka pada suatu Khamis, Februari 1950, kami dijatuhkan hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi SibU. Tiga juri Melayu yang saya sebutkan itu telah menasihatkan hakim mahkamah supaya kesebelas-sebelas kami dihukum gantung.

"Malah saya masih ingat kata-kata seorang daripada mereka. 'Kamu semua ini ialah penjahat besar, yang memberi malu kepada orang Melayu Sarawak kerana bertindak menghasut Rosli Dhobi supaya membunuh Gabenor Inggeris itu. Oleh yang demikian, kami juri-juri Melayu ini tidaklah menimbangkan ringan hukuman itu. Hukuman adalah berperingkat-peringkat, dan patut pun dihukum gantung sampai mati."

Setelah itu, hakim pun menjatuhkan hukuman gantung sampai mati kepada mereka pada 15 Februari 1950. Hakim memberitahu bahawa atas permintaan peguam (yang disediakan oleh kerajaan), mereka akan diulang bicara di Mahkamah Supreme Council di Kuching. Jack Haji Usop terlebih dahulu dibebaskan ketika mahkamah belum lagi tamat bersidang di Sibü. Rosli dan Morshidi pula lebih awal dihantar ke Kuching pada hari Selasa.

Ketika dibicarakan di mahkamah Sibü, beratus-ratus anggota polis yang lengkap bersenjata berkawal di dalam dan luar mahkamah. Malah diberitahu bahawa penduduk kampung sentiasa berada dalam ketakutan kerana sering diajuk oleh pegawai-pegawai polis — terutama yang berpihak kepada koloni.

Akhirnya, mereka pun tiba di Kuching dengan menaiki kapal Adih. Di penjara Kuching, mereka mendapati Rosli dan Morshidi ditempatkan di *condemn cells* — tempat banduan menunggu hukuman mati. Kebetulan keputusan rayuan mereka telah dikeluarkan dan mahkamah di Kuching telah menolak permohonan tersebut. Awang Rambli dan Bujang Suntong kemudiannya menerima nasib yang serupa.

Mereka telah menjalani hukuman ini secara dua orang serentak pada 3 Mac dan 23 Mac. Rosli dan Morshidi kemudiannya dikebumikan di dalam satu liang manakala Awang Rambli dan Bujang Suntong di dalam satu liang yang lain. Jenazah mereka tertanam di situ sehinggalah pemindahannya dilakukan pada 1996.

Sementara itu, tujuh yang lain telah dihadapkan di mahkamah ulang bicara di Kuching dengan hukuman gantung sampai mati sudah terpikul di bahu. Mereka kemudiannya diberi tempoh dua minggu untuk menunggu keputusan dari Privy Council. Setelah genap dua ming-

gu tempoh rayuan di Mahkamah Tinggi di Kuching, Privy Council di London telah menjatuhkan hukuman baru kepada mereka iaitu penjara secara berperingkat-peringkat seperti berikut;

1. Abang Han Abang Ahmad — 15 tahun
2. Osman Dolah — 10 tahun
3. Morni Junit — 10 tahun
4. Chee Osman Mohamad — 10 tahun
5. Abang Ahmad Abang Abu Bakar — 7 tahun
6. Wan Zen Syed Abdullah — 5 tahun
7. Awang Osman Awang Mohamad — 5 tahun

Kesemua mereka menjalani hukuman penjara di Penjara Kuching sebelum sebilangan daripada mereka dihantar ke Penjara Changi, Singapura. Kemudian mereka dihantar kembali ke Penjara Pusat Kuching. Setelah bertahun-tahun berada di situ, beberapa daripada mereka dibebaskan awal setelah mendapat pengampunan daripada Baginda Queen — kerana berkelakuan baik di dalam penjara.

## Bab 10

### Pesanan Terakhir Rosli Dhobi Kepada Rakyat Sarawak

**D**ENGAN nama Allah yang amat pemurah lagi amat mengasihani. Segala puji bagi Allah dan selawat serta salam kepada junjungan kita Nabi Muhamad s.a.w. serta kaum keluarga dan sahabat-sahabatnya.

*Allahu akhbar, Allahu akhbar, Allahu akhbar.*

*Kawan-kawan, saudara-saudara, saudari-saudari seperjuangan. Sebentar lagi saya akan pergi dan tidak akan kembali lagi. Saudara-saudara semua tahu kenapa saya mesti mati? Memang benar, ajal dan maut di tangan Tuhan, tetapi kita telah gagal dalam perjuangan, disebabkan ada di antara kita yang lemah hati dan tidak jujur.*

*Janganlah dikesal lagi. Tangisan tidak membawa erti, kerana sudah menjadi mainan dunia. Dahan juga menolong menumbangkan pohon.*

*Saya tidak takut. Saya juga tidak bimbang, kerana saya tahu, Tuhan berserta orang yang benar. Kalau saya bersalah, saya mengaku salah.*

*Datuk nenek kita dahulu telah menjualkan tanah air kita yang tercinta ini kepada penjajah. Demi Allah, dengan sumpah dalam masjid untuk merebut kembali tanah air kita yang telah tergadai. Kemerdekaan yang sejati*

tidak akan tercapai tanpa tumpah darah.

Dan kerana tangan ini yang membunuh penjajah imperialis yang dide-wakan oleh orang Melayu, leher inilah yang akan digantung sebagai tebusan. Sudah adat dunia, hutang nyawa dibayar nyawa. Saya berasa megah dengan pembunuhan yang telah saya lakukan.

Biarpun saya dikutuk dan dihina, kerana memang patut Gabenor dan penjajah lain dihapus dari muka bumi ini. Satu Gabenor saya bunuh, saya rasa macam seribu penjajah saya bunuh.

Ini kerana mereka datang menjajah, membakar dan membunuh anak-anak dan perempuan yang tidak berdosa. Dengan tipu helah Brooke telah menjadikan dirinya raja, sekarang nak jualnya kita pula.

Kita minta dengan baik supaya mereka membebaskan kita daripada pemerintah kuku besi imperialis. Mereka membuat kita seperti anjing menyalak gunung. Empat tahun kita menunggu, macam menunggu hujan emas dari langit.

Mereka lupa kita bukan anjing. Merekalah anjing-anjing putih yang tamak. Anjing yang telah dipelihara oleh pembesar-pembesar kita sendiri yang taat dan setia pada raja untuk mengigit kita semua lemah dan tidak berupaya. Apa sajalah saya bunuh satu orang putih? Kerana orang putih merampas harta kita, jajah negeri kita dan memecah belah orang Bumiputera. Satu orang putih mati, empat orang pasti akan digantung mati. Mudah-mudahan Allah selamatkan saudara-saudara. Panjangkan umur saudara semua. Nah sekarang, mana itu Raja Brooke? Mana itu orang putih yang disayang tuan?

Sedarlah, insafilah. Tidak ada baiknya orang asing. Semasa berkehendakkan sesuatu daripada kita, mereka buat baik. Inilah contoh, inilah teladan. Kalau betul dia bilang orang Melayu baik, boleh dipercayai, kenapa tuan-tuan semua dipenjarakan sama.

Bangunlah daripada tidurnu. Ingatlah, air dicancang tidak akan putus. Kita berpecah belah. Satu "procession", satu "antcession". Orang putih bertengkar sesama sendiri mereka akhirnya berbaik semula. Ibarat gajah sama gajah bergaduh, pelanduk tersepit di tengah-tengah.

Sekali lagi saya ingatkan tidak ada baiknya orang asing. Mereka cuma

mahukan kekayaan dari negara kita. Orang mahu memperalatkan kita untuk kepentingan diri mereka sendiri.

Saudara-saudara, patutkah anjing-anjing kita simpan dalam negeri kita lagi? Mestikah anjing keparat ini kita makan dan pelihara dengan baik? Kitab-kitab, suci al-Quran dan buku-buku agama, buku-buku budak sekolah dibongkar. Semua dengan sesuka hati. Orang yang tidak berdosa diseksa dan dianiaya.

Itu pun kita masih kata penjajah baik. Masih nak tunduk kepada mereka. Kenapa kita mesti taat dan patuh pada undang-undang? Orang asing sentiasa menipu, tetapi tidak pernah tertangkap.

Kenapa kita benarkan kezaliman ini berlaku? Kenapa kita masih berpecah belah? Kenapa kita tidak bersatu padu dan menentang mereka? Serang mereka, dan hancurkan penjajah yang telah memperbudakkan kita. Kita tidak mahu gunakan kekerasan. Itulah kita ditipunya.

Mereka tidak pernah menghargai kebaikan kita? Dari situ, kita tidak ada jalan lain. Kalaulah kita sudah berpahat dan tidak berpecah-belah seperti ini, tidak membocorkan rahsia sendiri, tentu kita dapat teruskan perjuangan kita. Bukankah kita pernah bersumpah? Kita akan mengorbankan nyawa kita kalau perlu.

Saudara-saudara sekalian, ingatlah pesan datuk nenek. Alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan. Kalau berdakwat biar sampai hitam. Jangan takut, jangan bimbang. Kalau saudara benar-benar kasih dan cinta akan tanah tumpah saudara-saudara, berjuang dan mara terus, tanpa undur barang setapak pun. Perjuangkan hak kita.

Perjuangan saudara-saudara untuk menuntut kemerdekaan akan dikenang oleh anak bangsa kerana ini negeri kita. Kita sajalah mesti mempertahannya.

Nama-nama kita akan tercatat dan terpahat kukuh di dalam lembaran sejarah tanah air sebagai Pahlawan Negara yang berjuang untuk nusa dan bangsa. Kiranya saudara mati dalam pertempuran mempertahankan maruah dan martabat bangsa, di syurga tempat kita. Seperti, kematian seekor harimau dalam perkelahian untuk mempertahankan belangnya yang bertabur.

Dayus kita anak lelaki, membiarkan negeri kita terjajah. Ingatlah

saudara-saudara, penjajah ini orang asing. Penipu, pengkhianat serta setan dan iblis keparat, bukan Tuhan atau wali keramat.

Janganlah kita mendewa-dewakan mereka. Jangan juga kita sembah mereka. Kiranya kita bersubahat dengan mereka, kita akan dilaknat Allah. Dan anak cucu kita akan hidup miskin dan menderita sepanjang zaman.

Ingatlah pesanan saya, apabila saya mati nanti saudara-saudara yang masih hidup ini mesti berjuang hingga ke titisan darah terakhir. Bersatulah, janganlah mengkhiamati kawan sendiri.

Kalau mahu juga simpan benci, bencilah orang asing. Merekalah yang patut kita sangsi dan curiga, bukannya bangsa sendiri. Jangan belot dan jangan berpaling tadah. Kiranya ada di antara kamu yang pandai menulis, catat dan bukukanlah apa yang telah saudara lihat dengan mata kepala saudara sendiri.

Tulis, catat segala apa yang saudara dengar dan rasa. Biar orang tahu dan dunia juga akan kenal. Bukan semua orang Melayu boleh dibuat macam sapi.

Ini Melayu sejati, tidak takut mati kerana ibu pertiwi. Mereka fikir semua orang Melayu boleh dibuat macam sapi. Boleh ditipu dan dipermainkan.

Melayu-Melayu yang gilakan pangkat dan tamak bolehlah dibagikan dan dibentuk sesuka hati mereka. Saya mahu hidup dan mati sebagai pendekar Melayu yang tak takut mati.

Tidak mengapa "assessor-assessor" tidak memberi rekomen kasihan. Allah akan membalasnya. Dan menentukan di dalam sejarah sama ada saya akan dibenci oleh anak cucu saya, atau penjajah yang akan dikutuk bersama-sama dengan tiga "assessor" Melayu yang tidak ada belas kasihan kepada bangsanya sendiri.

Tapi saya tahu saya seorang mati, beribu-ribu orang Melayu akan berdiri di belakang dan meneruskan perjuangan saya.

Selamat tinggal... hingga bertemu di akhirat nanti. Saya pergi sekarang berjumpa dengan Allah Yang Maha Besar, lagi amat mengasihani.

Tanah air yang tercinta dan terutama sekali ayah bunda yang saya kasihi dan saudara sekalian. Saya menyusun sepuluh jari memohon ampun. Assalamualaikum dan selamat berjuang dan terus berjuang. Ampun dan maaf.

Allahu akbar, Allahu akbar, Allahu akbar.

Pesanan ini merupakan yang terakhir oleh Rosli Dhobi kepada rakan-rakannya sebelum dia dibawa pergi oleh tiga warden untuk digantung.

Ia dikumpul daripada cerita teman-teman seperjuangannya yang sama-sama dipenjara di penjara bawah tanah, Penjara Pusat, Kuching.

Pesanan ini membuat rakan-rakannya yang terdiri daripada anggota Rukun 13 tidak dapat menahan sebak. Masing-masing menitikkan air mata dan ini menjadikan suasana di Penjara Pusat tersebut sayu.

Sebelum menjalani hukuman ini juga, Rosli sempat menulis surat terakhirnya. Surat ini diserahkan kepada seorang warden yang amat dipercayainya dan banyak menyimpan sejarah perjuangannya – Sumarja Mohamad atau Pak S. Berikut ialah isi kandungan surat tersebut;

Dengan secharek kertas ini dan se-putung pensil untuk renungan sepanjang masa. Saya si-penulis Rosli Dhobi dalam lindungan Permai. Saudara2 dan saudari2 sa-perjuangan, saya ta' lama lagi akan meninggalkan jejak tanah tumpah darahku yang ku chintai, dan utama sekali ayah bunda yang ku kasehi dan saudara2 semua, dengan nama Allah sifat pemurah dan pengampun saya menyusun 10 jari mohon ampun dan maaf atas kesalahan saya yang telah terjadi selama ini, saya sanggup berkorban nyawa untuk memperbaiki raayat yang telah di-budaki oleh penjajah, saya mengaku dan terima apa2 kesalahan di dunia ini saya ta'genter saya ta'takut mati, saya terima hukuman yang telah di-jatuhkan di-mahkamah.

Saya berdoa kepada Allah s.w.t. Saudara2 saudari2 di-akhir kelak ba-  
lek ke-pengkuan Ibu-pertiwi. Sungguh begitu saya sudah sanggup mengha-  
puskan orang putih yang berasin dan datang-nya tetapi saya sudah tidak ada  
di dunia ini nama saya tetap harum seluruh Dunia sa-genap plusuk. Akhir  
kata, hey! Saudara2 Saudari2 sekalian berjuanglah jangan mundur maju





Surat terakhir Rosli Dhobi sebelum beliau dihukum gantung.

lah ka hadapan.

Amin ya rabhul alamin berkat doa laillahaillahi Muhamada rasululah. Dan saya ucapkan jutaan terima kasih kepada saudara Pa.S. Allah sahalalah yang akan membalas budi jasa-nya dengan penuh layanan, nasihat yang belum pernah di-dengar oleh saya dari awal hingga akhir.

Harapan ini surat jangan sekali di-beri sesiapa pun. Simpan baik-baik barangkali di-lain masa ada guna-nya.

Ditulis pada 1-3-1950

Saya yang akan meninggalkan endah ini.  
R.D.

Allahyarham seorang yang taat kepada agama. Pada petang 2 Mac 1950, beliau telah menunaikan solat Asar dan sembahyang Hajat.

Apabila ditanya apa yang ingin beliau makan sebelum beliau digantung, Rosli cuma meminta surat Yassin. Sepanjang malam beliau membaca surat Yassin itu. Wajahnya tenang dan berseri.

Pada jam 6 pagi, 3 Mac 1950, beliau digantung sampai mati. Bersama-sama beliau ialah Morshidi Sidek. kedua-duanya dikuburkan di dalam satu lubang, tanpa nisan dan tanpa nama di dalam kawasan penjara.

## Bab 11

### Rosli Dhobi Kembali Ke Sibu

**U**SAHA memindahkan kubur Rosli Dhobi dan beberapa rakan-nya ini dirancangan sejak penghujung 1995. Ketika itu beberapa siri rundingan telah dilangsungkan di Masjid An-Nur, Sibu oleh wakil Kerajaan, Datuk Haji Mohamad. Taha Ariffin dengan waris-waris pejuang ini.

Pemindahan ini dilakukan kerana beberapa sebab. Ini termasuklah setelah kerajaan menimbangkan permohonan tanpa jemu ahli keluarga dan waris pejuang tersebut selain rancangan hendak merobohkan kawasan penjara, untuk tujuan pembangunan.

Setelah ditimbangan segala faktor, termasuk aspek adat resam dan agama, kesepakatan telah diambil untuk melakukan pemindahan kubur ini pada 2 Mac 1995 — genap 46 tahun selepas kematian mereka.

Selain waris, antara agensi kerajaan yang terbabit dalam urusan pemindahan ini termasuklah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Muzium, Majlis Adat Istiadat Negeri Sarawak, Jabatan Agama Islam Sarawak, Jabatan Penjara, Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan Tentera Udara DiRaja Malaysia. Juga terlibat secara langsung dan tidak langsung ialah beberapa agensi dan individu.

Urusan pemindahan ini bermula pada 26 Februari dengan menge-



Akhirnya  
Jenazah  
Allahyarham  
Rosli Dhobi  
dibawa keluar  
dari Penjara  
Kuching,  
1996.

nal pasti tempat sebenar kubur itu. Menurut sumber, beberapa rakan seperjuangan beliau, serta bekas kakitangan penjara dan individu yang membantu menyempurnakan jenazah allahyarham telah diminta membantu mengenal pasti lokasi kubur ini. Setelah beberapa waktu menggali, akhirnya petugas yang didatangkan dari Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) berjaya mengesan lokasi kubur empat pejuang tersebut.

Penggalian sebenar berlangsung selepas sembahyang Jumaat pada 1 Mac. Ia disaksikan oleh waris terdekat pejuang-pejuang berkenaan yang diterbangkan khas dari Sibul.

Sumber memberitahu, dalam suasana yang hening pilu dan sesekali dikocak esak tangis waris, penggali berjaya menemui cebisan tulang dan papan penutup jenazah dari kubur yang berusia 46 tahun.

Pada 2 Mac 1996, keempat-empat pejuang dibebaskan dari pintu utama Penjara Pusat Kuching, Jalan Tabuan tepat jam 8.25 pagi dengan didahului keranda Allahyarham Rosli Dhobi, diikuti keranda Morshidi Sidek, Awang Rambli dan Bujang Suntong.

Pengusungan keluar keranda dilakukan secara perlahan-lahan oleh enam pegawai kanan Penjara Pusat untuk setiap keranda yang diketuai oleh Penolong Penguasa Penjara, Encik Murad Ahmad.

Jenazah kemudiannya dimasukkan ke kereta jenazah Lembaga

Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak, plat nombor KM4601Q dan diarak perlahan-lahan menuju ke Padang Merdeka.

Kereta jenazah itu tiba di Padang Merdeka tepat jam 8.38 pagi dan dimasukkan ke perut Nuri pada jam 8.45 pagi sebelum terbang, tepat 9 pagi. Dua Nuri berkenaan yang didatangkan khas dari Pangkalan TUDM Kuching ialah Nuri M23-26 dan Nuri M23-06.

Pesawat Nuri yang membawa jenazah dipandu oleh Mejar Dolbaharin Nordin manakala pembantunya, Lt Kol. Mohd Yusri.

Padang Merdeka dipilih sebagai padang terbang bagi pemindahan ini memandangkan ia ada kaitan dengan sejarah kemerdekaan Sarawak selain kedudukannya yang berhampiran Penjara Pusat Kuching. Kira-kira 500 hadirin, terutamanya golongan tua menyaksikan dengan penuh terharu akan peristiwa bersejarah yang berlangsung pada pagi Sabtu itu. Selamat tinggal Kuching!

Keempat-empat keranda jenazah telah dilitupi dengan bendera kebesaran negeri sebagai memenuhi wasiat Rosli dan menghormati mereka sebagai pahlawan yang sanggup berkorban nyawa demi negara.

Turut serta dalam penerbangan itu ialah waris dan keluarga terdekat keempat-empat pejuang ini selain pembesar negeri yang diketuai oleh Menteri Pembangunan Sosial, Datuk Adenan Haji Satem.

Pesawat Nuri itu kemudiannya mendarat di Padang Penjara, berhadapan Masjid An-Nur, SibU pada jam 10.15 pagi. Setiap keranda diusung keluar oleh 10 pesilat Bandung Pertiwi dengan didahului jenazah Rosli Dhobi, diikuti oleh jenazah Awang Rambli, Bujang Sun-tong dan Morshidi Sidek.

Turut mengiringi ialah pesilat Helang Harimau serta keluarga terdekat. Jenazah dibawa masuk ke pekarangan Masjid An-Nur tepat jam 10.30 pagi dengan disaksikan lebih 5,000 orang warga SibU.

Sebelum tiba ke tapak pengebumian, kira-kira 100 anggota polis dan tentera datang secara sukarela, berbaris di sepanjang laluan dan memberi tabik hormat.

Setelah semua jenazah sedia di pinggir kubur masing-masing, je-

*Kakak  
Allahyarham  
Rosli Dhobi  
menyiram  
air mawar  
di pusara  
beliau  
yang bertulis  
tarikh  
2.3.1950  
di Sibul.*



nazah Rosli Dhobi dimasukkan semula ke liang lahad baru di kampung halamannya di Sibul tepat jam 10.40 pagi. Ini diikuti jenazah Awang Rambli pada jam 10.44 pagi, Bujang Suntong, 10.48 pagi dan Morshidi Sidek, 10.52 pagi.

Selesai upacara pengebumian, bergema surah Yassin dan tahlil dibaca dengan diketuai oleh Imam Besar Masjid Negeri Sarawak, Ustaz Haji Nahrawi Abdul Rahman.

Sebaik sahaja, upacara membaca tahlil selesai, anggota keluarga kemudiannya menyiram air mawar di pusara pejuang-pejuang ini. Upacara ini ditamatkan dengan penyerahan bendera negeri yang menyelimuti keranda pejuang tersebut kepada waris dan keluarga masing-masing oleh Datuk Adenan Haji Satem. Selamat kembali ke Sibul, Rosli dan rakan-rakan!

## Bab 12

### Nasib Mat Rimau

#### - Rakan Penjara Rosli Dhobi

❗❗ NAK interviu? Untuk apa? Sebelum ini tidak ada orang kisah akan saya. Orang tidak peduli saya, Orang tak ingat saya?" katanya menyambut saya dan jurugambar, Radzi Bujang, beberapa waktu lalu, ketika kami meminta untuk mewawancaranya. Beliau ternyata emosional dengan kehadiran kami di kediamannya di Jalan Abang Barieng, Kampung Bandung, Sibul. Begitu juga anaknya, Dayang Norjanah.

Namun, setelah menerangkan tujuan kami adalah untuk menyiarakan sejarah silamnya untuk tatapan generasi baru, barulah kemarahannya tampak reda.

Anaknya yang kami panggil Kak Janah memberitahu, mereka ke-sal bukan sahaja kerana pengalaman yang dilalui, malah sikap masyarakat yang tidak hormat langsung akan ayahnya.

"Mereka tidak memandangnya seperti yang sepatutnya, walaupun dia menyerahkan jiwa dan raganya untuk negeri ini. Ada pihak tertentu pula cuba memadamkan sejarah yang dilaluinya. Mereka meminjamkan segala dokumen penting yang disimpannya, tetapi tidak memulangkannya balik. Itulah yang dikesalkannya. Apatah lagi yang melakukannya itu ialah seorang yang dahulunya amat dipercayainya."

kata Kak Janah tanpa memberitahu kami siapa yang dimaksudkannya.

Mat Rimau, begitulah nama jolokan bagi lelaki berusia 72 tahun ini. Meski usianya lebih daripada setengah abad, beliau yang lahir dengan nama Ahmad Abang Haji Abu Bakar masih cergas berbicara soal politik dan orang Melayu.

"Cuma kebelakangan ini, selepas kemalangan jalan raya yang dilaluinya lima tahun lalu, ingatannya semakin pudar," kata Kak Janah.

Bagaimanapun, dengan bantuan Kak Janah, kami berjaya mengimbas kembali sejarah wira Sarawak ini, yang pernah dipenjarakan akibat pembunuhan Gabenor Sarawak kedua, Duncan Stewart oleh Rosli Dhobi. Berikut ialah rentetan pengalamannya.

*Ketika itu, perang baru saja tamat. Saya bekerja di Jabatan Pembahagian Makanan di sini (Sibu). Setelah lapan bulan bekerja, saya diberhentikan. Saat menganggur itu saya gunakan untuk berulang alik ke kebun saya di Pulau Keladi.*

*Tidak lama kemudian, kedengaran berita bahawa Rajah Vyner Brooke dan Ranees datang ke Sarawak. Khabarnya, Rajah Brooke datang berhubung penyerahan negeri Sarawak kepada Kerajaan British di London untuk dijadikan jajahan koloni.*

*Ketibaan Brooke itu disambut dengan tunjuk perasaan antipenyserahan di Kuching. Brooke dituduh menjual Sarawak kepada British. Hal ini benar-benar berlaku kerana ketika itu Brooke memberitahu kepada rakyat bahawa Sarawak tidak mampu untuk membayar hutang yang begitu banyak kepada Inggeris pada masa perang. Malah Sarawak pada masa itu, boleh dikatakan bankrap, katanya.*

*Di Sibu, rakyat terperanjat besar menerima berita itu. Rakyat marah kerana perbuatan itu datangnya daripada Rajah Brooke sendiri. Kami, anak-anak Melayu di Sibu, termasuk Suut Tuki berkumpul dan bermesyuarat untuk membantah penyerahan Sarawak itu.*

*Akhirnya, pada mesyuarat itu, kami telah bersepakat dan bersetuju untuk menubuhkan persatuan politik yang dinamakan Pergerakan Pemuda Melayu, Bahagian Ketiga, Sibu atau dikenali sebagai PPM. Jadi di sinilah mula lahirnya PPM.*

Rangka perlembagaan PPM kemudiannya segera disiapkan kepada kerajaan untuk didaftarkan. Setelah lebih sebulan lamanya, maka pendaftaran itu pun diluluskan oleh kerajaan. Orang Melayu di Sibui; lelaki dan perempuan berduyun-duyun mendaftar sebagai ahlinya. Memandangkan banyak ahli yang menyertai pergerakan ini, kami pun berunding untuk meminjamkan sebuah rumah untuk dijadikan sebagai ibu pejabat PPM. Dengan tidak berfikir panjang, al-marhum Abang Ahmad Abang Ali, membenarkan bahagian atas rumah kedainya di Kampung Datuk dijadikan ibu pejabat seperti yang dikehendaki itu.

PPM merupakan satu-satunya pertubuhan Melayu yang melibatkan diri dengan aktiviti siasah kebangsaan bagi menentang penyerahan Sarawak kepada kerajaan British.

Saya dipilih untuk memegang jawatan Penolong Setiausaha Dua dan Suut Tuki, sebagai Setiausaha Agung pertamanya. Presidennya ialah Mohamad Sirat Yaman (sekarang haji). Kemudian, saya ditugaskan pula untuk memikul jawatan Setiausaha Penerangan PPM — yang bertindak untuk melawat ke segenap ceruk rantau di negeri ini.

Pada masa yang singkat sahaja, seluruh Bahagian Ketiga ini telah didirikan cawangan PPM. Memandangkan banyak kaum ibu yang menyertainya, maka mereka diberi kuasa untuk menggerakkan perjumpaan dan membentuk jawatankuasa sendiri. Ia mendapat reaksi positif daripada kaum ibu. Mereka kemudiannya mengadakan perjumpaan besar di rumah Ibu Sifah (Sharifah Sifah al-marhum Tuanku Haji Osman) di Kampung Nyabor, dan pada perjumpaan itu, Sharifah Sifah dipilih untuk mengepalai kaum wanita dengan Cik Dayang Fauziah Haji Hashim bertindak sebagai Setiausaha.

Kami juga menetapkan bahawa PPM bukan hanya dikhususkan untuk orang Melayu, tetapi disebarkan kepada golongan Bumiputera seperti Dayak, Melayu, Kayan dan Bumiputera lain. Hak mereka juga sama seperti ahli lain. Dengan sambutan hangat daripada seluruh golongan Bumiputera ini, PPM berjaya mengumpulkan lebih 50,000 ahli dari seluruh Bahagian Ketiga.

Sempena dengan "hari haram" yang memperingati tarikh Sarawak diserahkan pada 1 Julai 1945, pada 10 Julai 1946, kami telah mengadakan perjumpaan raksasa di Panggung Rex, Sibui. Ia dihadiri oleh 250 wakil



Bumiputera dari seluruh cawangan PPM di Bahagian Ketiga. Dengan beribu-ribu poster antipenyERAHAN dijulang, seluruh peserta telah bersumpah dan berjanji untuk bersatu padu. Malah satu memorandum telah dihantar kepada Kerajaan Inggeris di London dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk meluahkan rasa ketidakpuasan hati ini.

Pada persidangan itu, ucapan berapi-api telah dilontarkan yang kebanyakannya mengutuk kezaliman Brooke dan sekutunya. Saya sendiri diberi setengah jam untuk berucap. Saya ketika itu, menyelar kerajaan British yang mempergunakan Kerajaan Brooke untuk menjahanamkan hak mutlak Bumiputera Sarawak. Masih segar di ingatan saya bahawa persidangan lima jam itu diakhiri dengan tepukan bergemuruh oleh hadirin. Selepas persidangan itu, setiap tahun, pada 1 Julai, kami akan mengadakan tunjuk perasaan dan perarakan besar-besaran di Sibu. Kami juga menghantar surat bantahan kepada Baginda King George di London dan PBB untuk meminta Anthony Brooke ditabalkan menjadi Rajah Sarawak.

Pada 1947, kerajaan Kolonial di Sarawak telah mengeluarkan perintah yang dikenali sebagai Circular No. 9, yang mengaharamkan semua pegawai kerajaan memasuki pertubuhan politik dan berpolitik secara langsung. Sesiapa yang melanggar perintah tersebut akan dibuang kerja.

Satu persidangan besar telah diadakan di Kuching yang dikenali sebagai Persidangan Kongres Tergempar. Semua wakil organisasi politik di negeri ini hadir dan berjanji untuk memperhebat penentangan terhadap Circular No. 9 itu. Saya sendiri, Suut Tuki dan Wan Tibu mewakili Bahagian Ketiga hadir ke persidangan itu, termasuk 338 kakitangan kerajaan, yang kebanyakannya guru sekolah. Antara tindakan selepas persidangan itu ialah menghantar memorandum ke Pejabat Tanah Jajahan di London, PBB dan Kerajaan Kolonial British di Sarawak untuk mengutuk tindakan British itu. Kesemua 388 kakitangan kerajaan itu kemudiannya berhenti kerja pada awal 1948.

Pada 1 Julai 1947, satu perarakan besar-besaran antipenyERAHAN telah diadakan. Oleh kerana ia tersangat hebat, Kerajaan British bertindak menangkap Awang Rambli dan Abang Han. Mereka diseret ke rumah pasung atas tuduhan melanggar undang-undang. Hampir-hampir pertumpahan darah berlaku pada hari itu, akan tetapi rakyat berjaya ditentang, seterusnya memilih wakil untuk dihantar ke rumah pasung bagi mendengar keterangan polis. Polis kemudiannya memenjarakan Abang Han dan Awang Rambli di Penjara Sibu sementara menanti hari per-



Mat Rimau menyingkap kenangan lama ketika berjuang bersama-sama Rosli Dhobi.

bicaraan.

Selang beberapa hari perbincangan dijalankan, mereka berdua didapati bersalah kerana memasuki kawasan larangan. Ini sebenarnya tipu muslihat British. Awang Rambli kemudiannya dijatuhkan hukuman penjara selama 3 bulan manakala Abang Han dipenjara sebulan. Mereka berdua kemudiannya merayu di Mahkamah Tinggi di Kuching dan setelah proses rayuan dilakukan, mereka didapati tidak bersalah.

Peristiwa lain yang menarik sepanjang tempoh tersebut ialah pada Ogos 1947, yakni kerana tindakan British menurunkan bendera Sarawak dan menaikkan bendera Union Jack pada jam 6 petang di hadapan Pejabat Residen Sibn. Ia disambut dengan perhimpunan dan perarakan raksasa. Kami, anak Melayu yang menyaksikan peristiwa tersebut tidak dapat menahan diri daripada mengalirkan air mata. Kami menyambut bendera itu dengan penuh hormat, mengusung serta menaikannya kembali di ibu pejabat PPM. Kebanyakan yang hadir beranggapan bahawa peristiwa itu mengakhiri episod pemerintahan Brooke di Sarawak.

Pada awal 1948 itu, satu perhimpunan sulit telah kami hadiri; 13 pemimpin kanan PPM, yang kini diketuai oleh Awang Rambli, pemimpin yang berpengaruh ketika itu. Mesyuarat sulit itu berhasrat untuk mengadakan "pemberontakan besar" yang akan dilangsungkan pada 1 Julai

1949 di seluruh Bahagian Ketiga.

Kami bermesyuarat di rumah Dr. Ming Mik Ying, dan pada mesyuarat itu, kami bersumpah dengan meminum air Yassin, bahawa kami akan membunuh kesemua pegawai British di Sibu dan seluruh Sarawak. Ia dilaksanakan serentak pada tarikh 1 Julai kelak. Persetujuan inilah yang dinamakan Rukun 13.

Mulai saat itu, saya ditugaskan untuk melawat ke beberapa daerah untuk mengatur rancangan tersebut. Tekad dan semangat kami pada waktu itu amat berkobar-kobar dan sukar untuk dipadamkan. Kami berjaya menyalakan semangat benci akan British di kalangan pemuda di seluruh Bahagian Ketiga. Ketika itu, sememangnya wujud puak yang pro-penyerahan dan anti-penyerahan di kalangan orang Melayu sehingga mereka tidak bertegur sapa. Malah mereka berusaha untuk tidak bersembahyang sama di dalam satu masjid.

Fahaman kebangsaan ketika menyebabkan kami tidak lagi mementingkan wang ringgit. Malah bagi kami, ia tidak ada nilainya melainkan perjuangan dan pengorbanan terhadap Sarawak.

Buktinya, kami melawat ke segenap daerah dan ceruk rantau atas perbelanjaan sendiri. Selalunya kami berbasikal atau menumpang perahu. Makan minum pula ditanggung oleh masyarakat setempat. Penderitaan rakyat dari tahun 1945 hingga 1949 amatlah menyedihkan. Semuanya gara-gara menentang pemerintahan Koloni British.

Pada Disember 1948, saya terpaksa pergi ke Miri kerana bekerja. Sebenarnya, tujuan itu ialah salah satu cara siasah supaya tidak ketara kepada kerajaan British. Kebetulan di Miri, saya telah ditawarkan untuk bekerja sebagai kerani di Syarikat BCL. Melalui peluang ini, saya dapat memberi penerangan serta mengembangkan fahaman anti-British di kalangan orang Melayu Miri. Pada hari kelepasan, saya gunakan peluang ini untuk berkunjung ke bandar-bandar berhampiran, untuk tujuan yang sama.

Akhirnya, saya diintip oleh ejen-ejen kolonial. Di mana-mana saja saya makan dan minum, baik di kedai kopi mahupun di rumah kawan, ada saja yang mengintip. Tetapi saya berusaha untuk tidak ambil pusing akan pengintipan ini. Tujuan perlu saya utamakan di samping bekerja dengan kompeni penjajah itu.

Oleh kerana tidak tahan asyik diintip, setelah enam bulan, saya pun mengambil keputusan untuk berhenti kerja. Kebetulan, saya mendapat telegram yang memberitahu bahawa ibu saya sakit. Saya tidak berlengah-lengah lagi untuk kembali ke Sibu, dan setibanya saya di situ, ibu saya pun sembuh daripada sakitnya.

Apabila tiba di sana, saya dapati penentangan semakin menjadi-jadi. Tidak ada perubahan. Saya meneruskan tugas saya semula sebagai Timbalan Setiausaha merangkap Ketua Pentadbiran Hal Ehwal Cawangan Luar Bandar PPM. Kami telah mengadakan berbagai-bagai kegiatan termasuk pertunjukan pentas untuk mengutip wang bagi mengisi tabung PPM serta tabung sekolah rakyat.

Pada suatu malam, pada pertengahan 1948, saya berjumpa dengan seorang rakan, Rosli Dhobi di pejabat PPM. Pada pertemuan yang tidak diduga itu, Rosli bertanya kepada saya tentang muafakat sulit untuk memusnahkan orang kulit putih di Sarawak.

"Kenapa kamu orang tidak membawa saya bersama-sama dalam pakatan itu? Adakah kamu anggap saya ini pengecut dan tidak berani menentang orang putih itu?"

Kata saya, "Saudara Rosli, kami yang ada di dalam kumpulan ini tidak sekali-kali hendak melaporkan kepada sesiapa pun akan tugas masing-masing. Sampai masanya sudah tiba kelak, ia akan tetap dirahsiakan dengan ketat, takut kalau-kalau ia gagal di pertengahan jalan. Jadi ini akan menghampakan perjuangan Bumiputera Sarawak.

Dengan tidak semena-mena, Rosli menegaskan, sekiranya kamu semua telah bersetakat begitu, baiklah Abang Ahmad, pada suatu hari nanti, saya akan mengemparkan Sarawak khasnya dan dunia amnya dengan pukulan hebat kepada Kolonial British yang bermaharajalela di tanah air kita ini". Saya gembira dengan kata-kata Rosli itu dan mengucapkan tahniah kepadanya.

Apa pun, dengan tidak disangka-sangka, Rosli Dhobi yang berumur 16 tahun dan masih bersekolah Inggeris itu membuktikan kata-katanya apabila menikam mati Gabenor Inggeris kedua, Sir Duncan Stewart pada 3 Disember 1946. Ia berlaku ketika Gabenor itu dalam rangka lawatannya yang pertama ke kawasan luar bandar Sarawak. Turut ditangkap ialah



Kepulangan jenazah Rosli Dhobi dan rakan-rakan disambut megah oleh warga Sibu.

Morshidi Sidek, rakan Rosli yang merakamkan saat-saat cemas itu sebelum turut bertindak menikam seorang pegawai British, tetapi malangnya tikkamannya itu dapat dipatahkan. Rosli dan Morshidi kemudiannya dibawa dan ditahan di rumah pasung di Sibu.

Selepas peristiwa itu, Kerajaan Kolonial menerusi penguasa polisnya, Jerry Martin telah bertindak menahan ketua-ketua PPM termasuk Mohd Sirat Yaman, Awang Rambli, Bujang Suntong, Awang Osman Awang Mohamad, Morni Junit, Osman Dolah, Wan Zen Syed Abdullah, Chee Osman Awang Muhammad, Amin Jenal dan saya sendiri. Abang Han Abang Ahmad ditangkap di Miri ketika beliau sedang bekerja dengan Syarikat Shell. Ini kemudiannya diikuti dengan penangkapan satu kumpulan yang diketuai oleh Morshidi Sidek, yang dinamakan sebagai Gagak Hitam.

Banyak lagi yang ditahan tetapi kemudiannya dibebaskan dengan syarat, menjadi saksi pendakwa bagi pihak Kerajaan Kolonial. Kami ditahan semalam di rumah pasung Sibu sebelum disumbat ke dalam penjara Sibu.

Ketika ditahan di penjara Sibu, kami tidak sunyi daripada disoal siasat. Ia dijalankan baik pada siang, mahupun malam hari ataupun bermula jam 1 pagi hingga 3 petang. Banyak pertanyaan dan tuduhan yang dikemukakan oleh mata-mata ketika itu. Saya dapat lihat dengan mata kepala saya sendiri, selain pegawai Inggeris yang menyoal, ada di kalangan mata-mata

Melayu yang bertindak lebih kejam. Semua pertanyaan mereka adalah berkaitan dengan soal politik.

Kami semua dituduh merancang satu pemberontakan di Sibul di bawah pakatan yang dinamakan Rukun 13 — yang bertujuan untuk menghapuskan orang kulit putih di Sarawak. Sekali gus ada kena-mengena dengan pembunuhan Gabenor Sarawak itu

Perbicaraan terhadap Rosli dan Morshidi dijalankan terlebih dahulu di Mahkamah Tinggi Sibul. Ia dijalankan mulai Januari sehingga Februari 1950. Mereka didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Mereka dibenarkan membuat rayuan di mahkamah yang lebih tinggi di Kuching, tetapi gagal. Mereka kemudiannya digantung sampai mati.

Kemudian giliran kami yang 11 orang lagi dihadapkan di mahkamah, pada hari Isnin, awal Januari 1950. Kami dibawa memasuki trak yang bertutup rapi dan digari di kedua-dua belah tangan. Kami dikawal oleh 24 pegawai yang lengkap bersenjata untuk dibicarakan di Mahkamah Sibul. Soal jawab berlaku dengan dahsyat sekali. Awang Rambli mengetuai pihak kami dengan memberi keterangan yang panjang lebar.

Setelah tiga minggu bicara, maka pada Khamis, Februari 1950, kami dijatuhkan hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi Sibul. Setelah itu, hakim menetapkan bahawa kami akan dijatuhkan hukuman mati pada 15 Mac 1950.

Bagaimanapun, atas permintaan peguam bela (yang disediakan oleh kerajaan), kami semua diulang bicara di Mahkamah Agung di Kuching. Ketika dibicara di mahkamah Sibul, beratus-ratus anggota polis yang lengkap bersenjata dan mengawal di luar dan di dalam mahkamah. Kami juga mendapat tahu bahawa orang kampung sentiasa berada di dalam ketakutan. Malah ada di kalangan polis Melayu yang menyindir orang kampung dengan mengatakan bahawa kami ini tidak ada peluang untuk hidup. "Merdeka kambing!" kata mereka.

Setelah itu, kami dibawa ke Kuching dengan menaiki kapal "Adih". Dari penjara Sibul, dengan kedua-dua tangan digari, kami dimasukkan ke dalam sebuah trak yang bertutup rapat dan dikawal rapi berpuluh-puluh anggota polis yang lengkap bersenjata. Keluarga kami hanya sempat memberi makanan dan mengucapkan selamat tinggal di penjara. Dengan diiringi 12 pegawai polis, kami dibawa meninggalkan Sibul. Suasana sedih

ketika itu, Tuhan sahaja yang tahu. Saya sendiri turut menitikkan air mata.

Jam 7 pagi, hari Ahad, kami tiba di Pelabuhan Marin Polis Kuching dan dimasukkan ke dalam sebuah trak besar yang bertutup. Saya dapat melihat beratus-ratus anggota polis terpaksa berkawal di situ sambil diasak oleh beribu-ribu penduduk Kuching yang ingin melihat kami. Ketika dalam perjalanan menuju ke Penjara Kuching, kami diiringi oleh enam trak polis, tiga di hadapan kami dan tiga di belakang.

Apabila tiba di penjara, kami disuruh bergambar. Kaki dan tangan kami dicap manakala berat badan kami ditimbang. Selepas itu, barulah kami dihantar ke bilik kurungan reman, yang menempatkan seorang banduan setiap bilik. Dari sini saya dapati Rosli dan Morshidi berada di bilik maut. Setelah rayuan mereka ditolak, mereka pun dihukum mati. Begitu juga dengan Awang Rambli dan Bujang Suntong, yang menemui ajal mereka kemudian.

Kami pun begitu juga. Berdasarkan hukuman dari Mahkamah Tinggi Sibu, kami akan menemui ajal di tali gantung. Setelah genap dua minggu tempoh rayuan di Mahkamah Tinggi Kuching, Majlis Privy di London telah menghapuskan hukuman mati kepada kami, baki tujuh orang tadi. Sebaliknya, kami diperintahkan menjalani hukuman secara berperingkat-peringkat.

Abang Han Abang Ahmad dipenjara 15 tahun, Osman Dolah, Morni Junit dan Chee Osman Mohamad (10 tahun) dan saya sendiri tujuh tahun. Kesemua kami ini kemudiannya dibuang negeri dan dipenjara di Penjara Changi, Singapura. Wan Zen Syed Abdullah dan Awang Osman Awang Mohamad pula, masing-masingnya dipenjara lima tahun di Penjara Kuching.

Kami berlima dihantar ke Singapura menaiki kapal Rajah Brooke pada April 1950. Kami diiringi oleh penguasa penjara berbangsa Inggeris dan enam polis yang lengkap bersenjata. Setelah dua malam tiga hari, kami selamat tiba di Singapura. Setibanya di pelabuhan, lima warder termasuk seorang pegawai British menunggu kami untuk dibawa ke Penjara Changi, yang terletak kira-kira lima batu dari bandar raya Singapura.

Apabila tiba di sana, kami dibogelkan. Setelah diperiksa dan didaftarkan, kami diletakkan di tempat khas yang dinamakan Hall B. Kami diberi pakaian dan nombor masing-masing. Saya diberikan nombor 350 di baha-

gian dada dan belakang saya. Kepala kami juga dibotakkan.

Penjara Changi ini amatlah besar. Kawasannya tidak kurang daripada lima ekar persegi. Temboknya pula setebal 8 inci dengan tinggi melebihi 20 kaki. Di sebelah dalamnya pula ada lagi tembok setinggi 10 kaki. Apabila kita masuk ke dalam Hall A pula, ada lagi tembok setinggi 8 kaki. Selepas melepasi tiga tembok itu, barulah kita dapat lepas ke dalam dewan yang menjadi tempat banduan bekerja.

Bilik tidur banduan pula tingginya lima tingkat. Setiap tingkat mempunyai 100 bilik dan setiap bilik mempunyai keluasan enam kaki panjang dan lima kaki lebar. Ia merupakan penjara terbesar di Asia. Oleh itu tidak hairanlah pembinaannya memakan masa tiga tahun lebih.

Sepanjang berada di dalam penjara itu, bermacam-macam pengalaman yang saya peroleh. Ini termasuklah beratus-ratus orang dipenjarakan kerana terbabit dengan rusuhan terbesar di Singapura pada 1952, kerana peristiwa Natrah. Penjara ketika itu sesak daripada kalangan mereka yang membakar kediaman, merompak dan membunuh orang putih. Ini termasuklah tokoh politik Semenanjung seperti Ahmad Boestamam, yang kemudiannya menjadi rakan saya. Ahmad Boestamam memuji bahawa Melayu Sibu memang berani — bunuh penjajah gunakan badik sahaja. "Orang lain main tembak," katanya.

Di penjara ini, kami bekerja pada siang hari sebelum dikurung kembali pada sebelah malamnya. Pada hari Sabtu dan Ahad pula, kami dibenarkan bersukan seperti bermain bola sepak, sepak raga, bola tampar dan badminton. Makanan kami semasa di dalam penjara ialah nasi yang bercampur kacang merah. Pagi-pagi lagi kami disajikan dengan nasi bubur yang berlaukkan ikan dan daging sebanyak dua kali seminggu.

Pada awal 1953, Residen Sibul, Encik D.C. White telah berjumpa kami di Penjara Changi dan memberitahu bahawa hukuman penjara buang negeri kami telah dihapuskan. Tidak tahu apa sebabnya.

Kami bagaimanapun tidak menerima tawaran itu, sebaliknya memberitahu White bahawa kami lebih selesa di sini, di Changi, sehinggalah kami dibebaskan. Tetapi White berkata, "Kamu mesti menerima dan mengikut perintah ini. Kamu orang mesti balik ke Sarawak, tidak lama lagi.

Kemudian, pada Julai 1953, sempena penabalan Queen Elizabeth di



London, kami berlima menaiki kapal "Aliby" dan dihantar balik ke Sarawak dengan diriingi enam warden dan seorang penguasa. Kami selamat tiba di Kuching pada jam 8 pagi, hari Jumaat dan disambut oleh trak besar dan warden Penjara Kuching. Kami berjumpa kembali dengan Wan Zen dan Chee Mohamad.

Pada awal Januari 1954, saya dan rakan-rakan dibenarkan membuat rayuan kepada Kolonial. Saya turut berbuat demikian tetapi sekadar untuk mencuba-cuba. Pada November 1954, pada jam 9 pagi, ketika saya sedang sibuk be-kerja sebagai tukang kayu, tiba-tiba saya diminta berjumpa dengan Encik Tommy Attenbourgh, penguasa penjara. Beliau memberitahu bahawa rayuan saya telah dibenarkan dan saya akan dibebaskan. Saya tidak dapat menahan diri daripada menitiskan air mata. Saya sungguh gembira.

Ketika itu, saya diberi perkakasan pertukangan kayu. Wang kepunyaan saya sendiri dan hasil pendapatan gaji saku di penjara bernilai RM150 diberikan kepada saya. Pada jam 11 pagi itu, saya telah memberikan ucapan selamat tinggal kepada rakan-rakan sebelum meminta kebenaran menziarahi kubur Rosli Dhobi, Awang Rambli, Morshidi Sidek dan Pak Bujang Suntong.

Saya kemudiannya tinggal di Kuching dan bermalam di rumah Abang Nin Abang Ali di Kampung Surabaya selama tiga malam sebelum berangkat dengan kapal "Meluan" ke Sibu. Sebaik-baik tiba di kaki tangga, beras kuning bergantung-gantung menyambut saya selain tangisan ibu dan nenek Ayang. Saya kini telah kembali ke Sibu dan boleh mendirikan hidup baru...

Malangnya, kegetiran hidup Mat Rimau tidak tamat di situ. Sekembalinya ke Sibu, beliau dihambat dengan ejekan dan hinaan. Beliau digelar pemberontak dan pengkhianat oleh mereka yang tidak mengerti akan perjuangan bangsa, walaupun daripada kalangan keluarganya sendiri. Namun beliau gigih menghadapi hidup barunya itu. Selepas berumah tangga Mat Rimau berkhidmat dengan Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak, untuk menyara lima anaknya hinggalah bersara.

(Artikel ini pernah disiarkan di Utusan Sarawak pada April 1997 dan memenangi Hadiah Emas Anugerah Kewartawanan Kenyalang 1997)

## Bab 13

# Pandangan Kritik Tentang Rosli Dhobi

[KRITIK – nama samaran bagi seorang penulis pojok (mungkin Ikhwan Zaini) dalam Utusan Sarawak yang bermula pada 1949. Kritik yang pedas mengungkit isu semasa pada ketika itu, turut melapor perihal peristiwa pembunuhan yang dilakukan oleh Rosli Dhobi. Justeru, ruangan pojok daripada Utusan Sarawak 1949 yang memiliki kesinambungan menarik ini disiarkan semula dengan sedikit penyesuaian bahasa agar mudah ditatapi pembaca.]

Sepintas Lalu  
Oleh Kritik

### *Kejadian di Sibul*

**D**UNIA telah tergepar disebabkan kejadian di Sibul pada 3 Disember tadi dan kematian Yang Terutama Tuan Duncan George Stewart satu minggu kemudiannya disebabkan kejadian tersebut. Berita telah tersiar di sana sini berhubung kejadian ini.

Berita-berita ini semuanya datang daripada punca rasmi. Selain berita-berita itu, ada macam-macam ulasan telah tersiar dan akan tersiar. Selain *Utusan Sarawak* yang membuat sedikit ulasan dalam perkara ini, surat khabar lain dalam Sarawak agaknya belum lagi memberi apa-apa ulasan. Boleh jadi surat khabar itu cuma berdiam diri buat

sementara atau selamanya.

Jika kita perhatikan kepada berita yang tersiar di Malaya dan bandingkan dengan berita yang tersiar di sini, kita akan dapati, ada berita di sana tidak disiarkan di sini. Ini boleh menimbulkan bermacam-macam ulasan. Satu daripada berita yang cuma disiarkan di luar Sarawak berbunyi begini;

"Manakala Timbalan Governor, Tuan C.W. Dawson, sampai ke Sibu pada hari Isnin kelmarin, ia telah mendapati bahawa poster yang bencikan penyerahan yang telah ditunjukkan pada masa serangan ke atas Governor Sarawak berlaku itu, telah hilang disembunyikan dan kebanyakan daripada orang Melayu di Sibu telah berundur masuk ke kampung tempatnya seperti takut akan amukan pembelaan dilakukan olah orang Dayak."

Sebenarnya berita ini tidak dicakap-cakap atau disebut-sebutkan dan tidak ada khabar angin berkata begitu di Sarawak. Berita ini boleh difahamkan menghasut orang Melayu dan orang Dayak. Ini bererti mendatangkan pecah belah dan "pecah belah" memang sudah terkenal sebagai satu "senjata tajam" untuk penjajah.

Orang Melayu cinta akan keamanan dan benci kepada perbuatan seperti yang telah berlaku di Sibu itu. Mereka itu memperjuangkan kemerdekaan bangsa dan nusanya di bawah pemerintahan Brooke supaya dikembalikan, bukanlah menurut jalan komunis atau jalan ekstremis. Mereka bersama-sama bangsa Bumiputera di seluruh Sarawak berjuang menurut undang-undang.

Jika benar orang Melayu di Sibu telah menyembunyi poster mereka dan kebanyakan daripada mereka berundur masuk ke kampung-kampung tempatnya, maka ini harus bererti mereka itu benci dan takut akan perbuatan ekstremis yang telah berlaku itu, dan takut kepada tindakan perintah yang boleh jadi mengenai mereka yang tidak berdosa itu. Buktinya sudah terang apabila persekutuan dan rumah beberapa orang di Kuching telah diselongkar dan surat mereka telah dirampaskan, kerana kejadian yang telah berlaku di Sibu itu.

Jika di Kuching sudah berlaku tindakan pemerintah semacam itu, maka orang ramai tentulah mengerti apa tindakan pemerintah, di mana perbuatan yang dahsyat itu telah berlaku.

Semua bangsa dalam Sarawak berada dalam keadaan dukacita kerana terjadi serangan yang membawa maut kepada Yang Terutama Tuan Duncan George Stewart tadi. Sedang mereka itu dalam keadaan demikian, maka orang Melayu yang tidak kecuali dalam dukacita itu, telah dapati persekutuan mereka yang memimpin perjuangan mereka itu kena syaki, dan tindakan polis telah dijalankan seperti tersebut. Ini haruslah menandatangani kesan sekurang-kurangnya sedikit kepada perjuangan mereka.

Maka kesan yang tidak baik itu harus disukai oleh pihak yang berkuasa, kerana semangat perjuangan mereka dengan berundang-undang itu dipercayai boleh jadi lemah atau hapus. Tetapi kepercayaan yang demikian sudah tentu tidak benar. Perasaan tidak puas hati terhadap polisi kerajaan sosialis British di Sarawak tetap ditentang dengan cara undang-undang, aman dan damai kerana barang yang salah terhadap Sarawak tetap diperbetul atau menerima keadilan yang sebenarnya.

## II

HINGGA sekarang kejadian yang sedih di Sibu tadi masih lagi menerima bermacam-macam ulasan dalam surat khabar di dalam dan luar negeri. Begitu jua berita-berita sudah disiarkan berhubung kejadian itu.

Tetapi berita-berita itu datangnya daripada punca rasmi saja. Berita yang awal dikeluarkan oleh pihak rasmi tadi dan yang terkemudian berlainan dalam beberapa perkara. Inilah menyebabkan *Malaya Tribune*, *Majlis* dan surat khabar lain suka berpegang kepada berita yang kita sebut di atas tadi. Daripada rencana kita ini para pembaca boleh nanti berfikir sendiri. Para pembaca barangkali sudah dapat fikiran daripada pembacaan rencana bahagian I tadi.

Pada 5 Disember, berita rasmi telah mengatakan Gabenor Sarawak diserang oleh dua orang Melayu dan mendapat luka pada perutnya. Mereka dua orang itu menjadi ahli sebuah persekutuan yang sebilangan kecil daripadanya telah menunjukkan bantahan kepada serahan Sarawak kepada Mahkota. Pada esoknya lagi, berita rasmi itu menyatakan bagaimana beliau itu kena serang. Adalah dikatakan orang yang menikam beliau itu dengan pisau ialah seorang pemuda

berumur 16 tahun. Adalah dikatakan juga meskipun beliau itu sudah luka, tetapi beliau telah berjalan ke tempat istiadat dan membalas tabik daripada kumpulan orang ramai.

Daripada berita-berita itu ada banyak tujuan yang dimaksudkan, dan banyak juga ulasan boleh ditimbulkan daripadanya. Umur 16 tahun sudah ada erti yang besar.

Jika umur penikam itu dapat dikatakan lebih muda lagi, tentulah lebih besar ertinya. Demikian juga ada maksudnya berita mengata Tuan Yang Terutama itu telah dapat berjalan rerus kepada tempat istiadat dan membalaskan tabik itu setelah beliau mendapat luka.

Maksud umur 16 tahun itu tidak usah kita tuliskan di sini lagi. *Malaya Tribune* sudah memberi ulasannya lebih terang dari *Majlis*, dan bertalu-talu menyebut umur 16 tahun itu. "Budak itu tidak penting, orang yang di belakangnya penting," kata *Malaya Tribune*.

*Malaya Tribune* menambah kata lagi, "Tidak ada seorang budak berumur 16 tahun tahu betul dan salahnya penyerahan Sarawak hingga dia mahu membunuh seseorang, lebih berkenaan dengan siapa dia tak tahu sama sekali. Dia cuma menjadi satu perkakas, satu perkakas yang senang didapati." Dari sini dapat kita tahu maksud berita yang dusta mengatakan "pemuda berumur 16 tahun" itu.

Penyiasatan permulaan menerangkan Rosli bin Dhobi berumur 19 tahun dan Morshidi bin Sedik berumur 25 tahun telah dituduh membunuh mendiang Gabenor Sarawak. Ini tentu mendatang pandangan yang lain daripada dahulu. Adakah berita yang pertama disiarkan dari punca rasmi tadi memang sengaja dibuat untuk mengelirukan? *Malaya Tribune* dan *Majlis* sudah terkeliru dan mengelirukan orang ramai juga.

Dalam penyiasatan permulaan, Dr. E. Wallace, Pegawai Perubatan, telah menerangkan melihat seorang lelaki memegang sebilah pisau di tangannya dan mencuba hendak menikam Gabenor itu. Dia kemudian telah mendapat Gabenor itu lalu memapah akan dia ke teksi yang hampir iaitu jauhnya kira-kira 20 ela. Dia telah menolong Gabenor itu masuk ke dalam teksi lalu terus ke hospital dan kemudian ke meja belah. Dari penerangan Dr. Wallace ini dapatlah dibayangkan apa yang sebenarnya berlaku setelah Gabenor kena tikam. Bandingkanlah dengan suatu berita yang sudah kita sebut di atas ini,

dan fikirkanlah.

"Duncan Stewart, kata *Utusan Melayu* pada 13 Disember tadi, ialah seorang kakitangan yang setia kepada Kerajaannya dan penduduk Sarawak belum pun sempat mengenal dia dan caranya. Bagaimanapun, dia mati sebagai seorang yang berani iaitu berani dalam erti kata dia mati dalam menjalankan kewajibannya dan menjadi mangsa keadaan yang bukan buatannya."

### III

KEJADIAN di Sibu tadi bukan saja disiarkan atau diulas dalam surat khabar, bahkan dicakap juga. Kejadian itu juga sudah diberitahu dalam Parlimen British pada 5 Disember tadi. Parlimen itu berasa dahsyat dan benci kepada perbuatan yang terjadi di Sibu itu. Tuan Oliver Stanly telah meminta Tuan Creech-Jones supaya mendapat adakah kejadian itu disokong oleh sebarang parti di belakangnya.

Berita yang telah tersiar ada mengatakan bahawa penyiasatan polis nampaknya menunjuk perbuatan jenayah itu telah diatur oleh ahli-ahli tinggi Pergerakan Pemuda Melayu yang telah diharamkan. Tetapi sampai sekarang belum tersiar lagi kenyataan yang pasti menunjuk kebenaran ini. Penyiasatan permulaan atas kejadian di Sibu itu telah dibuat.

Kenyataan-kenyataan dari semua saksi telah disiarkan dengan penuhnya. Kenyataan dari semua saksi telah dibuat di depan seorang majlisret oleh kedua-dua orang kena tuduh membunuh itu, telah dikeluarkan dalam *court*, tetapi isinya tidak dikeluarkan. Ini sama juga seperti membuka separuh saja dari gambar penyelidikan itu dan menyembunyi separuh lagi. Kita tak tahu apakah ertinya ini.

Tidakkah lebih bagus orang ramai dibiarkan melihat gambar itu semuanya? Pada fikiran kita, lebih bagus semua gambar itu disembunyi saja daripada berbuat begitu, kerana orang ramai tak dapat memberi fikiran yang luas dalam perkara itu. Mereka itu boleh jadi keliru dengan penerangan sebelah pihak saja.

Pada Rabu 14 Disember, Colonial Secretary Arthur Creech-Jones telah memberitahu Parlimen British berkenaan pembunuhan Gabe-nor Sarawak, Tuan Duncan Stewart. Pembunuhan itu katanya, bukan

disebab oleh sebarang perasaan tak puas hati yang berkembang dengan lebar tentang politik. Dari perkataan ini bolehlah diketahui *Colonial Office* itu menggunakan kejadian yang sedih di Sibu itu bagi membenarkan kezalimannya dalam Sarawak.

Pihak yang Berkuasa British selalu berkata rakyat Sarawak sudah puas hati dengan Kerajaan Sarawak sekarang. Ini tidaklah menjadi hairan, kerana Kerajaan British mahu Sarawak. Tetapi Kerajaan British takut disiasat dengan cara bebas dan adil. Jadi dimanakah leraknya kebenaran atas pengakuan itu?

"Nampaknya," kata Tuan Creech-Jones, "suatu perbuatan jenayah itu telah dilakukan oleh sedikit orang yang ganas dan sesat yang disesat oleh propaganda *antecession*." Di sini teranglah Tuan Creech-Jones itu menyalah propaganda *antecession*. Sepatutnya beliau menunjuk mana satu propaganda *antecession* yang menyesatkan itu.

Adakah sebarang penerangan yang menyedar rakyat supaya mereka itu tahu taraf mereka itu dijatuhkan dan hak-hak mereka dihapuskan itu disifatkan sebagai propaganda yang menyesatkan? Manusia mesti mahu tahu bumi itu bukan langit, dan langit itu bukan bumi.

Tuan Creech-Jones memberitahu Parlimen lagi bahawa Sarawak besarnya 15,000 batu persegi, di pantai barat laut Borneo, kaya dengan minyak, lada dan getah, telah menjadi sebuah jajahan takluk Mahkota pada 1946, apabila ia telah diserahkan kepada Britain oleh Raja Putih yang akhir, Sir Charles Vyner-Brooke.

Dari sini boleh dibuktikan bagaimana Tuan Creech-Jones berusaha mengabui mata ahli Parlimen British dengan kekayaan dan kemewahan Sarawak. Rakyat British agaknya tidak tamak kepada kekayaan dan kemewahan itu untuk menghalal perbuatan haramnya terhadap rakyat Sarawak.

#### IV

**BERKENAAN** dengan kejadian yang sedih di Sibu tadi, Sir Charles Vyner Brooke sudah bungkas juga dari puasanya berdiam diri dari sejak Sarawak sudah diserahkan kepada Britain. Beliau cuma berkata sedikit tentang pembunuhan Gabenor Sarawak. Katanya, "Saya dukacita dan membenci pembunuhan penakut akan Gabenor Sara-

wak itu."

Selepas itu, beliau terus saja mengata-gatakan perjuangan *antice-ssion* yang sudah terkenal sebagai satu perjuangan yang menurut undang-undang itu.

Apa kata Sir Charles Vyner Brooke ialah *Anticession cells*, cuma mengada persediaan bagi membenarkan dengan terang, adanya kumpulan penjahat yang mempunyai tujuan iblis yang harus tiada diketahu-hui oleh ketua-ketua yang ternyata itu.

"Erti perkataan *cells* dalam politik ialah "kumpulan kecil tempatan dari ahli parti yang bekerja sebagai pusat dakyah dan propaganda." Dari sini barulah dapat tahu macam mana bekas Raja itu memberi corak kepada perjuangan rakyat Sarawak yang halal seperti yang sudah terbayang dalam sidang Council Negeri pada Mei 1946 tadi dan disokong oleh badan perjuangan mereka itu.

Sebab beliau sudah bercakap macam ini, kerana rakyat tak setuju dengan perbuatannya yang nyata-nyata haram itu. Jadi beliau segera ambil peluang perbuatan jenayah itu buat menghapus semua pergerakan *antice-ssion* dengan cuba merangkumnya dalam perbuatan tersebut, Pada hal perjuangan rakyat yang sebenarnya itu tidak sama sekali kena-mengena dengan pembunuhan yang dibenci itu.

Maksud tak baik Sir Charles Vyner Brooke itu lebih-lebih lagi nampak terang, apabila beliau berkata, "Semua pertubuhan yang mencari kepada pembatalan penyerahan kepada Mahkota itu hendaklah diperiksa sedalam-dalamnya." Beliau sekarang tentu sudah mende-ngar pemeriksaan itu sudah dibuat.

Apa yang sudah didapati dari pemeriksaan itu tentulah beliau itu lebih lekas dan lebih dahulu tahu dari orang ramai di Sarawak, kerana beliau itu berdamping dengan *Colonial Office*. Apa kata beliau itu apabila dapat tahu bahawa dari semua pertubuhan rakyat herbilang-an enam belas buah itu ada lima belas buah lagi masih berjalan macam biasa menentang perbuatannya yang haram itu.

Dan apa kata orang ramai kepada perkataan "beliau yang ditimpa saja itu". Bukankah perkataan atau tuduhan itu cuma bohong saja?



"Saya akan bercakap untuk masa yang awal dan masa yang akhir sekali." kata Sir Charles Vyner Brooke. Sudah itu beliau pun bercerita hal nenek, bapa dan dirinya berhubung Sarawak. Selepas itu, beliau pun berkata, "Saya, oleh kerana itu, boleh bercakap dengan kekuasaan dan kepercayaan atas hal ehwal Timur.

"Penyerahan Sarawak ialah keputusan dari kuat kuasa perbuatan saya yang merdeka. Perlembagaan yang telah diberi pada 1941 dianugerahi oleh saya dengan keredaan sendiri dan dengan maksud yang sudah difikir baik-baik sebagai suatu catur pergerakan kepada kemajuan.

"Saya bersungguh-sungguh kepada penyerahan daripada Kerajaan British melayani dia. Tidak ada Bumiputera atau Cina Sarawak telah berfikir menentang kemahuan saya, jika fikiran berbuat begitu telah tidak diajar oleh orang luar.

"Penduduk negeri itu ada lebih baik daripada dulu. Semua percakapan kezaliman yang diperbuat dalam Sarawak itu adalah karut yang membangkitkan."

Berkenaan penyerahan Sarawak maka seorang Raja itu tidak berkuasa berbuat begitu menurut surat perjanjian mendiang Raja Sarawak Yang Pertama dan Sultan Brunei iaitu Sultan Umar Ali dan Sultan Abdul Mumin, serta wasiat beliau yang akhir sekali.

Tambahan lagi, penyerahan itu tidak sama sekali maju pada siasah, melainkan mundur sebenarnya. Dengan keadaan begitu maka keadaan penduduk Sarawak yang dikatakan lebih baik dan lebih tinggi itu dapat dicapai dengan tak usah diadakan penyerahan. Yang sebenarnya Sir Charles Vyner Brooke mengadakan Perlembagaan pada tahun 1941 tadi kerana wang \$200,000; dan penyerahan itu sebenarnya telah dijalankan dengan perbuahan yang buruk seperti memberi wang suap dan lain-lainnya.

Sungguhpun begitu, penyerahan itu sudah ditolak oleh rakyat Sarawak sendiri. Fikiran bagi menentang penyerahan itu sudah terang datangnya daripada rakyat Sarawak sendiri, dan mereka itulah menjemput Tuan Muda dan Raja Muda supaya berjuang sama menghapuskan kezaliman yang diperbuat dalam Sarawak itu adalah benar.

Tidak ada perbalahan tentang siapa dia dari keluarga Brooke akan menduduki takhta Sarawak manakala keputusan Kerajaan British perlu dikehendaki menurut Perjanjian 1888. Penyerahan itu cuma satu perbuatan di antara Sir Charles Vyner Brooke dan *Colonial Office* saja.

Rakyat Sarawak sudah menolak penyerahan itu apabila soal itu telah dibawa kepada mereka. Tidak ada kegentingan kebangsaan telah terjadi. Begitu juga tidak ada kegentingan rumah tangga demi sedikit jua pun. Kebangsaan Sarawak sudah tetap ada dan sudah berakar umbi dengan teguh. Tetapi perbuatan Sir Charles Vyner Brooke itu bukan memperkuat atau menyubur kebangsaan yang sudah tertanam lebih seratus tahun itu.

Bangsa Timur sudah sedar. Ini boleh dapat disaksi dengan terang. Menahan taraf kebangsaan dan kemerdekaan itu wajib pada demokrasi dan Islam. Merosak atau menghapuskan taraf itu berlawanan dengan kedua-duanya itu.

Hidupnya dengan subur itu ialah mengambil berat memajukan puak rakyat yang terkebelakang. Tetapi pengakuan hendak mengangkat mereka itu dengan menghapuskan hak kebangsaan dan kemerdekaan mereka adalah menipu mereka itu dengan terang. Tidak ada perbalahan antara puak rakyat Sarawak. Rakyat Sarawak ialah mereka yang reda menumpah taat setianya yang tidak berbelah bagi kepada tanah air mereka, dan menjaga segala hak kerakyatannya. Inilah dia demokrasi dan ajaran Islam yang sebenarnya.

## V

KEJADIAN di Sibu tadi telah menyebabkan banyak ulasan dan bidasan ditulis dalam surat khabar. Ulasan yang menyinggung perjuangan *antecession* rakyat Sarawak yang terkenal bersih itu telah disiar dan ditentang dalam *Utusan Sarawak* ini dan surat khabar lain.

Ulasan-ulasan dari surat khabar dan penulis yang hendak kita tuliskan cabutannya di bawah ini boleh menarik perhatian para pembaca. Maka ulasan itu terpujanglah kepada fikiran para pembaca masing-masing.

*Utusan Melayu*, surat khabar harian Melayu yang terkemuka dan

terbesar di Malaya diterbit di Singapura, telah mengulas dengan ringkas saja.

Katanya, "Peristiwa Gabenor Sarawak yang menyedihkan itu menjadi mangsa suatu serangan tikaman tidak dapat tidak mengingatkan kita kepada seluruh peristiwa yang malang, peristiwa yang mana ialah kesilapan yang telah dibuat olah Pejabat Tanah Jajahan British bertindak gopoh mengambil Sarawak dan menjadikannya sebuah Tanah Jajahan Takluk."

Warta Negara, sebuah surat khabar harian Melayu yang terkenal yang diterbitkan di Pulau Pinang, Malaya, telah memberi ulasannya begini, "Kemalangan yang berlaku ke atas diri Tuan Duncan Stewart, Gabenor Sarawak, Borneo Utara, yang telah terkena tikam pada hujung minggu yang lalu itu ialah suatu kejadian yang bukan sahaja menggemparkan, akan tetapi juga merupakan kekusutan Sarawak sendiri.

Hal yang berlaku pada Sarawak iaitu Penyerahan Sarawak kepada British pada 1946 oleh Raja Puteh, Sir Charles Vyner Brooke itu sebagaimana yang sedia termaklum adalah telah membangkitkan perasaan tidak puas hati anak negeri yang tidak bersetuju Sarawak menjadi jajahan Mahkota British itu."

Surat khabar itu berkata lagi, "Dengan hal yang demikian kejadian yang menyedihkan itu tidak syak lagi berbabit dengan perkara yang termaklum itu." Lebih lanjut lagi surat khabar itu berkata, "Daripada kemahuan anak negeri adalah nyata mereka berkehendakkan kepada Rajanya juga Raja Puteh dan mereka lebih suka kalau Tuan Muda itu menjadi Raja Sarawak."

Tuan O.M. Green, juruulas British untuk Hal Ehwat Timur Jauh, telah memberi ulasannya dalam akhbar *Conservative Yorkshire Post*. Demikian bunyinya, "Serangan membunuh di Sibu atas Tuan Duncan Stewart, Gabenor Sarawak, cuma menunjuk dengan sangat terang bahawa permusuhan tempatan terhadap polisi Kerajaan British adalah amat berat dari yang pernah diakui oleh Dewan Putih".

Tuan Green berkata, "Sungguhpun keluarga Brooke telah memerintah Sarawak berpuluh-puluh tahun sebagai raja yang berkuasa tunggal, tetapi belum pernah ada sedikit pun rakyat Sarawak itu tidak

bersukacita dan tidak puas hati di bawah raja-raja mereka.

Apa yang tidak dapat diertikan benar-benar ialah sebuah kerajaan sosialis yang mempunyai cita-cita memberi kerajaan sendiri dan fikiran sendiri untuk jajahan takluk sebagai tujuan mereka yang terutama sekali, nampaknya telah terpesong jalannya pada membinasakan hak-hak ini dalam sebuah negeri di mana hak-hak itu dengan gembiranya diamal dan dipelihara oleh suatu perlembagaan yang bertulis." Tuan Green berkata lagi, "Sebenarnya penyerahan itu telah dilakukan dengan cara yang mendatangkan nama tidak baik kepada Dewan Putih."

*De Telegraf*, surat khabar Belanda merdeka, manakala mengulas-kan serangan ke atas Tuan Duncan George Stewart, Gabenor British bagi Sarawak, telah menerangkan, "Jawapan bagi kesedaran benua Asia telah datang sekarang dengan mencabutkan sebilah pisau." Kata surat khabar itu lagi, "Kerajaan Buruh British telah menyatakan beberapa kali bahawa zaman penjajahan itu telah habis, dan dia telah mengerti dan menghormati kebangkitan Asia. Tetapi masih lagi dia telah menjatuhkan negeri Sarawak yang hampir-hampir merdeka itu ke taraf sebuah koloni..."

## VI

PARA pembaca sudah membaca ulasan dan bidasan berkenaan dengan kejadian di Sibu itu. Begitu juga para pembaca sudah membaca keterangan dalam penyiasatan awal bagi dua orang yang telah kena tuduh membunuh Gabenor Sarawak, dan demikian juga pembicaraan mereka di Sibu tadi yang sudah memutus hukum bunuh dengan gantung.

Selain itu, barangkali para pembaca sudah tahu juga keterangan yang sudah dikeluarkan dalam penyiasatan awal bagi mereka yang kena tuduh bersubahat membunuh Gabenor itu. Begitu juga pembaca barang kali sudah tahu apa-apa tindakan pemerintah kepada pertubuhan *antecession* dan batang tubuh *antecessionist* di teluk rantau Sarawak. Dari semua perkara ini, banyak tulisan boleh dibuat, banyak fikiran boleh datang, banyak ulasan boleh timbul dan banyak bidasan boleh dihidangkan.

Dari *statement* yang telah diberi oleh Rosli dan Morshidi dalam

pembicaraan mereka, bolehlah didapati ada satu badan yang bernama *Rukun Tiga Belas* yang diketuai oleh Awang Rambli. Kedua-dua orang salah itu menjadi ahli badan itu. Jadi begitu oleh kerana adanya badan inilah telah menyebabkan Gabenor itu kena bunuh.

Maka badan inilah yang bertanggungjawab. Jadi pembunuhan itu tak ada kena-mengena sama sekali dengan perjuangan rakyat yang berundang-undang di seluruh Sarawak. Jika dipandang kepada apa yang telah dibuat terhadap pertubuhan *anticeSSION* dan lainnya, sudah ada kecenderungan hendak menimpa kesalahan itu kepada rakyat *anticeSSION*. Tetapi perkara yang tidak benar itu mesti tertewas.

Satu soal patut diketahui ialah sebab badan yang bernama *Rukun 13* itu telah jadi terwujud, dan terjadinya pembunuhan itu. Ini tidak syak lagi kerana politik yang sudah melampau dan kerana polisi Kerajaan Sosialis British. Ulasan juruulas politik, *Malay Mail*, pada 9 Disember tadi betullah dengan tempatnya dengan perkataan "kebengisan ini telah tidak berlaku jikalau Kerajaan British telah mengamalkan imbalan kebaikan bersama".

Lagi ini bersamaan dengan maksud perkataan Mohammad Sirat bin Haji Yaman, Presiden PPM, sebagai saksi, dalam keterangannya dalam penyiasatan awal bagi tuduhan bersubahat, yakni "Saya juga mengesyor kepada mahkamah bahawa pembunuhan Gabenor Stewart sekali-sekali tidak berlaku jika Anthony Brooke telah dibenarkan kembali." Maka berkenaan pembunuhan itu, Tuan Anthony Brooke, Raja Muda Sarawak, telah mengeluarkan *statement* kepada akhbar. Antara lain beliau telah berkata, "Jikalau British tidak menjajah Sarawak maka perbuatan jenayah telah tidak berlaku."

Pada malamnya sesudah terjadi serangan ke atas Gabenor itu tadi, poster *anticeSSION* yang menolak pemerintahan British dan meminta kembalikan keluarga Brooke telah diambilkan, pada hal tidak ada tegahan atas poster itu.

Selain daripada apa yang sudah berlaku di Sibul disebabkan serangan itu tadi, nampaknya pertubuhan *anticeSSION* dan cawangan-caangan dalam Sarawak telah diselongkar polis. Begitu juga rumah beberapa pegawainya. Semua dokumen, buku, surat khabar, majalah, mohor dan lain-lainnya telah diangkut ke rumah pasung. Papan tanda pun ada juga dibawa ke sana. Di Kuching pun telah ada polis memeriksa poster

di kampung-kampung dengan maksud perintah. Sebenarnya perbuatan-perbuatan itu sudah melebihi batas.

Menurut berita rasmi, ada pun penyelongkaran dan penyelidikan itu telah dibuat berhubung serangan ke atas Gabenor Sarawak itu, dan menurut waran yang telah dibawa oleh polis cuma dokumen dirampas. Tetapi apakah sebabnya barang-barang yang bukan dokumen pun dirampas juga. Di sinilah sudah nampak perbuatan itu sudah melampaui batas. Lagi tindakan itu dijalan kerana kalau ada pertubuhan lain yang berkaitan. Jika begitu maka surat khabar, majalah, gambar, buku agama dan buku budak sekolah tentulah tidak ada kena-mengena dengan perkara itu, sungguhpun barang ini termasuk dalam jumlah dokumen.

## VII

SUDAH tentu, seperti yang sudah ditulis dan diucap, kejadian di Sibu tadi ialah kejadian yang sedih dan pilu. Tetapi yang paling sedih dan pilu bukanlah penulis dan pengucap. Yang paling sedih dan pilu itu ialah Mem Stewart dan anak-anaknya serta kaum kerabatnya.

Mem Stewartlah kehilangan suami yang amat dicintai, anak-anak Mem Stewartlah kehilangan bapa, dan kaum kerabatnyalah kehilangan seorang ahli. Kehilangan beliau itu sudah tentu mendatangi kesan besar kepada kehidupan mereka itu, terutama kepada Mem Stewart dan anak-anaknya. Mungkin sudah banyak air mata jatuh terhambur, dan mungkin kesan itu akan dirasai sepanjang masa.

Juga barang sudah tentu kejadian di Sibu itu mendatangi perasaan yang paling sedih dan pilu jua kepada satu pihak lagi, iaitu pihak kedua-dua kaum Rosli dan Moshidi yang telah kena jatuh hukum bunuh. Jika hukum bunuh itu sudah dijalankan kelak, pada masa itu sudah tentulah hujan air mata kesedihan dan kedukaan akan turun menderu dari kedua-dua kaum itu. Teriak tangis isteri dan anak, ibu bapa, adik kakak, mentua, ipar biras dan sanak saudara akan terdengar. Apa lagi jika terlihat mereka itu kepada dua badan yang tidak bernyawa lagi.

Kedua-dua pihak menderita sepahit-pahitnya, menderita akibat "polisi Kerajaan British yang keji" kata Gallio, juruulas siasah akhbar *Malay Mail*. Mungkin kejadian itu telah disebabkan perkara siasah negeri. Mungkin dua orang pemuda Rosli dan Morshidi itu pencinta

bangsa dan nusa. Tetapi dukacitanya mereka itu tidak sabar, cuma mengikut haruan hati dan darah gemuruh yang panas, hingga mereka itu sudah berbuat kesalahan jenayah yang menyebabkan diri mereka menerima hukum bunuh.

Sebelum Hakim Lascelles menjatuh hukum bunuh ke atas Rosli dan Morshidi tadi, antara lain beliau sudah berkata, "Nama-nama kamu akan jatuh dalam sejarah Sarawak sebagai dua orang yang telah membunuh dengan takut akan seorang yang tidak berdosa, satu orang, siapa sedikit minggu dahulu dalam pelantikannya di Kuching, sebagai Gabenor, telah menyerahkan dirinya untuk memajukan muslihat negeri ini dan rakyat.

Orang Melayu dalam Sarawak telah memperoleh suatu catatan perkhidmatan dan taat setia yang baik, dan saya tetap percaya semua orang Melayu yang baik-baik akan menyifatkan perbuatan ini sebagai satu titik hitam di atas catatan itu, dan bahawa nama-nama kaum akan disifatkan oleh keturunan itu pada masa akan datang dengan kebencian.

Berkenaan dengan kejadian di Sibü juga, Utusan Melayu telah berkata, "Duncan Stewart ialah seorang kakitangan yang setia kepada kerajaannya dan penduduk Sarawak belum pun sempat mengenal dia dan caranya. Bagaimanapun, dia mati dalam menjalankan kewajibannya dan menjadi mangsa keadaan yang bukan buatannya."

Suatu hari sebelum Tuan Duncan George Stewart meninggal dunia, Tuan Anthony Brooke, Rajah Muda Sarawak, sudah membuat penerangan di London berkenaan kejadian di Sibü itu. Katanya, antara lain, "Sekarang apabila seorang pemuda yang panas darah berbalik kepada perbuatan ketimurannya yang beribwayat dan bengis itu dan bangsa Barat menolak jalan keluar yang berundang-undang itu, telah menikam sebilah pisau kepada seorang bangsawan yang tidak berdosa yang mewakili pada matanya kezaliman ini, maka pihak yang berkuasa adalah mencuba menggunakan peristiwa itu bagi membenarkan perbuatan mereka yang haram."

Daripada dua cabutan yang akhir ini, juga daripada penerangan dalam perbincangan pembunuhan dan penyiasatan awal atas tuduhan bersubahat, maka kejadian di Sibü itu sebenarnya akibat dari penyerahan Sarawak dan polisi Kerajaan British sekarang.

Berkenaan penyerahan itu, Tuan Arthur Bryant, seorang ahli Sejarah British yang terbilang dan terkemuka sudah menerang pada 1946 tadi bahawa penerimaan penyerahan itu ialah suatu titik hitam yang besar dalam sejarah British. Maka harus boleh dikata bahawa "titik hitam di atas catatan" sejarah orang Melayu Sarawak yagn bersih itu, seperti yang telah dikata oleh Hakim Lascelles, adalah dukacitanya akibat daripada titik hitam yang besar dalam Sejarah British itu juga.

## VII

KEJADIAN di Sibü sudah mendapat siaran panjang lebar dalam banyak surat khabar. Penyiasatan awal atas kematian Gabenor Sarawak dan pembicaraan pembunuhan Gabenor itu sudah tersiar juga dengan penuh dalam surat khabar itu.

Begitu juga penyiasatan awal atas tuduhan bersubahat sudah tersiar. Cuma perbincangan atas tuduhan bersubahat itu saja belum berlangsung. Dipercayai hari ini (Isnin 6 Februari) pembicaraan itu dimulakan di Sibü. Keputusannya akan diketahui nanti, dan beritanya yang penuh mungkin disiarkan seperti biasa.

Surat khabar dan juruulas yang terkenal telah mengatakan kejadian di Sibü itu dan berikutnya kematian Gabenor itu disebabkan polisi British. Jadinya beliau itu sudah menjadi mangsa polisi tersebut. Ada pun polisi ini ialah polisi imperialis British yang sekonyong-konyong dan gopoh-gapah sudah menerima penyerahan Sarawak yang haram serta menyelindung perasaan tidak puas hati rakyat dan mengambil bermacam-macam tindakan untuk menindih mereka itu.

Gabenor Stewart yang baru saja datang ke Sarawak tadi tentulah tidak tahu perihal yang sebenar di dalam Sarawak. Segala hal itu mesti dilindung dan sebaliknya ditunjukkan kepada beliau apa yang sedap dan bagus pada pandangan hingga keselamatan beliau itu sudah tidak dijagakan. Jika keselamatan beliau itu dijaga dengan sempurnanya tadi, mungkin beliau sudah tidak menemui ajalnya sebab oleh mereka yang berdarah panas.

Dua pemuda yang sudah kena jatuh hukum bunuh itu awalnya cuma dituduh mencuba membunuh saja. Mendiang itu sudah menda-



pat satu liang luka, dan pembelahan terus dilangsung. Kemudiannya beliau tadi dibawa ke Singapura di mana beliau lagi sekali mendapat pembelahan. Berkenaan dengan hidapan beliau itu, berita-berita rasmi sudah disiarkan menyata keadaan beliau itu sudah beransur-ansur baik dari sehari ke sehari.

Cuma sesudah beliau itu kena pembelahan yang akhir sekali, barulah hidapannya itu jadi melarat dari sehari ke sehari hingga membawa maut pada Sabtu 10 Disember.

Kejadian di Sibu itu bukan satu perkara yang kecil. Kejadian itu sudah menggemparkan dunia. Oleh itu sepatutnya mendapat perhatian sehalus-halusnya dan keputusan yang paling cermat buat menjauh segala soalan yang mesti mendapat segala jawapan yang tepat.

Jika ditilik kepada besarnya perkara pembunuhan. Gabenor yang sudah dibicarakan tadi, maka yang jadi soal ialah, apakah sebabnya pihak yang kena tuduh itu cuma dibelakan oleh seorang pegawai kerajaan? Sepatutnya seorang *lawyer preman* telah membela mereka. Soal tidak ada *lawyer* dalam Sarawak tidaklah boleh jadi alasan. Dan soal mereka yang kena tuduh itu tidak ada kemampuan untuk mengada seorang *lawyer* adalah terpujang kepada kerajaan menjawabnya. Ini ertinya kerajaan harus mengada *lawyer* itu serta membayar perbelanjaannya.

## IX

PENDEK kata kejadian di Sibu itu telah timbul daripada polisi Kerajaan British dan sikap orang yang berdarah panas. Sudah tentu kejadian itu ertinya akibat daripada siasah negeri atau tanah air dan tindakan pihak yang berkuasa bagi menutup semua jalan keluar.

Ada pun siasah yang bergelora itu disebabkan penyerahan Sarawak yang disifatkan haram oleh rakyat Sarawak. Sebab penyerahan itu sudah diluluskan tidak dengan kemahuan mereka, bahkan penyerahan itu cuma sudah dicadang oleh seorang rakyat British dengan sokongan rakyat British yang lain dalam Sarawak dan diterima pula oleh Kerajaan British. Sudah pun perbuatan itu haram, juganya yang paling ganjil dalam kurun yang kedua puluh ini ataupun selepas Perang Dunia Kedua.

Selepas kejadian di Sibu tadi, ada banyak atau macam-macam tindakan sudah dibuat. Yang sudah berbuat itu ialah kakitangan pemerintah. Orang ramai tentu sudah mendengar ketua kampung atau wakilnya menegah orang kampung memasang poster dan menaik bendera Sarawak serta menakut-nakut mereka itu. Begitu jua orang ramai ada mendengar polis mengangkut *sign board* persekutuan dan dibawa ke rumah pasung.

Tiang-tiang bendera sudah disuruh cabut dan bendera Sarawak diambil oleh mereka. Sebuah rumah bekas cawangan PPM di Mukah sudah diubah oleh pemerintah. Orang ramai harus bingung atas segala perbuatan ini. Boleh jadi orang ada bertanya, adakah zaman sekarang sudah kembali kepada zaman menurut hawa nafsu? Atau adakah zaman sekarang sudah jadi zaman tidak pakai undang-undang lagi?

Satu perkara lagi dicadang oleh pemerintah. Perkara ini bukan kecil atau perkara yang boleh dibuat sambil lalu saja. Perkara itu berkenaan dengan cadangan hendak menyekat atau mengharam bendera-bendera asing termasuk juga bendera Sarawak. Acting Secretary for Chinese Affairs, Tuan J.R Outram, telah bercakap berkenaan sekatan pengibaran bendera asing dalam suatu mesyuarat bagi *Chinese Advisory Board* pada 25 Januari tadi.

Antara lain, dia berkata, "Soalan bagi menyekatkan pengibaran bendera asing telah dikemukakan sebelum pengakuan akan kerajaan rakyat itu pada 6 Januari. Timbulnya ialah (a) disebabkan tindakan yang sama dalam negeri berjiran, (b) disebabkan perbelahan fikiran orang Cina tempatan yang diketahui atas jasa berkenaan dengan Kerajaan Kebangsaan dan Kerajaan Rakyat itu dalam Negeri China, dan (c) disebabkan pembunuhan mendiang gabenor oleh ahli *antecession* bersubahat yang telah mengibarkan bendera Sarawak lama sebagai simbol *antecession*."

Dari keterangan (c) di atas ini, dapatlah orang ramai tahu cadangan itu bukan saja untuk menekan kehendak orang Cina bahkan jua pentingnya untuk menekan pergerakan kebangsaan Sarawak yang halal.

Sebab itu sudah timbul keluh-kesah yang mengkhawatirkan di kalangan Bumiputera di seluruh Sarawak. Perintah berkata, ada pun tujuan hendak menyekat pengibaran bendera asing dan bendera Sara-

wak itu ialah buat mengelak punca yang harus merosak keamanan. Tetapi orang percaya cadangan itu boleh jadi menerbit kegentingan. Segala perkara yang tidak baik bukannya timbul daripada adat resam yang sudah berakar umbi di Sarawak. Sebenarnya perkara itu terbit dari polisi Kerajaan British yang tidak sesuai dengan perasaan zahir dan batin rakyat Sarawak.

Pendek kata segala kejadian yang tidak baik yang telah berlaku atau akan berlaku dalam Sarawak terbitnya daripada satu perkataan *cession* saja. Oleh itu kita menjemput pegawai-pegawai tertinggi bagi Kerajaan Sarawak yang ada sekarang menjawab empat soalan di bawah ini:

1. Adakah tidak tuduhan-tuduhan suap, ugutan dan pengeliruan telah digunakan sebagai cara bagi meneruskan penyerahan itu?

2. Adakah tidak tuduhan-tuduhan ini dijawab atau disiasatkan?

3. Adakah tidak wakil Bumiputera dalam Council Negeri tadi telah menentang rencana undang-undang penyerahan itu dengan undi 12 suara lawan sembilan suara, dan tidakkah rencana itu telah ditolakkan jika pegawai Eropah tidak dibenarkan membatalkan undi Bumiputera itu?

4. Dalam sepucuk surat tertulis kira-kira 12 Mac 1942, dari Colonial Secretary kepada raja, tidakkah Colonial Secretary itu telah bersetuju dengan buah fikiran raja bahawa oleh kerana penyerahan itu, bukannya suatu perkara yang patut dicampuri oleh orang Eropah dalam Council itu, maka adalah lebih betul jika mereka itu telah tidak mengundi tentang rencana penyerahan itu?

## Bab 14

# Anugerah Kewartawanan Shell: Cetusan Semangat Rosli Dhobi

*(Rencana yang memenangi tempat kedua Anugerah Kewartawanan Shell Kenyalang 1996 ini disiarkan di Mingguan Sarawak pada 3 Disember 1995. Rencana bertajuk "Rosli Dhobi bunuh Duncan Stewart hari ini" disiarkan semula untuk rujukan pembaca. Manakala, wartawan Utusan Sarawak, Awang Rosli Awang Jaya dan Allahyarham Jaslim Mohamad masing-masingnya telah mendapat tempat pertama dan ketiga dalam Anugerah berkenaan.)*

**S**uatu hari pada Ogos 1949. Latar: Bandar Sibu. Seorang anak muda berusia dalam lingkungan 19 tahun berjalan-jalan di bandar itu. Tiba-tiba dia diberi salam oleh seorang yang dikenalnya, Bujang bin Suntong.

Bujang bertanya kepadanya, adakah dia tahu sebuah parti bernama Rukun 13 dan diketuai oleh Setiausaha Agung Pergerakan Pemuda Melayu, Awang Rambli.

Anak muda bernama Rosli Dhobi itu menyatakan dia tidak pernah mendengar mengenainya.

Bujang kemudiannya menerangkan bahawa tujuan utama parti adalah untuk mengorbankan diri mereka kepada negeri jika perlu.

"Sudah tiga tahun kita bertahan tanpa memperoleh apa-apa. Wa-

jiblah kita mendapat kebebasan dengan seberapa segera. Kita mesti mengambil tindakan kerana keadilan yang dinanti-nanti daripada Kerajaan British tidak akan berlaku," katanya.

Tujuan kedua pula ialah tindakan membunuh Gabenor dan pegawai-pegawai British yang lain. Bujang menyarakan bahawa ada 13 ahli pertubuhan itu dan menyebut nama-nama mereka.

Tidak lama kemudian, Rosli menerima salam Awang Rambli yang meminta beliau datang ke rumahnya. Dia diberitahu mengenai lawatan Gabenor itu.

Rosli mengesyorkan supaya penentangan mereka dilakukan dengan memasang poster seperti pada masa-masa lepas. Awang Rambli tidak bersetuju. Menurutnya tidak ada gunanya membangkang dengan cara lama kerana ia ibarat menanti emas dari langit.

"Kita mesti ingat bahawa kemerdekaan itu tetap dalam tangan kita jika kita bersedia mengorbankan diri kita sendiri. Tidak ada lain yang lebih baik melainkan mengorbankan Gabenor itu," kata Awang Rambli.

Rosli mengatakan bahawa perkara itu susah dilakukan tetapi ia disanggah oleh Awang Rambli. "Perkara itu amat senang. Jika kita membunuh Gabenor itu maka negeri kita akan lekasnya mendapat kembali kemerdekaannya dan kita tentu akan menerima nama yang mulia yang akan terkenal oleh semua dalam dan luar negeri," ujarnya.

Menurutnya lagi, Rosli ialah orang yang paling sesuai melakukan perbuatan itu kerana dia masih muda. Oleh yang demikian, kerajaan tidak akan menyangka perbuatan itu.

"Saya akan membantu jika Rosli mendapat hal dan dipenjara," jelasnya. Bagaimanapun, Rosli tidak bersetuju melaksanakan tugas itu.

Seminggu kemudian, Awang Rambli bertandang ke rumah Rosli. Sambil menghulurkan rokok kepadanya, Awang Rambli mengulangi hasratnya dahulu. Rosli mengesyorkan mereka mengadakan mesyuarat sekali lagi. Awang Rambli terdiam mendengar jawapan itu. Beliau kemudiannya memohon diri untuk pulang.

Bagaimanapun, kira-kira jam 5 petang, ketika Rosli sedang menunggang basikal ke masjid, beliau telah dipanggil oleh Awang Rambli yang kebetulan berada di rumah berhampiran. Di sana mereka bercakap lagi dan selepas lima minit berfikir, Rosli akhirnya bersetuju melakukan perbuatan itu.

Awang Rambli berterima kasih kepadanya dan mencadangkan agar Rosli mengambil Morshidi Sidek atau Bujang Suntong untuk membantunya. Bujang bersetuju melakukan pembunuhan tersebut tetapi menetapkan syarat bahawa beliau akan membunuh Gabenor tersebut tiga atau empat hari kemudian, di dalam kampung.

Rosli tidak mahu menanti begitu lama lantas membuat keputusan untuk melantik Morshidi sebagai pembantunya.

Tiga hari sebelum ketibaan Gabenor Duncan Stewart ke Sibu, mereka telah mengadakan beberapa mesyuarat lain.

*Suatu hari pada Ogos 1948. Latar: Bandar Sibu.* Satu mesyuarat telah diadakan dan Morshidi Sidek telah dibawa oleh Awang Rambli ke sebuah rumah di Telephone Road. 13 orang kawannya telah berkumpul di situ.

Kemudian, satu surah daripada al-Quran(Yassin) telah dibacakan oleh Wan Zen Wan Abdullah dan Awang Rambli menyatakan bahawa mereka akan bersumpah dengan meminum air.

Sumpah ini bertujuan merahsiakan agenda mesyuarat tersebut dan sesiapa yang melakukannya akan menerima dosa yang paling besar dan terkutuk.

Awang Rambli kemudiannya berkata, "Kita telah berjuang tiga tahun dan belum lagi dapat mengembalikan negeri kita Sarawak. Sekarang masanya telah sampai. Kita mesti membunuh Gabenor dan Residen itu. Tetapi masanya yang tepat belum kita tahu.

"Pembunuhan itu mesti terjadi dan negeri kita harus kembali pada tarafnya yang dahulu," katanya. Morshidi amat terperanjat mendengar kenyataan itu tetapi membatukan diri seperti teman-temannya yang lain.

Awang Rambli kemudiannya menyatakan bahawa mesyuarat itu dinamakan Rukun 13. Selanjutnya, mesyuarat itu memutuskan bahawa mereka tidak akan melakukan apa-apa terhadap lawatan terakhir Gabenor Sir Charles Arden Clarke.

**28 November 1949.** Satu mesyuarat telah diadakan di kalangan ahli Rukun 13 di Sekolah Rakyat Sibul. Morshidi dipanggil ke mesyuarat itu melalui surat pengumuman oleh Rosli.

Rosli kemudiannya memberitahu bahawa dia dan Awang Rambli telah bersetuju kepada langkah yang dirancangan iaitu membunuh Gabenor. Dia kemudiannya memilih antara dua orang kawan untuk bersama-sama melakukan pembunuhan itu dan beliau memilih Morshidi.

Morshidi kemudiannya membantah dan menyatakan bahawa perkara itu mesti difikirkan dengan cermat. Tetapi Rosli menyatakan bahawa Awang Rambli telah membenarkan cadangan itu dan akan bertanggungjawab terhadap percabaran mahkamah apabila mereka ditangkap kelak.

Kemudian pada petang 2 Disember, satu mesyuarat telah diadakan di Kelab PPM. Apabila mesyuarat itu tamat, Awang Rambli telah membawa Morshidi, Rosli dan rakan-rakan mereka ke pasar. Di sana, Awang Rambli telah berkata kepada Rosli dan Morshidi, "Inilah peluang kamu."

Kata Awang Rambli lagi, sekiranya mereka tidak melakukan perbuatan itu, dia sendiri mesti akan melakukannya. Dalam perjalanan pulang ke rumahnya, Morshidi telah singgah di sebuah rumah untuk menyaksikan gendang tandak.

**Tepat jam 6 pagi, Sabtu 3 Disember 1946.** Rosli bertandang ke rumah Morshidi untuk berunding mengenai serangan itu.

"Saya kemudiannya pulang ke rumah untuk mandi dan sarapan. Setelah itu, saya memakai pakaian dan mengambil bersama-sama sebuah kamera dan sebilah badik. Saya ke sekolah Methodist dan bercampur bersama-sama mereka berjalan ke pejabat dan berbaris di hadapan pejabat besar.

"Morshidi berdiri berdekatan saya dan saya memanggilnya datang dan memberi dia kamera itu.

"Apabila Gabenor itu bertimbal dengan saya, maka saya keluarkan badik dari saku dan menerkam Gabenor itu. Morshidi mara dengan saya. Apabila saya menikam Gabenor itu pertama kalinya, saya tidak mengenai dia.

"Saya melihat polis hampir menangkap saya dan saya pun melontarkan badik itu kepada Gabenor. Seterusnya, saya kena tangkap dan tidak tahu adakah pisau itu mengenai Gabenor atau tidak," jelasnya lagi ketika memberi keterangan di mahkamah sewaktu bicarannya dilangsungkan.

Rosli telah keluar dari perbarisan dan menikam perut Gabenor Duncan George Stewart. Dia kemudiannya segera ditangkap oleh dua anggota polis.

Morshidi pula berpura-pura mengambil gambar Gabenor supaya menahan beliau daripada bergerak. Ini membolehkan Rosli menjalankan tugasnya.

Setelah Rosli menyerang Duncan Stewart, Morshidi mara sambil menghunus badiknya. Tetapi serta-merta serangan beliau dapat ditumpaskan oleh Residen Bahagian Ketiga, Barcroft dan Setiausaha Sulit Gabenor, Dilks.

Kedua-duanya kemudian dibawa ke penjara bersama-sama senjata mereka. Manakala Sir Duncan Stewart serta-merta telah dibawa ke rumah sakit dan telah dibedah. Menurut doktor, beliau mengalami luka selebar satu pertiga inci dan dalam tusukannya tiga inci.

Atas nasihat doktor, beliau kemudiannya telah dibawa ke Singapura sebelum meninggal dunia pada 10 Disember 1949.

Hari ini, genap 46 tahun drama bersejarah itu berlangsung. Perjuangan mereka membuktikan bahawa Sarawak tidak rela dijajah dan diperbudakkan oleh orang asing.

Akhirnya, dua pejuang ini menghembuskan nafas terakhir di tali



Datuk  
Adenan Haji  
Satem  
menyerah-  
kan bendera  
Sarawak yang  
menyelimuti  
keranda  
pejuang kepada  
waris  
masing-  
masing.



gantung Penjara Pusat Kuching pada subuh, 2 Mac 1950 dan dikebumikan di dalam satu liang tanpa nisan dan nama di dalam kawasan penjara tersebut.

Memandangkan dua negarawan ulung ini sanggup berkorban nyawa demi negeri tercinta, sewajarnya pusara mereka dipindahkan ke tempat persemadian yang lebih aman di tempat asal mereka – Sibul.

## Bab 15

# Wawancara Eksklusif Dengan Rosli Dhobi

**R**OSLI Dhobi dihukum gantung 46 tahun yang lalu. Wartawan kami, Rudi Affendi Haji Khalik belum lahir lagi ketika pejuang Sarawak itu membunuh Gabenor Sarawak kedua, Duncan Stewart. Rudi yang lahir 25 tahun kemudian bagaimanapun sempat menemu bual Rosli tiga hari sebelum beliau menemui ajal di tali gantung.

Dalam wawancara tersebut, Rosli yang berusia 17 tahun ketika itu tidak menampakkan sebarang kesedihan. Beliau begitu bersemangat menjawab segala soalan berhubung peristiwa bersejarah itu.

Ikutilah temu bual dalam imaginasi berdasarkan fakta sejarah yang cuba menjejaki liku-liku perasaan Rosli pada hari-hari terakhir beliau akan dihukum bunuh.

**RUDI AFFENDI HAJI KHALIK:** Rosli Dhobi, nama saudara cukup hebat. Saudara dikenali sebagai pejuang terbilang bersemangat kental.

**ROSLI DHOBI:** Terima kasih. Jangan puji saya tinggi sangat. Apalah yang ada pada saya. Saya hanya melaksanakan amanah negara dan bangsa.



*Pusara  
Rosli Dhobi  
bersama-sama  
Morshidi Sidek  
sebelum digali  
di Penjara  
Kuching.*

**Beralih kepada pokok persoalan kita. Boleh ceritakan bagaimana saudara terlibat dalam pergerakan Rukun 13 ini?**

Penglibatan sebenarnya bermula pada Ogos 1949. Ketika sedang berjalan-jalan di bandar Sibu, saya terserempak seorang kenalan, Bujang Suntong. Dia tanya saya mengenai Rukun 13 yang diketuai Awang Rambli. Saya tidak pernah dengar nama itu. Bujang beritahu saya tentangnya. Rukun 13 katanya, ditubuhkan kerana kita sudah berjuang tiga tahun tapi tidak berkesan. Kita wajib bebas segera. Kita mesti ambil tindakan kerana keadilan daripada Kerajaan British tidak akan berlaku.

**Tujuan lain Rukun 13?**

Bunuh Gabenor dan pegawai British lain.

**Setakat itu sahaja?**

Tidak lama kemudian, saya terserempak dengan Awang Rambli. Dia minta saya datang ke rumahnya. Dia beritahu mengenai lawatan Gabenor itu.

**Reaksi saudara?**

Saya syorkan penentangan seperti pada masa-masa lepas. Pasang poster. Rambli tidak bersetuju. Katanya, tidak guna bangkang cara lama kerana ibarat menanti emas dari langit. Kemerdekaan tetap dalam tangan jika kita sedia korbankan diri kita. Tidak ada yang lebih baik selain bunuh Gabenor itu. Saya kata, susah nak lakukan. Tapi Rambli kata senang. Katanya, jika kita bunuh Gabenor itu, negeri kita akan lekas merdeka. Kita tentu akan dapat nama yang mulia. Kita akan terkenal di dalam dan di luar negeri. Katanya lagi, sayalah paling sesuai melakukannya kerana saya masih muda. Kerajaan tidak akan sangka. Dia janji akan bantu jika saya mendapat hal dan dipenjara.

**Jadi, saudara bersetuju?**

Belum. Seminggu kemudian, Rambli datang ke rumah saya. Dia hulur rokok dan ulang hasratnya dulu. Saya syorkan mesyuarat diadakan sekali lagi. Rambli terdiam lalu minta diri.

**Lepas tu...**

Pada hari yang sama, kira-kira jam 5 petang, saya berbasikal ke masjid. Rambli yang kebetulan ada di rumah berhampiran, panggil saya. Dia tanya lagi. Selepas lima minit berfikir, saya bersetuju melakukannya. Rambli gembira dan berterima kasih kepada saya. Dia cadangkan Morshidi atau Bujang membantu saya. Katanya, Bujang setuju membantu. Tapi akan melakukannya tiga atau empat hari kemudian, ketika orang putih itu di dalam kampung. Saya tidak setuju. Lama sangat. Saya setuju ambil Morshidi sebagai pembantu.

**Boleh gambarkan peristiwa bersejarah itu?**

Jam 6 pagi, Sabtu, 3 Disember 1949, saya pergi ke rumah Morshidi untuk berunding. Kemudian, saya pulang ke rumah untuk mandi dan sarapan. Setelah itu, saya berpakaian dan mengambil bersama-sama sebuah kamera dan sebilah badik. Saya pergi ke sekolah Methodist dan bercampur bersama-sama mereka. Berjalan ke pejabat dan berbaris di hadapan pejabat besar. Morshidi berdiri berdekatan saya. Saya memanggilnya datang dan memberi dia kamera itu. Apabila Gabenor itu bertimbal dengan saya maka saya keluarkan badik dari saku dan menerkam Gabenor itu. Morshidi mara dengan saya. Apabila saya menikam Gabenor itu pertama kalinya, saya tidak mengenai dia. Saya

melihat polis hampir menangkap saya dan saya pun melontarkan badik itu kepada Gabenor. Seterusnya, saya kena tangkap dan tidak tahu sama ada badik itu mengenai Gabenor atau tidak.

**Saudara akan dihukum mati...**

Ya. Saya akan pergi dan tidak akan kembali lagi. Semua orang akan mati. Ajal dan maut di tangan Tuhan. Tapi kita gagal dalam perjuangan. Ada antara kita yang lemah hati dan tidak jujur.

**Perasaan saudara sekarang?**

Saya tidak takut. Saya tidak bimbang. Saya tidak menyesal. Saya tahu, Tuhan berserta orang yang benar. Kalau saya bersalah, saya mengaku salah. Datuk nenek kita dahulu telah jualkan tanah air kita kepada penjajah. Demi Allah dengan sumpah di dalam masjid, kita berusaha merebut kembali tanah air kita yang telah tergadai. Kemerdekaan tidak akan tercapai tanpa tumpah darah.

**Saudara bangga dengan perjuangan ini?**

Kerana tangan ini yang membunuh penjajah imperialis itu, leher inilah yang akan digantung. Sudah adat dunia, hutang nyawa dibayar nyawa. Saya megah dengan apa yang saya lakukan. Biar pun saya dikutuk dan dihina, memang patut Gabenor dan penjajah lain dihapus daripada muka bumi ini. Satu Gabenor saya bunuh, saya rasa macam seribu penjajah saya bunuh. Ini kerana mereka datang menjajah, membakar dan membunuh anak-anak dan perempuan yang tidak berdosa. Dengan tipu helah Brooke telah menjadikan dirinya raja, sekarang nak jual kita pula.

**Saudara hebat.**

Saya tak hebat. Inilah perjuangan. Kita minta dengan baik supaya mereka membebaskan kita daripada pemerintah kuku besi imperialis. Mereka membuat kita seperti anjing menyalak gunung. Empat tahun kita menunggu, macam menunggu hujan emas dari langit.

**Sebenarnya?**

Mereka lupa kita bukan anjing. Merekalah anjing-anjing putih



Berdoa selepas penggalian pusara Rosli Dhobi dan rakan-rakan di Penjara Kuching selesai dijalankan.

yang tamak. Anjing yang telah dipelihara oleh pembesar-pembesar kita sendiri. Anjing ini bertujuan untuk menggigit kita semua yang lemah dan tidak berupaya. Apa sajalah saya bunuh satu orang putih? Kerana orang putih merampas harta kita. Jajah negeri kita. Pecah belah orang Bumiputera. Satu orang putih mati, empat orang digantung mati. Subhanallah.

#### Pandangan saudara tentang penjajah?

Tidak ada baiknya orang asing. Semasa berkehendakkan sesuatu, mereka buat baik kepada kita. Inilah contoh. Inilah teladan. Kalau betul dia bilang orang Melayu baik, boleh dipercayai, mengapa semua orang Melayu dipenjara sama. Tidak ada baiknya orang asing. Mereka cuma mahukan kekayaan negara kita. Orang mahu memperlak kita untuk kepentingan diri mereka sendiri. Patutkah anjing keparat ini kita simpan dalam negeri kita lagi? Mestikah anjing keparat ini kita beri makan dan pelihara dengan baik? Kitab-kitab suci al-Quran, buku-buku agama, buku-buku budak sekolah, semuanya habis dibongkar. Semua dengan sesuka hati. Orang yang tidak berdosa diseksa, dianiaya. Itu pun kita masih kata penjajah baik. Masih nak tunduk kepada mereka. Kenapa kita mesti taat dan patuh pada undang-undang? Orang asing sentiasa menipu, tapi tidak pernah tertangkap.

Baik. Sebenarnya, apakah masalah bangsa kita?

Kita masih berpecah belah. Tidak bersatu padu. Kita harus serang mereka. Hancurkan penjajah yang membudakkan kita. Kita tidak gunakan kekerasan, itulah kita ditipunya. Mereka tidak pernah hormai kebaikan kita. Dari situ, kita tidak ada jalan lain. Kalau kita sudah berpakat, tidak berpecah belah, tidak bocorkan rahsia sendiri, tentu kita dapat teruskan perjuangan. Bukankah kita pernah bersumpah? Kita akan mengorbankan nyawa kalau perlu. Kita jangan takut. Janganimbang. Kalau semua benar-benar kasih dan cinta akan tanah air ini, berjuang dan mara terus. Jangan undur barang setapak. Perjuangkan hak kita.

### Maksudnya, kita mesti sanggup berkorban jiwa raga?

Ya. Kiranya saudara mati dalam pertempuran mempertahankan maruah dan martabat bangsa, syurgalah tempat kita. Seperti, kematian seekor harimau dalam perkelahian untuk mempertahankan belangnya yang bertabur.

### Pesanan terakhir saudara kepada orang Melayu?

Ingat pesanan saya. Apabila saya mati nanti, saudara-saudara yang masih hidup ini mesti berjuang hingga ke titisan darah terakhir. Bersatulah. Janganlah khianati kawan sendiri. Kalau mahu juga simpan benci, bencilah orang asing. Merekalah yang patut kita sangsi dan curiga, bukannya bangsa sendiri. Jangan belot dan jangan berpaling tadah.

Kiranya ada antara kamu yang pandai menulis, catat dan bukukanlah apa yang dilihat dengan mata kepala ini. Tulis, catat segala apa yang di dengar dan rasa. Biar orang tahu dan dunia juga akan kenal. Bukan semua orang Melayu boleh dibuat macam sapi. Ini Melayu sejati. Tidak takut mati kerana ibu pertiwi. Mereka fikir semua orang Melayu boleh dibuat macam sapi? Boleh ditipu dan dipermainkan? Melayu-Melayu yang gilakan pangkat dan tamak bolehlah dibagi dan dibentuk sesuka hati mereka. Saya mahu hidup dan mati sebagai pendekar Melayu yang tak takut mati.

*Assessor-assessor* tidak rekomen kasihan terhadap saudara sungguhpun saudara berjuang bukan untuk diri sendiri tetapi demi maruah bangsa dan negara?

Tidak mengapa *assessor-assessor* tidak memberi rekomen kasihan.

Allah akan membalasnya dan menentukan dalam sejarah sama ada saya akan dibenci oleh anak cucu saya, atau penjajah yang akan dikutuk bersama-sama tiga assessor Melayu yang tidak ada belas kasihan kepada bangsanya sendiri. Tapi saya tahu, saya seorang mati, beribu-ribu orang Melayu akan berdiri di belakang dan meneruskan perjuangan saya.

### **Kata-kata akhir saudara?**

Selamat tinggal... hingga bertemu di akhirat nanti. Tanah air yang tercinta dan terutama ayah bonda yang saya kasihi dan saudara se-kalian, saya menyusun sepuluh jari memohon ampun. Maaf atas kesalahan saya, yang telah terjadi selama ini. Saya sanggup berkorban nyawa untuk memperbaiki rakyat yang dibudaki oleh penjajah. Saya mengaku dan terima apa-apa kesalahan di dunia ini. Saya tak gentar. Saya tak takut mati. Saya terima hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah.

**Terima kasih. Dan semoga saudara selamat dunia dan akhirat.**

Sama-sama. Assalamualaikum. Selamat berjuang dan terus berjuang! Ampun dan maaf!

*(Artikel ini pernah disiarkan di Utusan Sarawak pada 24 Disember 1995)*